

# PENGGERAK

**RAHIM TAMBY CHIK**

**PENGGERAK  
ANTARA  
IMPIAN  
DAN  
KENYATAAN**

Diselenggarakan oleh :  
Noor S.M.  
Ma'arof Saad

Persatuan Bekas Pendidik Melaka  
Kompleks Penghulu Masjid Tanah  
78300 Masjid Tanah  
Melaka  
1993

© Taming Sari Enterprise  
60 - J Taman Seri Kota  
Jalan Batu Hampar/Jalan Tun Fatimah  
75350 Melaka.  
© Taming Sari Enterprise 1988

Cetakan Pertama 1988  
Cetakan Kedua 1993

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu daripada Taming Sari Enterprise.

Gambar Foto oleh  
Jaafar Bachek  
Haji Taib Haji Baba

m

Indiah

732982

959.5118  
RAH

Dicetak oleh  
Percetakan SURYA  
361 - J & 362 Taman Bunga Raya  
Bukit Beruang  
75450 Melaka.  
RM 25.00

# Sepatah Kata

(Untuk Cetakan Kedua)

MENERBITKAN risalah, majalah, suratkhabar dan buku adalah menjadi tujuan di antara beberapa tujuan pokok penubuhan Persatuan Bekas Pendidik Melaka. Tujuan ini pula tentu sahaja, di antara lain, untuk peningkatan pengetahuan ilmu di kalangan anggota persatuan, menerusi pembacaan 'bertaraf tinggi'. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, Persatuan Bekas Pendidik Melaka memulakan langkah awalnya dengan memilih dan menerbitkan semula buku **Penggerak Antara Impian Dan Kenyataan** ini. Untuk cetakan kedua ini dilengkapkan dengan beberapa buah gambar foto sebagai tambahan.

**Penggerak Antara Impian Dan Kenyataan** pertama kali diterbitkan pada tahun 1988 oleh Taming Sari Enterprise. Sambutan terhadap kehadiran buku ini amat menggalakkan dan telah pun diterjemahkan ke bahasa Cina, diterbitkan pada tahun 1990 oleh Hewton Consultants.

Buku ini merupakan himpunan beberapa buah ucapan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik (sewaktu buku ini diselenggarakan dahulu beliau masih bergelar 'Datuk Seri') yang berhubung dengan masalah sosial, ekonomi, politik, sains, kesenian dan agama. Menerusi ucapan-ucapan itulah Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik menitipkan *vision*, kritik dan falsafah beliau dalam usaha beliau meningkatkan lagi taraf hidup rakyat, khususnya taraf hidup rakyat Melaka sendiri.

Bagi mereka yang mencintai ilmu, lebih-lebih lagi mereka yang senantiasa mengikuti perkembangan kemajuan negeri Melaka, buku **Penggerak Antara Impian Dan Kenyataan** sentiasa menjadi bahan rujukan mereka, kerana dengan menelaah buku ini kefahaman mereka tentang Melaka hari ini atau Melaka moden yang ingin diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah pimpinan Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik menjadi semakin bertambah jelas kepada mereka. Makanya tidak hairanlah apabila buku ini mendapat sambutan dari kalangan para cendekiawan di dalam dan di luar negeri.

Bahkan di antara mereka ada pula yang menyarankan agar buku ini diterjemahkan ke bahasa Inggeris untuk mereka yang tidak mampu berbahasa Melayu tetapi mampu berbahasa Inggeris dapat sama menikmatinya. Lebih jauh dari itu agar vision, kritik dan falsafah Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik sebagai seorang pemimpin dan ahli politik, sebagaimana yang terpapar di dalam buku ini dapat dipelajari oleh ramai orang dan meluas.

Menatap dan menghayati buku ini jelas kepada kita akan keunggulan dan kewibawaan Tan Sri Haji Abdul Rahim sebagai 'Penggerak' bagi 'Melaka Moden'. Tokoh ini sebenarnya telah berjaya menukar imej Melaka, dari pernah disebut-sebut sebagai *sleepy hollow* kepada *the vibrant Melaka*.

Akhir kata saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Taming Sari Enterprise, lebih-lebih lagi kepada penyelenggara Penggerak **Antara Impian Dan Kenyataan**, saudara Noor S.M. dan saudara Ma'arof Saad yang telah memberikan kepercayaan kepada Persatuan Bekas Pendidik Melaka menerbitkan semula buku ini. Saya juga melahirkan rasa terima kasih saya kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam usaha menjayakan penerbitan semula buku ini. Dan adalah diharapkan semoga usaha ini akan memberikan sebesar-besarnya manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Mudah-mudahan.

Masjid Tanah  
12 Ogos 1993  
24 Safar 1414

Haji Long Md. Said  
Pengerusi  
Persatuan Bekas Pendidik Melaka

## Pendahuluan

**M**EMINJAM sejemput kata-kata Datuk Seri Utama Dr. Mahathir, 'sementara pemimpin tidak perlu dipertahankan semata-mata ia pemimpin, ia juga tidak harus dilemahkan dengan sengaja'; maka usaha untuk mengumpul ucapan-ucapan Datuk Seri Abdul Rahim bukanlah hendak menggilap namanya kerana beliau pemimpin. Tidak juga untuk tujuan melemahkannya. Yang lebih penting, daripada ucapan-ucapannya yang terhimpun di dalam buku ini, kita bisa menanggap *vision* dan pencapainnya dalam usaha beliau membangunkan Melaka di pelbagai aspek pembangunan.

Datuk Seri Abdul Rahim tidaklah bergumul dengan idea yang muluk-muluk, tetapi apa sahaja yang diimpikannya semua berlandaskan 'ketepatan perkiraan'. Melaka yang pernah dikenal sebagai *sleepy hollow*, kini mula mengembangkan sayap pembangunan sosioekonomi di samping menghidupkan semula semangat kegemilangan Melaka dan semangat Bendahara Tun Perak yang bijaksana.

Ramai orang hanya mengenal Datuk Seri Abdul Rahim sesudah beliau menakah ke tahap Ketua Menteri pada 1982. Tetapi tidak ramai yang dapat mengikut jejak langkahnya sedari beliau mula mengenal inspirasi rakyat yang mahukan nilai-nilai kehidupan yang lebih sempurna, di samping mendekati beberapa polisi kerajaan untuk mencapai pembangunan serta kedaulatan negara.

**B**ELIAU tidak terus melompat ke kerusi Ketua Menteri. Tetapi terpaksa mengharungi dulu cabaran demi cabaran dalam arus profesionnya sebelum memasuki gelanggang politik

di peringkat kebangsaan pada 1976. Pada mulanya beliau berkhidmat sebagai Pegawai Pembangunan di Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), kemudian beralih pula sebagai Pengurus Projek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.

Sewaktu di Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, beliau turut bertanggungjawab memikir dan menyusun program pembangunan Melaka dan amat banyak kesempatan mendekati orang-orang politik di Melaka. Setelah melalui pelbagai pengalaman dalam bidang pentadbiran negeri, barulah beliau melibatkan diri secara aktif dalam politik. Sebaik sahaja memenangi pilihanraya kawasan Parlimen Alor Gajah pada 1978, beliau diberi kepercayaan bagi takah pertama untuk berkhidmat sebagai Ahli Parlimen merangkap Setiausaha Parlimen dan Timbalan Menteri Persekutuan. Dari sini, beliau terus mengatur langkah berkhidmat di Kementerian Perusahaan dan Perdagangan, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Dalam Negeri.

Kemujuran memang menyebelahi Datuk Rahim. Sepanjang beliau menerajui Negeri Melaka, keadaan politik di Melaka agak stabil. Tidak seperti sebelum tahun 1982, keadaan politik di kalangan wakil-wakil rakyat, dan tokoh-tokoh politik di dalam UMNO sering dilanda krisis yang turut menjelaskan pembangunan Melaka. Barangkali memikirkan kejayaan beliau mengamalkan 'ketepatan perkiraan' membangunkan Melaka di samping memelihara *rappor* di kalangan pemimpin politik di negara Malaysia, maka beliau dapat melanjutkan kerusi Ketua Menteri sepenggal lagi.

Kita sudah tentu tidak dapat mengandaikan dengan tepat, ke mana lagi Datuk Rahim akan dibawa oleh arus politik? Tetapi, yang pasti beliau mempunyai *vision* dan falsafah perjuangan yang dapat dipegang sebagai laluan bagi siapa sahaja yang mempunyai kecintaan terhadap kepentingan rakyat. Di dalam industri pelancongan, beliau mahu melihat Melaka akan menjadi destinasi pelancongan yang akan diperlengkap dengan projek 'cahaya dan bunyi' — setiap peristiwa penting sejarah akan dirakamkan secara jelas. Di samping itu beliau mahukan pembangunan dialirkkan ke luar

## PENDAHULUAN

bandar. Sebab itu beliau mengkritik bank-bank yang memtingkan *the big-timers* dan *the big-spenders*.

Untuk memelihara kebudayaan kebangsaan, beliau mempunyai pegangan 'tanpa budaya lenyaplah bangsa'. Dan kemajuan pendidikan yang dimahunya masa kini ialah anak-anak bumiputera mestilah menumpukan perhatian kepada mata pelajaran matematik dan sains. Banyak lagi *vision* dan falsafahnya yang dapat kita cungkil daripada himpunan ucapan-ucapannya yang termuat di dalam buku ini.

Usaha kami yang kecil ini, yang masih terdedah kepada beberapa kelemahan, sekurang-kurangnya akan dapat membina lagi daya apresiasi banyak orang kepada pemimpin yang berjasa membangunkan Melaka. Lebih daripada itu, kita sama-sama belajar daripada kekuatannya mengadun ilmu dan pengalaman bagi membentuk kualiti kepimpinan. Malahan kami juga berharap semoga buku ini menjadi bahan penyelidikan dan rujukan kepada generasi masa kini dan generasi pemimpin pada masa muka. Usaha ini juga salah satu ikhtiar hendak menumbuhkan masyarakat gemar membaca.

Begitulah harapan kami!

Noor S.M.  
Ma'arof Saad

Melaka, 8 Mac 1988.

Noor S. M.

**Sebuah Sajak  
Setelah Mendengar  
Sebuah Mimpi  
Seorang Lelaki  
Bernama Datuk  
Seri Abdul Rahim  
Tamby Chik**

i

yang datang berdiri  
di hadapan kita  
adalah ia, lelaki perkasa  
yang bekerja, dalam payah  
melukiskan mimpi  
menjadi nyata

kanvasnya, tanah negeri, pasir  
dan pantai lumpur sungai tohor  
warnanya, air mata nasib bangsa  
adalah nasib kita

ii

makanya  
mari bersama kita berdiri  
di belakangnya  
di kiri kanannya  
menjadi benteng  
menjadi dinding  
barisan kuat  
setia sahabat

semoga nanti lukisan mimpi  
pada bumi anak negeri, kembali  
menjadi indah  
menjadi wadah  
lambang bangsa warisan kita  
yang megah

Melaka  
7 Mei, 1985

## Penghargaan

D IJUNJUNG budi Pak Yaakub Bachik (Y.B.) yang telah menghulurkan kerjasama dan rangsangan sehingga buku ini menampakkan wajahnya di kalangan pembaca.



# **Isi**

*Pendahuluan*

ix

*Kandungan*

xv

## **POLITIK**

|   |    |
|---|----|
| 1. Isu Bukit China                        | 3  |
| 2. Kestabilan Politik Tunggak Pembangunan | 12 |
| 3. Strategi Barisan Nasional              | 18 |

## **PEMBANGUNAN**

|   |    |
|---|----|
| 4. Tentukan Arah Kemajuan                 | 35 |
| 5. Tanah Adat Jadi Komoditi               | 39 |
| 6. Hadapi Kemelesetan Secara Bijaksana    | 43 |
| 7. Tahap Prestasi Pembangunan Perlu Kekal | 55 |
| 8. Dasar Perjuangan Ke Akar Umbi          | 69 |

## **EKONOMI**

|  |    |
|--|----|
| 9. Jadikan Bank Dahan Bergantung                     | 85 |
| 10. Tingkatkan Produktiviti Ke Tahap Paling Maksimum | 89 |

## **PELANCONGAN**

|   |     |
|---|-----|
| 11. Industri Pelancongan Alirkan Wang Kepada Negara | 95  |
| 12. Projek Cahaya dan Bunyi Tarik Pelancong         | 101 |

PENGERAK

BUDAYA DAN SENI

|  |     |
|--|-----|
| 13. Himpun Warisan Bangsa                        | 109 |
| 14. Kualiti Kehidupan Kemanusiaan dan Kerohanian | 113 |
| 15. Penulis Perlu Berfikir Positif               | 119 |
| 16. Tanpa Budaya Lenyaplah Bangsa                | 122 |
| 17. Memasyarakatkan Filem Tempatan               | 131 |

\*

PENDIDIKAN

|                            |     |
|----------------------------|-----|
| 18. Kuasailah Bidang Sains | 139 |
| 19. Pendidik Harus Peka    | 143 |

AGAMA

|                                   |     |
|-----------------------------------|-----|
| 20. Al-Quran Bukan Sekadar Dibaca | 149 |
| 21. Berhijrah Kepada Kemajuan     | 154 |

*Catatan Kaki*

157

## Politik

TIDAK ramai orang yang mempunyai kualiti kepimpinan. Sedangkan hendak menjadi pemimpin politik, kualiti kepimpinanlah yang harus ada pada diri seseorang. Dia mesti bijaksana, sabar, bukan berkiblatkan kepentingan diri, sanggup mengkritik diri dan sanggup pula menerima kritikan orang lain yang tujuannya membina. Inilah di antara sifat-sifat yang terpuji untuk kepimpinan. Sifat-sifat demikian yang sedang menguji ketokohan politik YAB Datuk Seri Rahim.



## Isu Bukit China

**S**eperti mana yang kita sekalian sedia maklum, matlamat membangunkan Negeri Melaka dan memberi ke sejahteraan kepada penduduknya yang kini berjumlah setengah juta orang adalah satu matlamat induk yang bukan saja penting dan perlu malah tidak boleh dikompromi demi masa depan yang lebih cerah untuk kita semua dan generasi kita pada masa akan datang.

Sejak mencapai kemerdekaan dan apabila rakyat daripada berbilang kaum terus menerus memberikan mandat kepada kerajaan Barisan Nasional untuk memerintah, adalah jelas lagi nyata bahawa matlamat induk yang saya sebutkan itu walaupun sukar dan mencabar untuk dicapai, telah menjadi satu tugas dan tanggungjawab yang amat berat dan wajib dilaksanakan. Pencapaian matlamat ini menjadi lebih sukar dan mencabar memandangkan Melaka bukan saja kecil malah mempunyai sumber-sumber alam yang amat terhad.

Berasaskan faktor-faktor inilah maka Melaka terpaksa menggunakan sepenuhnya sumber-sumber terhad yang dimilikinya itu di samping jumlah penduduknya yang ramai. Projek-projek dan program-program pembangunan telah dilancarkan dengan agak pesat bermula pada 1970-an sehingga kini merangkumi sektor-sektor perindustrian, pelancongan, pertanian, pembinaan, perkhidmatan dan perniagaan. Kerajaan dan kepimpinan yang sedia ada akan terus mendedikasikan tenaga dan keupayaan sehingga Melaka benar-benar membangun dan memberi harapan yang lebih cerah dan terjamin kepada seluruh penduduknya yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum, khususnya dalam peningkatan

## PENGGERAK

taraf hidup sosioekonomi rakyat, akan menjadi kenyataan yang tidak boleh diperkotak-katikkan. Insya-Allah, ini akan kita teruskan selagi rakyat terus memberi mandat dan amanah mereka kepada Barisan Nasional.

Dari sumber-sumber yang terhad inilah Melaka kini telah dapat sedikit sebanyak menggerakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonominya yang mana kadar pertumbuhan KNK Melaka dalam 1983 adalah 5.7%. Perbandaran Melaka dan kawasan-kawasan persekitarannya telah menjadi tumpuan hebat gerakan pembangunan, baik oleh sektor awam atau swasta. Khususnya di kawasan Perbandaran ini, angin perubahan dan semangat pembangunan terus menerus menular di kalangan penghuni-penghuni bandar dan pemilik-pemilik tanah.

## Tambak Laut

Laut terpaksa ditambak bagi memenuhi keperluan pembangunan masa kini dan masa akan datang. Pelan struktur pembangunan baru yang lebih luas saiznya yang telah pun disiapkan, pelan induk Negeri Melaka yang hampir siap dan penyediaan satu plan komprehensif bandaraya Melaka yang kini dalam proses dilaksanakan menggambarkan secara terus terang bukan sahaja *total commitment* kerajaan untuk menjadikan Melaka sebuah bandaraya progressif dan metropoltian tetapi juga akan membolehkan pola-pola pembangunan di seluruh kawasan Perbandaran akan dapat dipesat dan ditingkatkan secara terpandu. Dalam hubungan inilah, Bukit China dan kawasan di persekitarannya yang menempatkan jirat orang-orang Cina dan kubur orang-orang Melayu, seluas lebih kurang 104 ekar terletak membujur seperti keranda di tengah-tengah Bandar Melaka, sama ada kita mahu mengakui ataupun tidak, terlibat dari segi kedudukannya dalam perancangan intensif dan perlaksanaan proses pembangunan bandaraya Melaka pada keseluruhannya.

Kerana strategiknya kedudukan kawasan Bukit China inilah iaitu terletak betul-betul di tengah-tengah sebuah bandar yang padat, sesak lagi sempit, di mana arus aktiviti

pembangunan amat mendesak dan mendadak sekali, telah menyebabkan kawasan ini terpaksa dimajukan secara sistematis dan bersepuduh dengan kawasan-kawasan yang lain.

Hasrat dan cita-cita pembangunan kerajaan yang murni ini telah dirasai bersama oleh Pemegang Amanah Tokong Cheng Hoon Teng (CHT) apabila sekurang-kurangnya tiga kali mesyuarat bersama telah diadakan iaitu pada 22 Ogos 1983, 23 September 1983 dan 16 Januari 1984, yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri, dan diwakili oleh tidak kurang 3 atau 4 orang Pemegang Amanah Tokong tersebut.

Antara persetujuan-persetujuan awal yang dicapai ialah kawasan Bukit China ini pada dasarnya hendaklah dimajukan dengan memberi manfaat kepada masyarakat Tionghua, tapak baru bagi jirat-jirat yang dipindah, kaedah methodologi dan rekabentuk pembangunan yang disarankan dan lain-lain. Akibat dari perbincangan-perbincangan inilah dan atas permintaan Pemegang Amanah Tokong CHT, Kerajaan telah bersetuju meminda pelan awal pembangunan bagi Bukit China dengan memasukkan:

- Kawasan Tokong,
  - Kawasan Perigi Raja,
  - Tapak Sekolah Pay Fong,
  - Tapak baru sebuah kawasan pendidikan/tadika,
  - Tapak jirat seorang Cina yang dikatakan dari Dinasti Ming (belum disahkan lagi),
  - Jirat Chan Kah Koa (penderma tanah Bukit China),
  - Jirat-jirat keramat,
  - Kawasan rekreasi sosio/budaya,
- sebagai kawasan yang diperlindungkan (preserve) yang kesemua ini mungkin meliputi kira-kira 20% dari seluruh kawasan pembangunan Bukit China nanti.

Malangnya, apabila perundingan-perundingan sedang rancak dijalankan secara langsung dan tidak langsung, dan berita pembangunan tersebar luas, ramai pula pihak-pihak tertentu yang cuba menangguk di air keruh. Ada setengah-setengahnya, khususnya di kalangan masyarakat Tionghua, yang terus terang menyokong rancangan pembangunan Bukit

China ini, ada pula yang memberi sokongan bersyarat, ada juga yang menentang, ada pula yang berdiri di atas pagar, ada juga yang di hadapan menyatakan sokongan tetapi di belakang sebaliknya, dan reaksi lain yang bermacam-macam rupa.

Walaupun apa reaksi yang timbul, seperti biasa, parti DAP adalah satu parti *political opportunists* dan perkauman yang sentiasa menunggu masa bagi memutari-belitkan keadaan agar ia akan terus mendapat sokongan murah dari mereka yang boleh diperkotak-katikkan. Satu demonstrasi diadakan baru-baru ini atas nama perhimpunan agama di Bukit China, walaupun masyarakat dan rakyat faham demonstrasi itu semata-mata satu taktik kotor dan murah DAP bagi menguji sokongan orang ramai yang semakin merosot terhadapnya. Kita semua tahu, DAP akan terus membakar dan membarakan api perkauman, emosi dan sentimen sesiapa saja asalkan matlamat politik sempitnya tercapai walaupun cara-cara yang digunakan ini, mereka sedar, akan menjahanamkan perpaduan rakyat berbagai kaum dan sistem kenegaraan kita.

Ada pula sesetengah pihak yang terlalu emosional dan anti-pembangunan yang sentiasa menekankan perkataan 'perataan' Bukit China (*levelling of Bukit China*) dan bukannya 'konsep', hasil dan faedah dari pembangunan Bukit China yang sebenarnya, dengan harapan perkataan 'meratakan Bukit China' itu akan mengelirukan masyarakat Tionghua seolah-olah kerajaan akan membinasa dan memusnahkan seluruh peninggalan-peninggalan sejarah yang terdapat di bukit itu dan dengan itu timbulah perasaan benci dan tidak selamat di kalangan mereka yang menjadi sasaran oleh kumpulan negatif ini.

Ada juga yang melaungkan seolah-olah pembangunan Bukit China ini satu penindasan dan penghapusan aspek kebudayaan, agama dan sejarah orang Cina, walaupun mereka sedar dan insaf Kerajaan yang ada ini yang disokong oleh setiap kaum tidak pernah berbuat demikian dalam sejarahnya. Malah kita merasai semua jenis bentuk sejarah dan kebudayaan harus dilindungi termasuklah di kawasan Bukit China yang akan dimajukan nanti dan sebarang agama adalah terpelihara di

bawah Perlembagaan Negara. Apakah lagi Negeri Melaka yang bertuah dan bersejarah ini, yang mana reputasinya dan strategi pembangunan sektor pelancongannya amat berlandaskan sejarah, peninggalan-peninggalan sejarah, berbagai-bagai agama dan kebudayaan — kombinasi kesemua itulah dipanggil Melaka.

Tergamakkah Kerajaan dalam keadaan dan *commitment* seperti ini menghapus dan membinasakan mana-mana kebudayaan, sejarah dan agama mana-mana kaum? Saya suka mencabar mana-mana pihak agar menamakan mana-mana tempat dan tapak yang boleh dianggap sejarah di dalam negeri Melaka ini termasuklah di dalam kawasan Bukit China sendiri, yang telah dimusnahkan oleh kerajaan? Dan saya memberi jaminan bahawa kesemua tempat yang bernilai sejarah, kebudayaan dan agama akan terus diperlindungi (*preserve*) sebagai warisan negara dan warisan generasi yang akan datang.

Tetapi ingat, Kerajaan tidak mengiktiraf mana-mana cerita dongeng yang direka-reka atau legenda ciptaan sendiri semata-mata untuk memuaskan nafsu politik mana-mana pihak. Itulah sebabnya dalam plan tata-atur pembangunan Bukit China, Kerajaan telah bersetuju tempat-tempat dan tapak-tapak yang dianggap bersejarah oleh Pemegang Amanah Tokong CHT ini dipelihara dan tidak dibangunkan agar matlamat yang saya sebutkan itu tercapai.

Apa yang lebih menarik dari ini ialah golongan *political opportunists* dan anti pembangunan ini, dengan keangkuhan dan kesombongan sentiasa menjalankan kegiatan-kegiatan dan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang memesong dan mengelirukan serta menuduh pula mana-mana pihak yang menyokong pembangunan Bukit China itu sebagai penghianat bangsa Cina.

Pada hemat saya dan setelah meneliti faedah-faedah dan hasil-hasil nyata dari pembangunan Bukit China kepada masyarakat Tionghua sendiri, adalah jelas penuduh-penuduh itulah sebesar-sebesar pengkhianat kepada bangsa Cina. Dengan mengharapkan Bukit China tidak dimajukan dan pada

masa yang sama menggunakan isu ini bagi menyebarkan dan menyemarakkan sentimen dan perasaan perkauman negatif yang merbahaya dan berterusan di kalangan setengah-setengah kaum, golongan ini berharap parti politik yang mereka dokongsi itu akan terus dapat hidup atas satu perjudian yang mengadaikan satu matlamat negara yang paling jitu dan agung iaitu pembentukan satu Malaysia yang lebih bersatu-padu, makmur dan bahagia.

Saya tegaskan sekali lagi, sesungguhnya mereka ini merupakan sumber dan potensi kecelakaan kepada pembentukan keutuhan, kemantapan, dan intergrasi nasional pada masa-masa yang akan datang. Setelah Kerajaan menimbang kesemua pandangan, pendapat, hujah, emosi, sentimen dan fikiran yang dilahirkan secara terang-terang atau senyapsenyap, secara langsung ataupun tidak, secara bertulis ataupun lisan, saya suka menyatakan di sini, bahawa Kerajaan berpendapat pembangunan Bukit China sesungguhnya memberi lebih banyak faedah-faedah dan hasil daripada mudarat kepada masyarakat Cina dan rakyat Melaka pada keseluruhannya.

Dengan ini, saya suka menekankan bahawa pihak Kerajaan Negeri akan meneruskan rancangan pembangunan Bukit China yang telah pun dirangkakan itu, selaras dengan hasrat murni dan cita-cita kita bagi melihat perkembangan dan pembangunan bandaraya Melaka yang lebih pesat dewasa ini, sebagai penyelesaian kepada masalah-masalah kepadatan, kesesakan dan kesempitan bandaraya Melaka, juga sebagai persediaan kepada pertumbuhan yang intensif pada masa akan datang di dalam kawasan perbandaran.

Untuk mencapai matlamat pembangunan Bukit China ini secara berkesan dan adil, kerajaan ingin mengumumkan beberapa kaedah atau alternatif yang difikirkan logik dan munasabah, dan akan melaksanakan salah satu daripada kaedah-kaedah atau alternatif-alternatif itu mengikut kesesuaian keadaan:

- Kaedah yang menyarankan penyertaan dan penglibatan sepenuhnya dari orang-orang Cina;
- Kaedah yang menyarankan penyertaan dari orang Cina dan

Kerajaan secara bersama;

- \* Kaedah yang menyarankan penyertaan dan penglibatan sepenuhnya oleh kerajaan.

Bagi kaedah/alternatif pertama, adalah perlu bagi Pemegang Amanah Tokong CHT mengambil beberapa langkah tertentu ke arah pencapaian matlamat ini. Langkah-langkah ini termasuklah mendapatkan perintah mahkamah bagi membolehkan hakmilik tanah Bukit China diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan menukar syarat-syarat tanah tersebut dari perkuburan kepada pembangunan, jika perlu.

Pemegang Amanah Tokong CHT dalam hubungan ini hendaklah menubuhkan yayasan yang didaftarkan dan tidak bersifat membuat keuntungan (non-profit making), di mana ahli-ahli lembaga yayasan ini dipilih sendiri sepenuhnya oleh Pemegang Amanah Tokong CHT.

Kerajaan akan memberikan semula hakmilik tanah Bukit China yang telah dipinda bersama jaminan untuk kelulusan atas plan-plan pembangunan Bukit China yang dipersekutui oleh yayasan berkenaan. Keputusan lain selanjutnya mengenai pembangunan Bukit China termasuklah tempat-tempat dan tapak-tapak yang akan diperlindungi (preserve) akan diputuskan dari semasa ke semasa oleh yayaan ini. Yayasan ini juga hendaklah memastikan segala hasil dan pendapatan dari pembangunan yang dijalankan digunakan untuk kepentingan masyarakat yang mereka wakili. Untuk memudahkan yayasan ini bergerak dan bertindak, Kerajaan akan menyediakan sebuah tapak perkuburan Cina yang baru terletak jauh sedikit dari kawasan bandar. Kerajaan juga akan menggalakkan pembinaan crematorium' bagi tujuan upacara kematian sepetimana yang digunakan oleh masyarakat Tionghua di Singapura.

Sekiranya alternatif pertama itu tidak mendapat sambutan dari Pemegang Amanah Tokong CHT atas sebab-sebab tertentu, saya berharap masyarakat Cina yang berkaitan tidak akan mempersalahkan pihak kerajaan kerana terpaksa memilih kaedah/alternatif kedua pula. Di bawah kaedah/alternatif kedua ini, Kerajaan bercadang membangunkan kawasan Bukit

## PENGERAK

China, juga melalui pembentukan sebuah yayasan yang di-daftarkan. Kerajaan akan dinasihati dan dipandu oleh yayasan ini dalam memastikan pola-pola pembangunan yang sesuai termasuk pemeliharaan tempat-tempat dan tapak-tapak bersejarah untuk kawasan Bukit China ini nanti.

Kira-kira setengah daripada ahli lembaga yayasan ini akan terdiri daripada orang-orang Tionghua, manakala sebahagian lagi akan dilantik oleh pihak kerajaan. Dalam hubungan ini proses pembangunan akan dijalankan secara peringkat demi peringkat. Sekiranya konsep dan saranan ini pun gagal atau digagalkan, maka Kerajaan tiada pilihan lain kecuali memilih kaedah/alternatif ketiga iaitu membangunkan Bukit China itu melalui sebuah agensi pembangunannya yang sesuai. Untuk ini, Kerajaan yakin perancangan dan perlaksanaan program pembangunan Bukit China akan dapat dipercepatkan, selaras dengan hasrat mengatasi masalah-masalah kepadatan, kesesakan dan kesempitan akibat dari pertumbuhan dan perkembangan bandaraya Melaka masa ini dan juga untuk keperluan masa akan datang.

Kalaulah langkah ini terpaksa diambil, saya suka memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kepentingan semua kaum termasuk orang-orang Tionghua khususnya dari segi sejarah, agama dan kebudayaan akan sentiasa diambil pertimbangan agar hasil-hasil dan faedah-faedah dari pembangunan ini akan dinikmati secara adil dan saksama oleh rakyat Melaka.

Kerajaan sentiasa sedar sekiranya kawasan seperti Bukit China ini wujud di Taiwan atau di Hongkong ataupun di Singapura, riwayatnya lama telah habis dikorbankan dari apa yang dibuat di Melaka, bukan kerana kita tidak sayang dan cintakan Bukit China tetapi demi masa depan kita dan bandaraya kita yang lebih gemilang. Seperti kata seorang pemimpin dari sebuah negara jiran kita, yang juga seorang Tionghua, 'untung nasib dan masa depan orang-orang yang hidup itu adalah lebih penting dan perlu dari mereka yang telah mati'.

Atas semangat progresif dan futuristik Kerajaan Barisan

Nasional inilah, Kerajaan Negeri Melaka akan memberi tempuh dan jangkamasa tertentu kepada pihak-pihak berkenaan yang berkaitan dengan soal pembangunan Bukit China ini agar meneruskan perundingan mengenai kaedah alternatif yang telah disarankan tadi. Sehingga satu keputusan mengenai kaedah pembangunan dicapai, kerajaan bersetuju menangguhkan kutipan cukai atas kawasan Bukit China ini walaupun ini merupakan satu ketidakadilan kepada rakyat yang sepatutnya mendapat nikmat daripada cukai yang dikutip oleh Kerajaan.

## Kestabilan Politik Tunggak Pembangunan

Tujuan saya mengadakan perjumpaan ini adalah untuk memberi amanat penting kerana kita baru sahaja menghadapi pilihanraya dan kerajaan Barisan Nasional telah pun diberi mandat untuk meneruskan lagi pentadbiran di negeri ini. Dengan mandat baru ini, kita ingin membuat sesuatu yang praktikal dan konkret supaya dapat dilihat dengan mata kepala kita sendiri akan perubahan-perubahan yang berlaku di negeri ini.

Oleh itu, mandat yang diberikan ini amat penting kerana ia akan dinilai oleh rakyat pada setiap masa. Saya berharap semangat, kerjasama atau perhubungan yang rapat antara saya dengan ahli-ahli Yang Berhormat dan Ketua Jabatan, antara ahli-ahli politik dengan ahli pentadbiran dan juga pegawai kerajaan akan sentiasa terjalin dengan mesra dan dipertingkatkan sehingga menjadi satu 'asset' yang penting kepada kejayaan Melaka seterusnya.

Saya berpendapat matlamat yang disebutkan tadi hanya boleh tercapai melalui dua syarat yang penting. Yang pertama ialah mewujudkan kestabilan politik di mana tugas dan tanggungjawab ini terletak pada ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Yang kedua ialah untuk meningkatkan pembangunan di negeri ini di mana tanggungjawabnya terletak pada ahli-ahli Yang Berhormat dan juga semua Ketua Jabatan.

Kedua-dua syarat ini hendaklah berjalan seiring sebahu. Tidak ada pembangunan yang boleh dijalankan, dirancang, direncanakan, dilaksanakan dan diimplementasikan kecuali dengan adanya kestabilan politik.

Kestabilan politik akan terjejas dan tidak boleh dipertahankan sekiranya kerajaan yang ada atau negeri ini tidak bergerak atau miskin. Dengan demikian, segala cita-cita dan hasrat orang ramai tidak dapat kita laksanakan. Ini juga akan menjadikan keupayaan kita untuk membangunkan sebuah negeri yang boleh kita banggakan. Kedua-dua faktor yang saya nyatakan tadi, harus dipertahankan dari semasa ke semasa.

Oleh itu, perhubungan ahli-ahli politik dengan ketua-ketua jabatan amat perlu dikekalkan, dipertingkatkan dan diperkuuhkan lagi semangat *esprit de corps* ini supaya kita dapat bergerak, berbincang, menganalisa, merencanakan serta melaksanakan rancangan yang tepat kepada sasaran yang kitakehendaki.

Kalau berlaku kekecohan dan jika perhubungan antara ahli-ahli Yang Berhormat dengan Ketua-ketua jabatan menjadi begitu ketara dan serius, maka saya berpendapat bahawa tidak ada rancangan yang boleh dilaksanakan di negeri ini secara berkesan. Kalau adapun, mungkin kita dapat melaksanakannya secara *ad hoc* atau secara sambilan sahaja. Tetapi matlamat kita untuk meningkatkan taraf hidup yang tinggi dan kadar pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang lebih menggalakkan tidak dapat dilaksanakan secara berkesan ataupun secara integrasi. Maka adalah menjadi harapan saya sebagai ketua kerajaan dan harapan kita semua agar *rappo*rt ini berkekalan.

Ahli-ahli Yang Berhormat harus memahami masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai kerajaan kerana mereka ini sentiasa terikat dengan peraturan-peraturan dan birokrasi yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa. Sebaliknya pula, saya meminta pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat supaya memahami akan kedudukan wakil-wakil rakyat yang sentiasa diburu oleh rakyat bagi mendapatkan berbagai-bagai perkhidmatan serta menyelesaikan masalah mereka.

Dengan memahami masalah-masalah ini, saya percaya ia akan memberi erti kepada usaha-usaha kita dalam melaksanakan segala projek dengan berkesan dan penuh bermakna.

Pengalaman lalu menunjukkan walaupun pada keseluruhan-nya prestasi perhubungan di antara wakil rakyat dengan pegawai kerajaan berjalan dengan baik tetapi masih ada ruang yang boleh dibaiki. Ini disebabkan ada wakil-wakil rakyat tidak memahami akan tugas-tugas ketua jabatan dan begitu juga terdapat ketua-ketua jabatan yang tidak memahami tugas-tugas yang dijalankan oleh wakil rakyat.

Maka itu sebabnya, di dalam forum, mesyuarat dan perbincangan lebih banyak menimbulkan perkara-perkara yang menghentam peribadi daripada mencari jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah yang masing-masing hadapi.

Lebih banyak soal 'salah menyalahkan' di antara satu sama lain daripada memikirkan apakah resolusi masalah itu dapat diselesaikan dengan kaedah-kaedah atau batasan yang kita miliki sebagai wakil rakyat dan ketua jabatan. Lantas, kita lihat lebih banyak perasaan tidak puas hati timbul di kalangan sektor awam dengan sektor politik di negeri ini ataupun di mana-mana sahaja.

Ketidaksefahaman seumpama ini telah menyebabkan banyak perkara mengenai perlaksanaan turut terjejas sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Pengalaman lalu juga telah menjadi sejarah dan pengajaran kepada kita agar masalah-masalah ini dapat diatasi pada masa kini dan pada masa akan datang.

Saya lebih suka melihat forum-forum dan mesyuarat di mana banyak masa digunakan untuk mencari jalan-jalan yang tepat dan menepati sasaran bagi meningkatkan lagi penghidupan yang lebih baik. Kita hendaklah sedar akan tugas dan tanggungjawab kita. Kita juga hendaklah insaf bahawa kita mempunyai satu *mission* yang penting untuk kita laksanakan di negeri ini.

Saya tidak akan melayani 'politiking' dan saya tidak berminat untuk 'berpolitiking'. Berpolitik dalam 'public service' atau berpolitik dalam arena politik yang membazirkan, boleh merugikan negeri, parti pemerintah dan kerajaan sendiri. Saya akan mengambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang

terlibat kerana ia merugikan masa dan sumber-sumber yang penting.

Kepastian yang jelas kepada kita ialah harapan kepimpinan negara dan rakyat untuk membawa perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh negeri ini yang boleh membanggakan kita serta meningkatkan maruah kita pada keseluruhannya. Oleh itu, tidak ada ruang bagi kita untuk membazirkan sumber-sumber, tenaga dan masa.

Saya berharap aspirasi ataupun matlamat kita itu, dapat dihayati oleh kita semua. Saya bercakap terus terang kepada semua wakil rakyat dan ketua jabatan supaya ia menjadi satu pegangan dan landasan yang kuat dan teguh sebagai memenuhi hasrat, amanah dan mandat yang diberikan kepada kita.

Saya juga hendak mengingatkan ahli-ahli Exco bahawa mereka adalah 'public servant'. Sebagai pegawai-pegawai kerajaan yang telah diberi amanah, saya telah memberi beberapa panduan kepada mereka supaya menjalankan kerja dedikasi. Hal ini juga ditujukan kepada semua wakil rakyat dan ketua jabatan agar garis panduan itu dapat diikuti dengan baik dan sempurna.

Kepada ahli-ahli Exco, saya telah meminta mereka supaya menunjukkan contoh teladan yang baik kepada pegawai-pegawai kerajaan dan orang ramai serta menjalankan kerja dengan dedikasi dan juga mengenepikan kepentingan-kepentingan diri dalam membuat keputusan yang menyentuh hal ehwal negeri.

Ini amat penting dan menjadi satu landasan kejayaan terhadap kepimpinan mana-mana pemimpin yang telah dipilih. Kalau seseorang lebih mementingkan 'perut' dan kepentingan diri dan peribadi mereka daripada kepentingan organisasi maka mereka akan menjadi pemimpin yang gagal walaupun mereka akan menjadi kaya dalam sekejap masa.

Saya berpendapat kerjasama di antara ahli-ahli Yang Berhormat dengan ketua-ketua jabatan ini menjadi satu *foundation of success* atau asas kejayaan kita dalam negeri ini. Saya ingin menyatakan bahawa di dalam hal ini terdapat beberapa kaedah di mana wakil-wakil rakyat boleh mem-

perjuangkan nasib rakyat dan memahami serta melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

Adakalanya ahli-ahli Yang Berhormat tersepit di antara dasar yang dijalankan oleh kerajaan dengan dasar untuk memperjuangkan atau membela rakyat. Kadang-kadang apa yang dibela itu menimbulkan konflik dengan apa yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan dan akhirnya wakil-wakil rakyat tersebut.

Tetapi saya suka mengingatkan bahawa dalam menjalankan tugas sebagai wakil ini, kerajaan tidak pernah membuat sesuatu dasar atau program yang boleh merugikan rakyat. Segala perancangan yang telah digubal adalah berdasarkan kepada *feedback* yang datangnya daripada rakyat. Oleh itu, terdapat peringkat-peringkat tertentu yang dijalankan sebelum sesuatu dasar itu dilaksanakan oleh kita dari semasa ke semasa.

Tugas wakil rakyat amatlah penting bagi memastikan apa yang digubal dan dilaksanakan menepati kehendak sasaran. Kadang-kadang kalau kita tidak mempunyai peranan yang 'meaningful' atau yang berkesan maka segala yang kita laksanakan akan menjadi suatu pembaziran dan tidak dihargai oleh orang lain. Dengan demikian, wang kita akan habis begitu sahaja malah kerajaan akan menerima ancaman dan *condemnation* daripada orang ramai.

Dengan itu, peranan untuk mengintegrasikan hasrat dan aspirasi kerajaan dengan apa yang dikehendaki dan diharapkan oleh rakyat akan menjadi satu jambatan kepada wakil rakyat untuk menjalankan tugas penting ini.

Pada masa lalu, terdapat wakil-wakil rakyat yang bercakap dan berbincang tanpa memahami akan dasar-dasar kerajaan. Jadi, apabila mereka mengeluarkan pendapat maka ianya telah lari daripada hasrat yang sebenar dan tidak dapat menyelesaikan masalah rakyat. Seterusnya ini mewujudkan rasa tidak puas hati dan ruang-ruang perbezaan di antara rakyat dengan kerajaan.

Sekiranya perkara ini berlaku, apa yang dituntut selama ini dengan mengatakan bahawa kerajaan berjiwa rakyat tidak akan menjadi suatu kenyataan. Malah tugas wakil rakyat akan

menimbulkan satu 'lompang' yang besar sehingga tidak ada penghargaan daripada rakyat.

Oleh hal yang demikian, dasar-dasar kerajaan yang digubal amat perlu diterap dan dihayati oleh semua wakil rakyat melalui forum-forum yang tertentu. Pertama ialah mesyuarat dengan Ketua Menteri pada tiap-tiap bulan. Saya amat bersyukur kerana banyak masalah yang tidak diselesaikan telah pun diselesaikan dan masalah-masalah yang tidak kita ketahui juga telah diketahui melalui mesyuarat ini.

Tetapi ada juga masalah iaitu kadar kehadiran atau keuzuran yang tinggi. Ada setengah-setengah wakil rakyat yang tidak langsung mengambil berat tentang mesyuarat. Saya rasa mesyuarat seperti ini penting, bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah rakyat tetapi juga kita boleh memahami dan mengetahui dasar-dasar terakhir kerajaan sekiranya dasar-dasar ini telah menimbulkan salah faham di kalangan rakyat.

Mesyuarat adalah penting bagi kita melengkapkan segala pengetahuan dan maklumat supaya membolehkan kita menjadi wakil rakyat yang berkesan.

Kedua ialah ada ahli-ahli Yang Berhormat yang akan dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Portfolio. Menjadi Timbalan Pengerusi Portfolio pada masa lalu dianggap tidak penting, pada hal inilah tempat yang boleh kita berbincang akan hal-hal yang khusus dan juga polisi.

Saya ingin mengingatkan ahli-ahli Exco supaya dapat menjalankan mesyuarat portfolio dengan rasa tanggungjawab dan juga dalam menggubal dasar-dasar. Semua ini akan menyumbang kepada usaha untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat negeri ini.

Selain daripada itu, saya suka menyatakan bahawa saya akan melawat kawasan-kawasan pada tiap-tiap bulan. Ini adalah satu usaha untuk merapatkan diri dan ingin menunjukkan bahawa kerajaan ini adalah berjiwa rakyat.

## Strategi Barisan Nasional

**S**EWAKTU melangkah ke meja khas di dalam biliknya, Datuk Seri A. Rahim Thamy Chik belum lagi sempat melepaskan engap. Beliau baru sahaja selesai mempengerusikan suatu mesyuarat penting. Jarum waktu sudah pun menunjukkan angka lima. Melewati 45 minit waktu pejabat. Termakan sejam kalau mengikut jadual pertemuannya dengan bekas Editor *ERA*.

Datuk Seri A. Rahim namun kelihatan tenang apabila mencecahkan ponggongnya ke kerusi. Di meja khasnya tercengok kepala pembesar suara yang bentuknya kecil molek. Letaknya tidak jauh dari kerusi yang lazim didudukinya. Beliau memakai bush jacket berwarna kuning tua. Lencana 'RAHIM' tersemat kemas. Luas dahinya tidaklah begitu ketara kerana rambutnya tersisir ke hadapan dan hujung rambutnya tidak pula menutup keseluruhan dahinya. Walaupun beliau bermisai dan berjanggut, tetapi raut mukanya masih kelihatan muda dan umurnya boleh diagak dalam lingkungan 35 atau 36 tahun.

Tidak pelik Datuk Seri A. Rahim boleh bekerja keras. Malahan kematangan fikirannya dapat dilihat daripada kata-kata yang diucapkannya. Tersusun. Tiap-tiap pertanyaan yang diutarakan cepat-cepat disambut tetapi pengucapannya cukup terkawal. Hanya satu soalan yang enggan dijawabnya. Beliau tidak betah dengan soalan itu mungkin kerana menepati anggapan sesetengah orang "dia bukan manusia pendendam." Ternyata yang hendak dibanyakkan 'kawan' bukan 'lawan'.

Hampir satu jam beliau telah meluangkan masa melayan pertanyaan-pertanyaan yang diajukan, tetapi pelbagai aspek

telah disentuhnya. Jawapan kepada 'strategi BN' dan 'pembangunan' telah menampakkan hasratnya yang murni dan keseriusannya hendak memajukan Melaka. Berikut rakaman sepenuhnya:

**Tahniah:** Pertamanya saya ucapan terima kasih atas ucapan tahniah oleh ERA atas kejayaan BN menubuhkan semula kerajaan negeri Melaka baru-baru ini. Sesungguhnya ingin mengatakan bahawa kemenangan ini bukanlah satu kebanggaan kosong semata-mata, tetapi merupakan satu cabaran yang berat yang harus dipandang dengan penuh rasa tanggungjawab bagi menerajui kerajaan negeri Melaka ini untuk empat atau lima tahun akan datang.

Jadi kemenangan ini, walaupun akan memberikan keazaman yang baru kepada saya dan juga ahli-ahli kerajaan tetapi akan merupakan satu tanggungjawab berat untuk memenuhi segala hasrat yang telah kita ikrarkan kepada rakyat khususnya melalui manifesto BN baru-baru ini.

**Sikap Terhadap Pembangkang dan Pengundi:** Saya pernah mengatakan bahawa sikap saya terhadap pengundi-pengundi di empat buah kawasan yang jatuh ke tangan pembangkang iaitu di kawasan Parlimen Kota Melaka, kawasan-kawasan Undang Negeri di Tranquerah, Durian Daun dan Kubu adalah kerajaan akan memberikan perkhidmatan atau layanan-layanan yang sama. Kita rasa bahawa kita tidak akan diskriminasikan mereka dalam apa bentuk juga. Dirasakan dengan strategi ini sajalah maka ada kemungkinan pada satu masa akan datang pengundi-pengundi di kawasan-kawasan yang jatuh ke tangan pembangkang ini akan mula sedar dan insaf kerajaan mana yang mereka patut sokong. BN adalah sebenar-benarnya kerajaan yang ikhlas dan jujur dalam membela untung nasib rakyat dari pelbagai keturunan. Kita rasa pengundi-pengundi yang telah menyokong pembangkang dalam kawasan yang dimenangi mereka itu merupakan mangsa *politicing* oleh parti-parti pembangkang yang kurang bertanggungjawab terhadap masa depan negara.

Isu-isu dan taktik kempen yang dijalankan oleh parti pembangkang khususnya dalam bandar amat merugikan usaha

integrasi nasional. Malahan, ia melahirkan polarisasi yang mendalam serta tidak menyumbang langsung terhadap masa depan Malaysia yang harmoni, terjamin dan juga makmur untuk berbagai-bagai kaum.

Jadi dalam memberi perkhidmatan dan layanan kepada pengundi-pengundi ini kerajaan akan memastikan bahawa falsafah, hasrat serta komitmen negara bagi melihat perpaduan dan integrasi nasional rakyat Malaysia akan dipanjangkan kepada mereka ini. Pemahaman yang lebih mendalam bahawa pentingnya *survival* Malaysia berasas kepada integrasi nasional merupakan suatu perjuangan rakyat Malaysia sejagat seluruhnya, dari Perlis hingga ke Sabah. Inilah yang belum dapat difahami dan disedari oleh pengundi-pengundi yang menjadi mangsa kepada taktik kotor yang dijalankan oleh pihak pembangkang di dalam bandar.

**Strategi BN:** Strategi kita untuk merebut kembali kawasan-kawasan ini merupakan satu strategi berterusan dan kita rasa kita tidak akan menggunakan paksaan ataupun mengguna taktik-taktik kotor seperti yang disebut tadi bagi mengambil hati pengundi keempat-empat kawasan berkenaan. Malah, kita akan menunjukkan kejujuran dan keikhlasan kita. Kita akan menampakkan kepada mereka kebenaran nasional berbagai-bagai kaum dan bahawa kita tidak melakukan diskriminasi dalam memberi perkhidmatan kehidupan yang lebih baik kepada rakyat pelbagai keturunan di negeri ini.

Ini saja satu strategi yang berterusan dan berkesan bagi memastikan bahawa pengundi-pengundi kita dalam kawasan-kawasan pembangkang akan menyokong kerajaan BN pada masa akan datang.

**Dakwaan DAP Orang-orang Cina Di Bandar Tidak Terbela:** Dakwaan orang parti pembangkang bahawa orang-orang Cina di bandar tidak terbela nasib mereka adalah satu dakwaan yang palsu semata-mata. Kalau dibandingkan kemudahan asas, infrastruktur, tahap kemodenan, kita dapat libat kebanyakan daripada proses ini ataupun kemajuan ini berlaku dalam kawasan bandar.

Sekolah-sekolah yang baik, jalan-jalan yang lebih elok.

kemudahan-kemudahan membeli belah, perkhidmatan-perkhidmatan awal dan sebagainya tertumpu di dalam bandar. Jadi, saya tidak faham mengenai dakwaan DAP orang-orang Cina di bandar tidak terbela nasib mereka.

Saya rasa bahawa apa yang berlaku di kalangan orang-orang Cina di bandar ialah mungkin mereka dapat segala kemudahan yang merekakehendaki dalam kehidupan mereka yang makmur maka dengan itu mereka tidak anggap penting lagi perkhidmatan-perkhidmatan asas yang diberikan oleh kerajaan. Itu yang mereka jadikan satu faktor untuk memberi sokongan kepada pihak pembangkang.

Bila kita telah sampai kepada satu tahap di mana kemakmuran telah penuh maka kita tidak lagi merupakan orang yang komited kepada perjuangan jangka panjang. Ini mungkin juga, pada pendapat saya, merupakan satu daripada faktor yang melandai masyarakat Tionghua di dalam bandar khususnya penyokong DAP.

Kerana itulah pada pendapat saya dakwaan DAP itu tidak benar sama sekali. Mereka lebih suka memainkan sentimen perkauman. Sentimen yang dibuat oleh pemimpin atau yang dimainkan oleh DAP ini menyebabkan segala usaha dan perkhidmatan yang baik yang disediakan dalam bandar ini tidak dihargai oleh orang-orang dalam bandar. Ini adalah satu sikap dan sifat yang dikesali oleh kerajaan yang telah dijangkiti oleh kalangan penyokong parti pembangkang berkenaan.

**Matlamat yang Prioritas:** Rancangan untuk menguatkan UMNO supaya tidak berpecah memang merupakan satu matlamat yang prioritas. Sebabnya ialah bukan saja kita tidak mahu berpecah di dalam UMNO tetapi kita ingin melihat bahawa perpaduan yang ada akan terus dapat dikukuhkan dan dikonsolidasi sehingga ia dapat menjadi satu kekuatan dan kestabilan yang mantap. Menjadi satu kemantapan yang membolehkan kerajaan rakyat bergerak ke arah matlamat yang sama iaitu untuk membawa pembangunan dan kesejahteraan kehidupan rakyat negeri Melaka.

Saya bersyukur pada masa-masa yang lalu walaupun ada sedikit titik bengit yang berlaku dalam arena politik Melaka,

tetapi secara keseluruhannya pada pendapat saya, kestabilan politik di negeri tidak siapa dapat menafikan, sehingga kita mendapat kejayaan yang gemilang dalam pilihanraya lalu.

Saya berpendapat bahawa kestabilan dan kemantapan politik ini boleh dipertingkatkan lagi dengan adanya hubungkait yang lebih mesra di antara pemimpin-pemimpin parti dengan penyokong-penyokong parti dan di antara parti dengan kerajaan. Dengan cara demikian sajalah maka kita akan dapat mengekalkan kestabilan dan kemantapan politik. Maksud saya ialah pemimpin UMNO yang diberi kepercayaan pada peringkat persekutuan, negeri, bahagian dan cawangan haruslah mempunyai atau wajib mempunyai *rappor* atau rangkaian perhubungan dengan orang-orang yang mereka pimpin pada peringkat masing-masing. Begitulah sebaliknya. Tidak harus ada jurang komunikasi di antara pemimpin dan yang dipimpin. Keranjang dengan adanya jurang komunikasi mungkin akan menyumbang ke arah percanggahan pendapat, perbezaan berfikir dan sebagainya yang akan menimbulkan konflik.

Sekiranya, *rappor* itu dipertahankan dan pemimpin sentiasa mesra dengan yang dipimpin dan sebaliknya maka kemesraan akan dapat dikekalkan. Apa-apa tindakan parti atau apa-apa isu yang ditimbulkan oleh mana-mana pihak dalam arena politik sentiasa saja dapat dimuzakarahkan, diperbincangkan, dianalisa dan difahami atas rasional isu-isu tersebut dan juga perkara yang ditimbulkan dari semasa ke semasa. Itu perhubungan pemimpin dengan yang dipimpin dalam UMNO.

Perlu juga UMNO dan kerajaan mempunyai rangkaian hubungan yang rapat dan mesra juga. Ini kerana UMNO sebagai tunjang kepada BN harus dalam setiap keadaan mengetahui akan segala dasar dan tindakan kerajaan yang dijalankan dari semasa ke semasa. Kita rasa bahawa rangkaian antara UMNO dan kerajaan BN sendiri setakat ini boleh dianggap memuaskan.

Pemimpin-pemimpin parti baik dari UMNO atau BN sentiasa diberi maklumat atau fahaman oleh pemimpin-

pemimpin kerajaan yang juga terdiri daripada orang-orang parti dari semasa ke semasa. Sebab itu bila ada dasar-dasar baru yang nak dilaksanakan oleh kerajaan maka pemimpin-pemimpin parti dari UMNO dan BN diberi taklimat, ditingkatkan kefahaman dan didapatkan maklum balas. Sekiranya, maklum balas itu bererti dan jika memerlukan sedikit sebanyak perubahan maka kerajaan akan mengikut *feed-back* yang diberikan oleh parti. Begitu juga sekiranya parti mempunyai pandangan bahawa sesuatu dasar itu perlu digubal dan dibincang dalam forum politik.

Sekiranya kerajaan dapat bahawa pandangan itu munasabah untuk dijadikan satu dasar kerajaan yang berfaedah kepada rakyat, maka kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil pandangan daripada parti itu untuk diserapkan dalam perlaksanaan jentera kerajaan untuk dijadikan satu dasar yang diterima dan disahkan oleh pihak kerajaan sendiri.

Jadi, sekiranya rangkaian perhubungan 'konsultasi' dan kemesraan seperti ini wujud antara pemimpin dan yang dipimpin serta di antara parti-parti politik dan kerajaan sendiri, saya rasa ini akan menyumbang terhadap mengurangkan jurang komunikasi antara pemimpin dan yang dipimpin dan antara parti dengan kerajaan.

Itulah yang merupakan asas kestabilan politik yang penting. Sekiranya gagasan ini dapat dipertahankan, dikukuhkan dan disuburkan serta dipertingkatkan maka kita bukan saja mendapat satu keadaan di mana parti itu kukuh, dan kestabilan politik mantap, tetapi kita dapat menjalankan urusan pentadbiran kerajaan dan pelaksanaan program-program ekonomi dengan lebih lancar lagi atas gagasan yang telah wujud itu.

Sebelum kita merumuskan satu dasar kerajaan atau parti, memanglah ahli-ahli kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan atau di dalam parti — pemimpin dan penyokong-penyokong berpeluang menganalisa, mengolah dan memberi pendapat masing-masing. Memang banyak percanggahan atau perbezaan pendapat mengenai apa-apa isu yang hendak kita

bincangkan yang ingin kita cari penyelesaian. Tetapi, satu prinsip dalam demokrasi ini ialah setelah semua pihak berhujah baik dalam kerajaan atau dalam parti maka kita sebaiknya akan membuat *consensus* (sebulat kata). Jika *consensus* atau sebulat kata ini tidak tercapai maka kita akan menggunakan cara demokratik iaitu memilih pandangan majoriti. *Consensus* adalah cara paling baik. Pandangan majoriti ini walaupun baik, kadang-kadang membawa perubahan pendapat-pendapat kecil yang masih lagi tidak bersetuju dengan pendapat majoriti.

Dalam satu sistem politik atau demokrasi yang kita amalkan memang dalam proses penggubalan dasar tidak akan dapat memenuhi segala perbezaan pendapat yang mana kita boleh jadikan sebagai satu pendapat umum. Memang dijangkakan terdapat perbezaan pendapat mengenai dasar atau isu-isu yang dibincangkan sebelum ia benar-benar tergubal sebagai satu dasar yang diterima oleh parti atau kerajaan.

**Harapan Kepada Exco:** Harapan saya kepada Exco yang baru ialah mereka dapat menjadi pemimpin yang baik, ikhlas dan jujur. Pemimpin yang dapat memahami kehendak-kehendak parti dan kehendak kerajaan dan juga kehendak-kehendak orang yang diperjuangkannya iaitu rakyat sendiri. Ini adalah satu tanggungjawab yang perlu serta amat berat yang dipikul oleh ahli-ahli Exco atau kerajaan. Ahli-ahli kerajaan ini bukan saja perlu jujur dan ikhlas juga harus mampu dan boleh memberi sumbangan yang positif, produktif dan munasabah kepada proses kemantapan politik yang saya sebutkan. Mereka juga mesti mampu membawa perubahan-perubahan yang baik, atau dalam bentuk pembangunan dan kemajuan yang dikehendaki oleh rakyat dan negeri. Inilah harapan saya supaya mereka menjadi satu pasukan yang mempunyai *esprit de corps* atau semangat setiaawan dan kemesraan yang dinamis serta berkeupayaan dan berkemampuan bukan saja untuk bekerjasama tetapi juga menjadikan cita-cita parti dan kerajaan satu realiti. Jadi, itu harapan saya yang tinggi. Sama ada mereka ini dapat melaksanakan harapan ini atau tidak, prestasi mereka akan

sentiasa diperhatikan dari semasa ke semasa.

Tidak semua orang yang hendak menjadi pemimpin akan berjaya menjadi pemimpin. Ada yang kurang berjaya dan ada yang berjaya. Tetapi harapan saya, kesemuanya akan dapat memainkan peranan dan memberikan sumbangan yang produktif, positif dan benar-benar mengharapkan supaya hajat pucuk pimpinan negara terhadap kita benar-benar dapat dilaksanakan dan menjadi kenyataan.

**Pembangunan Ekonomi yang Diutamakan:** Pembangunan ekonomi, ingin saya nyatakan, merupakan satu daripada *task* atau tanggungjawab yang paling penting dalam pembentukan kerajaan baru saya. Pembangunan ekonomi Melaka akan disusun mengikut sektor yang penting. Kita rasa bahawa antara sektor yang penting itu ialah perindustrian, pertanian, pelancongan, infrastruktur ataupun frasarana serta perdagangan dan perniagaan.

Dirasakan bahawa matlamat-matlamat penting selain daripada rancangan biasa jabatan ataupun *routine departmental projects* atau *proof departmental projects* kita kena memilih projek-projek yang penting yang harus kita laksanakan. Projek-projek tersebut yang lebih berkesan daripada *ordinary departmental programmes* yang kita laksanakan.

Misalnya, dalam sektor luar bandar, strategi yang penting pada pendapat saya ialah memperluaskan pengeluaran ataupun *to expand productivity* ataupun meningkatkan produktiviti. Walaupun ini dijalankan sekarang, saya belum berpuas hati dari segi pengeluaran ataupun meluaskan pengeluaran walaupun tanah terbiar telah pun dipulihkan dari semasa ke semasa dan disatukan serta dipulihkan oleh agensi-agensi kerajaan. Tanah-tanah kerajaan yang terbiar juga terlibat dalam rancangan pemulihan itu.

Dirasakan bahawa ada ruang yang lebih besar bagi proses meluaskan pengeluaran menggunakan tanah-tanah sumber yang ada ini dengan tanaman yang memberi faedah. Ia boleh digunakan dengan lebih komprehensif lagi.

Jadi, saya berpendapat dengan kemampuan kerajaan negeri

yang amat terbatas, bantuan dan kefahaman kerajaan Persekutuan amat penting sekali dalam usaha kita meluaskan pengeluaran atau *production*. Ini dapat dilakukan dengan cara memulih tanah-tanah yang terbiar.

Pemulihan memang mudah dijalankan tetapi masalah yang berikutnya ialah sama ada pemulihan itu akan berkekalan. Orang kadang-kadang apabila telah menjalankan pemulihan atau penanaman semula kurang berminat untuk menjadikan ia satu usaha yang berterusan. Kita akan pastikan usaha-usaha pemulihan ini berjalan lancar.

**Strategi Peningkatan:** Selain daripada itu, strategi yang kedua ialah meningkatkan daya pengeluaran ataupun produktiviti. Di sini melibatkan, misalnya peningkatan daya pengeluaran dari segi pelbagai. Kalau dulu kita hanya bergantung kepada beberapa tanaman tradisional seperti getah atau kelapa sawit, sekarang kita menjadi lebih agresif dalam memperkenalkan tanaman baru yang membawa hasil yang lebih baik seperti koko, asparagus dan dusun-dusun buah-buahan yang dibuat secara komersial. Termasuk juga pisang emas yang dieksport, ternakan lembu secara sistem *feed lock*, ternakan ikan secara bersepdu dan ternakan lebah yang mengeluarkan madu secara sepdu.

Kesemua ini merupakan ciri-ciri daripada strategi meningkatkan produktiviti dari sektor luar bandar atau pertanian. Modernisasi juga adalah penting. Memodenkan kaedah-kaedah lama ataupun memodenkan peralatan primitif. Peralatan lama harus ditukar kepada alat-alat moden dengan menggunakan mesin-mesin bagi pembajakan. Misalnya, penanaman dengan menggunakan anak-anak benih yang lebih baik dan melahirkan satu generasi petani yang lebih moden yang komited dan dapat jadi warisan kepada petani veteran yang mungkin akan mansuh melalui masa.

Strategi amat mudah diperkatakan, tetapi tidak mudah dilaksanakan. Tetapi menjadi hasrat kerajaan supaya bidang ini dapat diterokai dan dapat diletakkan asas-asas perancangan atau pelaksanaan bagi mencapai matlamat tersebut dengan cara tersusun dan rapi. Kita telah pun memulakan segala usaha

meningkatkan produktiviti ini secara berkesan dan merasakan usaha ini patut diintensifikasi, dipertingkatkan serta dipergiatkan lagi.

Kedua-dua strategi tadi dari segi pengeluaran dan produktiviti memang selaras dengan dasar pertanian negara dan dasar pertanian negeri Melaka sendiri.

**Industri Pelancongan:** Pelancongan memang kita jadikan asas penting sebagai pembangunan yang memanfaatkan negeri Melaka. Alhamdulillah bahan-bahan sejarah bukan saja dapat kita *preserve* atau pelihara tetapi dapat kita *capitalized* dan gunakan sepenuhnya bagi menarik pelancong-pelancong.

Pelancongan Melaka adalah berasaskan kebudayaan ataupun dipanggil *cultural tourism*, yang mana merupakan landasan kepada kemajuan sektor ini pada masa akan datang. Kerana itu kita tidak mahu sektor ini dicemari dengan perkara-perkara yang tidak elok dan tidak sesuai dengan nilai-nilai Malaysia. Itulah sebabnya peninggalan sejarah telah dimunculkan semula. Ia dihighlight sebagai kebanggaan negeri dan juga negara. Tempat-tempat rekreasi baru juga diwujudkan.

Dalam memenuhi langkah-langkah memajukan sektor pelancongan ini kita mencapai dua matlamat yang paling penting sekali. Pertamanya, kita menaikkan rasa kebanggaan dan kecintaan kepada negara melalui penonjolan bahan-bahan sejarah yang kita baik pulih. Kita rasa bahawa dengan adanya bahan-bahan sejarah ini bukan saja dapat mengingati kita mengenai *historical roots* atau asas sejarah yang menjadi kebanggaan kita sebagai satu bangsa yang bermaruah tetapi melahirkan kecintaan atau patriotisme nasionalisme yang penting bagi pembinaan akhlak dan *sense of commitment*, dan *sense of education* bagi rakyat Malaysia keseluruhannya dan bagi generasi muda khasnya.

Peninggalan sejarah Melaka yang begitu banyak seperti Istana Kesultanan Melaka, Memorial Kemerdekaan, A Famosa, St. Paul, Makam Hang Tuah, Perigi Hang Tuah, Makam Tun Teja, Bukit Cina, Taman Mini Malaysia dan yang akan datang Taman Mini ASEAN dan lain-lain menggambarkan

## PENGGERAK

satu siri projek yang penting dalam membina *sense of commitment* dan *sense of education* berasaskan kepada patriotisme nasionalisme untuk rakyat Malaysia.

Objektif kedua ialah sebab orang ramai datang ke sini dari seluruh negara dan seluruh dunia, kita dapat menonjolkan kebudayaan kita dan kebanggaan sejarah kita pada masa dulu kepada dunia yang mana kita berpeluang mempamerkan kepada mereka tentang zaman kegemilangan kita, kekayaan kesenian kebudayaan serta sejarah kita dan lain-lain lagi. Ini akan mewujudkan rasa hormat bangsa-bangsa lain terhadap bangsa kita. Kesemua ini adalah amat penting dan saya rasa satu perkara yang amat perlu difahami dan dihayati oleh bukan saja rakyat Melaka tetapi rakyat Malaysia keseluruhannya.

Kita berharap lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negeri akan melawat Melaka dan untuk itu maka banyak hotel, dan tempat penginapan yang baik dapat disediakan. Kita juga berharap pelabur-pelabur dalam bidang ini dapat meningkatkan lagi pelaburan mereka dalam usaha menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut dengan lebih banyak lagi.

**Pembinaan Rumah Kos Rendah:** Mengenai rumah kos rendah yang dibina di bandar ini, sesuai dengan pertumbuhan industri perusahaan, saya ingin menyatakan bahawa dari segi perusahaan dulu kita mempunyai *target* mengadakan 2,000 ekar tanah perusahaan pada tahun 1990. Ini amat penting walaupun kita ada lebih kurang 1,900 ekar pada masa ini. Kita perlukan sekurang-kurangnya 2,000 ekar bagi menampung pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan kependudukan dalam negeri Melaka ini.

Ini bukan satu matlamat yang *ambitious* tetapi satu matlamat yang pragmatik yang berasaskan kepada kajian kadar pembangunan dan kependudukan. Oleh itu, kita jangkakan pada tahun 1990 dan 2000 Melaka akan mempunyai lebih kurang 1.8 juta penduduk pada tahun 2000. Pada tahun 1990 kita jangkakan penduduk Melaka akan meningkat daripada 650,000 orang.

Ini bukan saja berkaitan dengan perusahaan yang sedang kita besarkan daripada *industrial estate* atau kawasan-kawasan

perusahaan yang sedia ada tetapi kita akan wujudkan yang baru. Pertambahan penduduk dan pembangunan memerlukan perumahan yang harus dibina dengan lebih rancak sesuai dengan pertumbuhan tadi.

Saya berpendapat dalam masa keadaan kemelesetan; permintaan yang paling berkesan ialah rumah-rumah kos rendah. Kos rendah ini dalam bandar mempunyai strategi yang agak berlainan. Kita dapat daripada sejarah lalu ataupun daripada *historical facts* statistik yang lalu kita rasa orang Cina dan orang Melayu dalam bandar ini berbeza-beza.

Perbezaan ini berasaskan kepada citarasa bahawa orang-orang Cina misalnya orang-orang Tionghua dan orang-orang India menggemari rumah-rumah flat. Tidak menjadi masalah bagi mereka untuk tinggal di flat yang tinggi. (Tetapi citarasa orang-orang Melayu agak berbeza). Mereka masih lagi konservatif dan memerlukan rumah-rumah teres ataupun rumah-rumah kos rendah.

Oleh itu, kerajaan cuba *accommodate* ataupun menyesuaikan citarasa ini di mana kita akan memilih kawasan-kawasan yang sesuai dibina rumah-rumah flat yang tinggi untuk orang-orang yang ingin mendiami rumah flat yang tinggi ini.

Kerajaan juga akan membina rumah-rumah kos rendah tersebut untuk mereka yang sesuai tinggal dalam rumah jenis ini. Ini tidak bermakna kita ingin meneruskan dasar polarisasi berasaskan citarasa. Sebagai kerajaan yang disokong oleh rakyat kita patut sensitif kepada aspek-aspek citarasa ini dan kegemaran sosial kelompok-kelompok yang ada dalam bandar. Jadi kerajaan berhasrat untuk merancang strategi pembangunan-pembangunan sektor perindustrian di dalam bandar berasaskan kepada fakta-fakta yang saya sebutkan tadi.

**Pembinaan Jambatan:** Kerajaan juga bercadang untuk membina kalau boleh sebuah jambatan yang menghubungi kawasan Kuala Linggi dengan Pasir Panjang dalam sempadan Negeri Sembilan dan berpendapat bahawa ini penting bagi kemajuan kedua-dua negeri. Kita telah mengkaji bahawa kawasan

## PENGGERAK

Tanjung Bidara dan kawasan Port Dickson adalah dua kawasan berpotensi bagi pertumbuhan pelancongan yang hebat di kawasan selatan, Semenanjung.

Oleh itu, kalau kita memandang secara jangka panjang dan sekiranya pertumbuhan pelancongan mengambil tempat pesat di kedua-dua kawasan ini, akhirnya kita boleh menggabungkan kedua-dua kawasan ini menjadi satu. Seperti juga pembangunan Kuala Lumpur, Petaling Jaya serta Kelang dan sebagainya di mana satu pertumbuhan perindustrian atau pertumbuhan satu perbandaran raksasa yang bermula dari Kuala Lumpur ke Kelang sedang dijalankan. Saya rasa *pattern* yang sama boleh berlaku antara Port Dickson dan Tanjung Bidara. Kedua-dua kawasan ini mempunyai potensi pembangunan pelancongan yang baik. Suasana yang ada di sana sesuai untuk pembangunan pelancongan. Ini termasuklah keadaan persekitarannya laut, pantai, penduduk, tumbuhan-tumbuhan dan sebagainya.

Jadi kita berpendapat dari segi jangka panjang harus dibesarkan dan diintegrasikan pertumbuhan pelancongan di Port Dickson mengarah ke selatan dan Tanjung Bidara mengarah ke utara dan bertemu di Sungai Linggi. Pembinaan jambatan tadi akan menjadikan cita-cita dan aspirasi kedua-dua buah negeri ini sebagai satu senjata yang boleh mempercepatkan pertumbuhan tersebut. Saya percaya sekiranya kerajaan Negeri Sembilan bersikap positif terhadap usaha ini, Insya-Allah kedua-dua negeri akan mencapai kejayaan yang berpanjangan dan memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua buah negeri dan segi pembangunan.

**Harapan Kepada Kerajaan Pusat:** Harapan saya kepada kerajaan pusat ialah agar kerajaan pusat lebih bersimpati dengan kerajaan-kerajaan negeri termasuk kerajaan negeri Melaka khususnya yang memang kurang sumber-sumber alam dan sumber-sumber kewangan. Kadang-kadang kita mempunyai banyak idea dan banyak rancangan yang baik. Oleh sebab ada beberapa sekatan termasuk sekatan kewangan ini maka usaha-usaha untuk mencapai kick-off dalam pembangunan ekonomi ini tidak dapat dilaksanakan dengan

berkesan. Saya percaya aspirasi, cita-cita dan hasrat bagi kepimpinan Melaka dan rakyatnya ini dapat difahami dan dihargai oleh kerajaan pusat. Mereka akan memberi bantuan yang sewajarnya.

Saya rasa pertolongan seperti itu sajalah dapat meneruskan usaha pembangunannya dengan lebih gigih lagi. Saya berharap hubungan saya dengan pemimpin-pemimpin kerajaan pusat dapat terus dipertingkatkan dan diperbaiki dari semasa ke semasa demi kebaikan rakyat negeri Melaka seluruhannya.

**Amanat Kepada Pemimpin UMNO Yang Tidak Berjaya Menjadi Calon:** Pandangan saya kepada pemimpin UMNO yang tidak berjaya menjadi calon sama ada yang dulu menjadi wakil rakyat atau dulu pernah menjadi wakil rakyat tetapi mereka fikir patut dipilih, saya harap mereka ini bersabar dan meneruskan perjuangan parti.

Pada pendapat saya mereka harus memainkan juga peranan yang positif dan produktif bagi memastikan kestabilan politik negeri Melaka. Kemajuan negeri Melaka akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa. Saya percaya bahawa sama ada kita menjadi calon atau tidak, tidak penting dalam perjuangan politik kita. Itu ditentukan oleh Allah dan bukan oleh pucuk pimpinan.

Walau bagaimanapun, apa yang perlu dan penting ialah setiap daripada kita dapat memberi sumbangan yang baik dan juga memanfaatkan kepada usaha-usaha meneruskan perjuangan UMNO dan BN. Seseorang yang ingin secaraikhlas dan jujur menyumbangkan tenaga mereka kepada rakyat tidak semestinya menjadi calon atau wakil rakyat. Mereka boleh memberikan sumbangan ini dalam semua bentuk, tindakan dan juga kegiatan, perbuatan, penglibatan dan penyertaan mereka dalam kegiatan-kegiatan parti dan kegiatan-kegiatan program atau projek yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Sebarang penglibatan oleh orang-orang parti dan juga orang-orang yang bersimpati dengan perjuangan UMNO sentiasa saja mendapat penghargaan yang tinggi. Oleh itu, anggapan bahawa menjadi wakil rakyat atau calon hanya semata-mata tempat untuk menyumbangkan usaha kita atau dedikasi

## PENGERAK

kepada rakyat dan negara adalah anggapan yang tidak tepat dan tidak benar.

Kejujuran dan keikhlasan kita untuk meneruskan perjuangan UMNO yang luhur, yang murni seperti ini menjadi ukuran kepada kejayaan kita dalam menentukan untung masa depan orang-orang Melayu di negara ini pada masa akan datang.


Saya suka mengatakan patut jugalah menjadi falsafah kita bahawa sama ada kita menjadi pemimpin atau yang dipimpin atau wakil kita haruslah sama-sama mendokong cita-cita parti kita dengan ikhlas dan jujur.

Ini saja yang dapat menyelamatkan usaha-usaha jahat yang dibuat oleh anasir-anasir yang anti-UMNO dan anti-BN serta antikerajaan dan negara, yang ingin melihat kestabilan kita tidak wujud serta cita-cita murni negara tidak tercapai.

Sekiranya segala perjuangan kita ini dapat disalurkan pada kegiatan-kegiatan yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan, Insya-Allah kita akan mencapai kejayaan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

## Pembangunan

BELIAU begitu sensitif kepada istilah 'pembangunan' sedari berkhidmat sebagai Pengurus Projek Perbadanan Negeri Melaka. Rasa sensitif inilah yang menunjangi cita-citanya mahu melihat kemajuan sosioekonomi di bumi Melaka. Dan apabila diangkat sebagai Ketua Menteri Melaka, beliau tidaklah lagi berasa janggal untuk mengucapkan, "Strategi untuk meneruskan pembangunan di luar bandar adalah sebagai usaha Kerajaan untuk terus menggerakkan dan memperkembangkan kegiatan ekonomi bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru."



## Tentukan Arah Kemajuan

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada kesemua 69 orang ahli majlis daerah dan kerajaan tempatan kerana telah dilantik atau dilantik semula untuk terus memberikan sumbangan yang positif kepada masyarakat di daerah masing-masing.

Kepada mereka yang baru dilantik, saya ucapkan syabas dan selamat berkhidmat dan kepada bekas-bekas ahli majlis yang tidak terpilih kali ini, saya berharap mereka tidak akan berkecil hati tetapi sebaliknya akan terus mencurahkan khidmat bakti masing-masing kepada masyarakat semata-mata demi kepentingan dan kesejahteraan negeri ini pada keseluruhannya.

Seperti yang telah saya sebutkan tadi, majlis kita pada pagi ini merupakan satu lagi peristiwa penting yang akan menentukan arah dan maju mundurnya ketiga-tiga daerah yang telah sedia ada di negeri ini. Kelicinan pentadbiran ketiga-tiga majlis daerah dan kerajaan tempatan ini, menyumbang kepada kemajuan negeri ini pada keseluruhannya.

Di pihak kerajaan, kita yakin bahawa ahli-ahli majlis daerah dan kerajaan tempatan yang dipilih berupaya menuaikan amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka kerana perlantikan mereka diasaskan kepada keupayaan, kewibawaan dan ketokohan masing-masing di peringkat daerah.

Perlantikan ahli-ahli majlis dilakukan dengan sebegitu teliti memandangkan kepada hakikat bahawa ahli-ahli majlis selain daripada bertanggungjawab membuat dasar juga mempunyai peranan sebagai 'Watch Dog' yang sentiasa mampu

## PENGERAK

memastikan bahawa dasar-dasar yang digubal adalah adil dan dapat dilaksanakan dengan licin.

Kepada ahli-ahli yang dilantik, saya berharap mereka tidak akan mensia-siakan amanah dan kepercayaan yang telah diberi. Anggaplah perlantikan tuan-tuan sebagai satu penghormatan dan cabaran yang begitu memerlukan penglibatan perkhidmatan tuan-tuan secara total.

Untuk menjadi seorang ahli majlis yang baik dan berkesan, mereka haruslah bersedia untuk berkhidmat dengan jujur dan sanggup mengenepikan sentimen individu semata-mata untuk kepentingan masyarakat umum. Mereka tidak harus bersikap angkuh dan sompong kerana perkhidmatan mereka tidak kekal.

Di sini ingin saya tekankan bahawa kerajaan negeri tidak akan teragak-agak menamatkan perkhidmatan seseorang ahli majlis sekiranya didapati dia tidak dapat memberikan perkhidmatan seperti yang diharap-harapkan.

Kerajaan negeri juga tidak mahu wujudnya ahli-ahli majlis yang hanya memanaskan kerusi mesyuarat dan yang sentiasa bersikap lepas tangan sekiranya timbul satu-satu isu ekoran daripada perlaksanaan satu-satu dasar.

Setiap ahli majlis mestilah lebih bertanggungjawab. Sekiranya timbul satu-satu isu, mereka harus sanggup menghadapi masyarakat dan cuba menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit selaras dengan tugas mereka sebagai ahli majlis.

Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, majlis daerah dan kerajaan tempatan sentiasa berhubung rapat dengan masyarakat. Jadi tidaklah menghairangkan sekiranya terdapat satu-satu pihak yang tidak berpuas hati dengan satu-satu dasar yang cuba dilaksanakan.

Bagaimanapun sebagai ahli-ahli majlis daerah dan kerajaan tempatan yang sentiasa menjunjung hasrat kerajaan untuk mewujudkan suatu masyarakat Malaysia yang maju, progresif dan bermaruah, kita tidak harus tunduk kepada tekanan satu-satu pihak. Setiap dasar harus digubal berasaskan kepada kepentingan masyarakat setempat pada keseluruhannya. Dan

setiap dasar yang digubal itu pula harus dilaksanakan dengan tegas kerana sekiranya tidak, proses pembangunan satu-satu daerah itu mungkin terjejas.

Di peringkat perlaksanaan pula, saya berharap setiap pegawai dan kakitangan majlis daerah akan bijak dalam melaksanakan segala dasar yang telah dipersetujui. Tindakan mereka walaupun tegas biarlah berpatutuan dan adil.

Dalam melaksanakan satu-satu dasar yang sensitif, mereka seharusnya bijak mengambil 'Political Action' supaya tindakan mereka tidak sampai menyalimi mana-mana pihak. Dalam hubungan ini, kita harus menjadikan bidalan lama kita yang berbunyi 'Bagai menarik rambut dari dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak bertaburan' sebagai panduan.

Saya tekankan perkara ini kerana pengalaman telah menunjukkan kepada kita bahawa tindakan yang kurang bijak boleh mendatangkan masalah yang rumit walaupun pada hakikatnya kerumitan itu tidak perlu timbul.

Sekiranya setiap orang dari peringkat pembuat dasar kepada peringkat paling bawah menjalankan tugas seperti yang terkandung dalam bidangkuasa masing-masing, saya tidak fikir kekecohan boleh timbul.

Dan sekiranya timbul isu kerana satu-satu dasar itu telah diputarbelitkan, ahli-ahli majlis selaku wakil-wakil parti politik harus berupaya mententeramkan keadaan dengan menjelaskan perkara yang sebenarnya.

Sungguhpun ketiga-tiga majlis daerah dan kerajaan tempatan di negeri ini menghadapi berbagai-bagai masalah, saya dapati perjalanan pentadbiran, kewangan dan projek-projek pembangunan mereka semakin memuaskan. Tetapi itu bukan bermakna kita harus berpuas hati kerana prestasi kita harus diperbaiki dari semasa ke semasa sehingga kesemua majlis daerah dan kerajaan tempatan di negeri mampu memajukan daerah masing-masing tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan negeri.

Dalam melaksanakan dasar-dasar dan projek-projek pembangunan seperti membersih dan mencantikkan persekitaran bandar dan perlaksanaan beberapa program termasuk men-

## PENGGERAK

ingkatkan sumber pendapatan majlis, kita juga tidak harus membelakangkan hasrat dan aspirasi nasional.

Ini penting sekiranya kita mahu melihat kejayaan pembentukan sebuah negara Malaysia yang bersatu di segi pembangunan nilai dan fizikal.

Kepada rakyat, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru kepada mereka supaya sentiasa sanggup memberikan kerjasama bagi menjayakan setiap program yang telah direncanakan oleh majlis daerah dan kerajaan tempatan kerana tanpa penglibatan mereka, program-program itu tidak mungkin mampu mencapai matlamatnya.

## Tanah Adat Jadi Komoditi

Hari ini merupakan satu lagi hari bersejarah khususnya kepada orang-orang Melayu Melaka. Hari ini kita berkumpul dengan satu azam dan tekad untuk menyelamatkan tanah-tanah milik orang-orang Melayu di negeri ini supaya bukan sahaja kekal dalam kawalan kita tetapi juga mampu mendatangkan faedah bagi menjamin kesejahteraan hidup kita.

Kempen memperluaskan Tanah Adat Melaka ini merupakan satu lagi usaha Kerajaan Negeri untuk melihat timbulnya kesedaran baru di kalangan tuan-tuan punya tanah supaya tidak mempersia-siakan satu-satunya pesaka yang mampu mengelakkan 'ayam kepuk tidak mati kelaparan dan itik di air tidak mati kehausan'.

Kempen ini diadakan untuk memastikan bahawa tanah-tanah kepunyaan Melayu tidak lagi terlepas ke tangan orang lain dan seterusnya menjadikan tanah-tanah itu sebagai komoditi yang produktif yang boleh menjamin masa depan tuan-tuan punya tanah tanpa terpaksa menggadai atau menjualkannya untuk mengatasi masalah kewangan semasa mereka.

Tanah adat Melaka pada mulanya adalah tanah-tanah yang diusahakan dan diduduki oleh orang-orang Melayu. Ia telah diukur dan dikeluarkan hakmilik dan diperlindung dengan undang-undang supaya kekal dalam tangan orang-orang Melayu. Cara ini adalah sesuai dengan dasar penjajah yang mahukan orang-orang Melayu kekal sebagai petani dan merasa terjamin dengan pemilikan kampung halaman mereka. Sungguhpun dasar ini sedikit sebanyak telah dapat mempertahankan pemilikan tanah yang telah dipegang oleh orang-

## PENGGERAK

orang Melayu, ia adalah beku, tidak berubah (static) dan merupakan asas mempertahankan hak asasi (preventive) sahaja.

Kerajaan Negeri telah mengkaji semula dasar yang ada selama ini dan berpendapat bahawa tanah adat Melaka perlu diperluaskan dan diberi kebebasan dan semangat baru supaya ia menjadi bahan (commodity) dan modal yang dinamis (dynamic), setanding dengan tanah-tanah daripada jenis bukan tanah adat.

Orang-orang Melayu telah bertambah ramai berbanding dengan 30 tahun yang lalu. Mereka tidak hanya memerlukan tanah-tanah kampung dan pertanian untuk bercucuk tanam. Mereka memerlukan tanah kediaman, perniagaan dan industri untuk meneruskan kehidupan dan daya usaha meningkatkan taraf hidup. Dengan berbagai-bagai projek pembangunan dan galakan yang disediakan, permintaan untuk tanah dari berbagai-bagai jenis kegunaan akan bertambah. Selaras dengan perkembangan ini undang-undang Tanah Adat Melaka menjadikan tanah-tanah yang mereka milik sebagai Tanah Adat Melaka bagi mencapai dua maksud yang baik: Pertama ialah memperluaskan Tanah Adat Melaka dengan pelbagai kegiatan dan menjadikannya pangkalan (base) untuk kegiatan ekonomi sampingan yang lain. Kedua ialah menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan bagi Tanah Adat.

Cara ini bukan sahaja membawa keuntungan kegiatan ekonomi yang dijalankan tetapi dengan sendirinya menaikkan nilai tanah tersebut setanding dengan tanah bukan Tanah Adat oleh kerana potensi kegunaan dan pulangan yang tinggi yang diperolehi daripada tapak kegiatan ekonomi tersebut.

Kebaikan dan kemudahan yang telah disediakan bagi Tanah Adat Melaka adalah berbagai. Dari segi tempoh pemberian milik, tanah-tanah yang dijadikan Tanah Adat Melaka akan diberi milik buat selama-lamanya (berkekalan) dan tidak sebagai pajakan. Ini akan menjamin bahawa apa-apa kegiatan yang dijalankan di atas tanah tersebut boleh dibuat dengan perancangan masa panjang, berbanding dengan tanah-tanah pajakan.

Cukai tanah tahunan dan bayaran-bayaran premium bagi pemberian yang dilakukan ke atas Tanah Adat Melaka dikenakan separuh sahaja daripada kadar biasa. Dengan pengurangan ini maka kos penyelenggaraan dan pembangunan Tanah Adat Melaka adalah jauh lebih rendah. Di samping itu tanah-tanah adat adalah juga dibenarkan dicagar kepada institusi-institusi kewangan dan bagi Tanah Adat Melaka dari jenis bangunan dan perindustrian dibenarkan dimiliki oleh syarikat-syarikat yang dipunyai oleh orang-orang Melayu seratus peratus. Dengan cara ini daya urusniaga dan tarikan untuk memiliki Tanah Adat Melaka akan bertambah.

Kerajaan juga telah membuat keputusan supaya tanah-tanah adat Melaka yang diambil balik oleh Kerajaan untuk apa-apa maksud, maka bayaran gantirugi terhadap pengambilan balik tanah hendaklah dibayar mengikut harga pasaran sebenar sama dengan yang dibayar kepada tanah-tanah bukan Tanah Adat, tidak lagi dibeza-bezakan seperti yang sudah-sudah. Perkara utama yang menjadi rungutan pemilik Tanah Adat Melaka ialah mengenai nilai dan harga Tanah Adat. Masyarakat umum memperkatakan Tanah Adat tidak dapat menandingi harga jual beli tanah-tanah bukan Tanah Adat. Keadaan ini memanglah benar oleh kerana pasaran bagi jual beli Tanah Adat dihadkan kepada orang-orang Melayu sahaja. Di sini sukalah saya menyarankan supaya tanah-tanah adat ini digunakan lebih sebagai pangkalan kegiatan ekonomi seperti kilang-kilang, pusat-pusat perniagaan dan kegiatan pertanian daripada sebagai komoditi jual beli untuk mencari untung jual beli tanah sahaja. Tanah-tanah adat perlu digunakan sepenuhnya secara fizikal untuk berbagai-bagai kegiatan seperti yang dilakukan oleh masyarakat lain di atas tanah-tanah mereka.

Kerajaan telah membuka lagi satu peluang dan insentif mempertingkatkan lagi kegiatan ekonomi dan masa depan orang-orang Melayu melalui rombakan semula undang-undang Tanah Adat Melaka ini. Terpulanglah kepada kita semua untuk menjayakan usaha memperluaskan Tanah Adat ini dan menebus kembali pesaka orang-orang Melayu dan

## PENGGERAK

mengguna dan memajukannya untuk kebaikan kita. Saya berharap usaha perluasan ini bukan sahaja akan dilakukan di kampung-kampung tetapi juga di bandar-bandar dan meliputi berbagai-bagai jenis kegunaan tanah.

Akhir kata saya menyeru kepada orang-orang Melayu yang menjadi tuan punya dan penjaga (custodian) tanah-tanah adat ini menyambut peluang yang diberikan ini sebaik-baiknya, dan tentukan supaya tidak ada lagi tanah-tanah adat Melaka yang tergadai, dipajak dan sebagainya kepada orang-orang yang tidak berhak menerimanya.

## **Hadapi Kemelesetan Secara Bijaksana**

**D**engan pembentangan belanjawan ini kita akan memasuki tahun kedua di dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Kelima. Sesungguhnya pada peringkat kita sedang meningkatkan usaha mengaturkan program-program pembangunan ke arah mencapai Dasar Ekonomi Baru, kita terpaksa menghadapi kemelesetan ekonomi yang melanda negara sejak awal tahun lapan puluhan.

Kesan yang nyata dialami sekarang ialah kejatuhan kadar pertumbuhan ekonomi. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima diramalkan pertumbuhan ekonomi negeri ialah pada kadar 3.4% iaitu lebih rendah berbanding dengan 3.8% bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat meskipun Keluaran Dalam Negeri Kasar dan pendapatan per kapita sebanyak \$1,706 juta dan \$3,273 telah meningkat berbanding dengan \$1,362 juta dan \$2,765 dalam tempoh berkenaan. Pertumbuhan ekonomi dijangka mencapai tahap yang lebih rendah lagi berasaskan kepada keupayaan pertumbuhan sebenar ekonomi negara pada tahun 1986 ini hanya pada kadar 0.5% sahaja seperti dinyatakan di dalam Belanjawan Negara.

Keadaan ini akan mempengaruhi corak pembangunan negeri dan penilaian semula perlu dibuat untuk menentukan keutamaan projek-projek pembangunan yang hendak dilaksanakan. Peruntukan pembangunan yang dibiayai oleh sumber-sumber Persekutuan didapati telah semakin berkurangan untuk agensi-agensinya di peringkat negeri. Dengan itu Kerajaan Negeri dengan hasrat untuk terus membangunkan

negeri ini akan merancang dengan lebih teliti lagi bagi mendapatkan sumber-sumber kewangan dengan berkesan dan membuat pengagihan sumber-sumber secara cekap dengan menentukan keutamaan pembangunan negeri ditumpukan kepada projek-projek yang dapat memberikan kesan dan faedah sosioekonomi yang maksimum.

Langkah-langkah wajar telah pun diambil beberapa tahun kebelakangan seperti meningkatkan kutipan hasil, menentukan dasar berbelanja mengikut keupayaan kewangan dan juga menilai keupayaan jabatan-jabatan dalam melakukan perbelanjaan tahunan. Sejak 1981 — 1985, jumlah hasil negeri telah pun ditingkatkan dari \$32.9 juta kepada \$52.3 juta dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 16.3% setahun. Semen-tara itu peningkatan perbelanjaan mengurus negeri ialah daripada \$32.5 juta kepada \$50.5 juta, iaitu kadar pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 8.7%. Kerajaan telah pun menentukan supaya kadar perbelanjaan pada setiap tahun tidak melebihi dari jumlah pendapatan tahunan. Sejak tahun 1983 usaha-usaha telah diambil untuk mengurang dan mengawal perbelanjaan seperti pembekuan jawatan baru, penggunaan utiliti, pemilikan harta modal dan perjalanan jabatan-jabatan. Dengan pendekatan ini Kerajaan telah dapat menghasilkan simpanan terkumpul di dalam Akaun Hasil Negeri Disatukan yang boleh dirancang untuk kegunaan pembangunan di masa hadapan.

Dari segi prestasi perbelanjaan jabatan-jabatan negeri pula, bagi tempoh yang dimaksudkan didapati peratus pencapaian Belanja Mengurus ialah pada kadar purata 87.1% dan untuk perbelanjaan pembangunan ialah pada kadar 48.2 peratus.

Dengan mengambil kira keupayaan kewangan negeri dan prestasi pencapaian jabatan-jabatan, strategi belanjawan untuk 1987 ditentukan seperti berikut:

- (i) pemeliharaan sumber-sumber kewangan;
- (ii) meneruskan pembangunan sosioekonomi terutama di kawasan luar bandar; dan
- (iii) memperkuatkkan jentera pertadbiran kerajaan.

### Pemeliharaan Sumber Kewangan

Untuk tahun 1987, penekanan yang kuat akan diberi bagi menentukan kutipan hasil dicapai semaksimum mungkin supaya dapat membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan negeri. Adalah dianggarkan jumlah kutipan hasil dari berbagai-bagai punca ialah \$57.1 juta iaitu berkurangan sebanyak \$228,990 atau 0.04% daripada tahun 1986.

Keupayaan jentera kutipan hasil negeri akan dipertingkatkan. Kerajaan akan memastikan rekod-rekod hasil diurus dengan teratur dan kemas kini supaya dapat diadakan sistem maklumat yang baik untuk pihak pengurusan bertindak. Usaha akan dipertingkatkan untuk mendapatkan semula tunggakan hasil terutamanya cukai tanah serta sewa rumah awam dan harta-harta Kerajaan Negeri. Penggunaan komputer di pejabat-pejabat tanah akan berjalan dengan lebih licin untuk mengemasaskan tindakan terhadap kutipan cukai tanah.

Dari segi pengagihan dan penggunaan sumber-sumber secara berkesan kawalan yang rapi atas perbelanjaan mengurus akan diteruskan terutama pada berbelanjaan eluan lebih masa, tuntutan perjalanan, bekalan bahan-bahan, hospitaliti dan pemilikan harta modal. Pengawasan dari semasa ke semasa akan terus dilakukan supaya perbelanjaan adalah selaras dengan dasar penjimatan Kerajaan.

Kerajaan percaya dengan pemeliharaan sumber-sumber kewangan negeri, kita akan mempunyai tabungan yang cukup untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan pada setiap tahun.

### Meneruskan Pembangunan Socio-Ekonomi Luar Bandar

Strategi untuk meneruskan pembangunan sosioekonomi terutamanya di luar bandar adalah sebagai usaha Kerajaan untuk terus menggerakkan dan memperkembangkan kegiatan ekonomi bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Program-program yang penting ditekankan ialah pembasmiaran kemiskinan dan meningkatkan daya usaha penduduk-penduduk kawasan luar bandar. Pendekatan-pendekatan baru

## PENGGERAK

dalam usaha memodenkan dan mempertingkatkan pengeluaran pertanian dan ternakan dilaksanakan seperti menggalakkan tanaman komersil seperti koko, kopi dan buah-buahan, pemeliharaan ternakan secara sistem *feed lot* dan seterusnya mempelbagai sumber pendapatan melalui projek baru seperti projek lebah madu dan galakan untuk bergiat dalam industri kecil berdasarkan pertanian.

Prasarana dan kemudahan terus dipertingkatkan melalui pembinaan jalan-jalan raya bagi memudahkan sistem pengedaran dan pemasaran hasil-hasil pertanian dan pembinaan perumahan-perumahan kos rendah bagi menyediakan tempat tinggal yang selesa.

Dengan menggerakkan kegiatan-kegiatan ekonomi di sektor luar bandar dapatlah terus ditingkatkan pendapatan di sektor pertanian, diwujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru serta menambahkan bekalan makanan untuk negara.

Pembangunan di sektor-sektor lain seperti sektor perindustrian dan pelancongan juga terus diberi perhatian untuk dimajukan. Kedua-dua sektor ini terus berpotensi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi.

Oleh yang demikian Kerajaan akan memperluaskan lagi pembukaan tanah-tanah perusahaan di sektor industri. Sementara di bidang pelancongan pula, lebih banyak program kemudahan pelancongan akan disediakan.

Di samping pembangunan sosioekonomi yang dijalankan, Kerajaan juga akan memberi perhatian di bidang pembangunan kerohanian supaya dapat melahirkan masyarakat yang bermoral tinggi dan bersatu padu. Oleh itu program-program keagamaan akan diperluaskan selaras dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Sebagai usaha Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat miskin dan golongan yang tidak berasib baik, Kerajaan akan mempertingkatkan program-program galakan dan pemulihan di samping bantuan-bantuan Kerajaan yang disediakan. Persatuan-persatuan kebajikan juga akan digerakkan lagi bagi tujuan yang sama.

## Memperkuuhkan Jentera Pentadbiran Kerajaan

Pentadbiran yang cekap dapat memainkan peranan yang penting di dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti perkembangan ekonomi terutama dari segi kekesaan perancangan kegunaan sumber-sumber dan perlaksanaan projek-projek pembangunan.

Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menentukan supaya jentera pentadbiran terus diperkuuhkan lagi. Struktur, fungsi dan tanggungjawab jabatan-jabatan akan sentiasa dikaji dan diawasi supaya mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan lagi.

Perlaksanaan program seperti Kumpulan Meningkat Mutu Kerja, pengurusan jabatan berdasarkan pada sistem Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja merupakan alat-alat pengurusan baru yang diperkenalkan supaya dapat meninggikan lagi prestasi perkhidmatan jabatan-jabatan Kerajaan di peringkat negeri. Dari segi keperluan fizikal seperti kenderaan dan peralatan-peralatan pejabat yang mustahak, peruntukan masih dapat diadakan supaya perkhidmatan jabatan tidak akan terjejas. Bagi latihan kakitangan pula, untuk meningkatkan pengetahuan kerja dan kemahiran, kursus-kursus dan seminar akan dianjur dari semasa ke semasa dengan kerjasama pihak INTAN.

## Belanjawan 1987

Saya ingin mencadangkan sejumlah \$105.3 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1987 untuk kegunaan perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Sejumlah \$55.7 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$49.6 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$55.7 juta, perbelanjaan untuk Emolumen ialah sebanyak \$19.5 juta atau 35.0%. Perkhidmatan dan Bekalan \$10.4 juta atau 18.6%, Pemilikan Harta Modal \$1.3 juta atau 2.3%, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap \$24.4 juta atau 43.9% dan lain-lain Perbelanjaan \$0.1 juta atau 0.2%.

Selaras dengan pengawalan terhadap perbelanjaan sektor awam, Belanja Mengurus telah dapat dikurangkan sebanyak 0.2% tetapi sekiranya diambil kira Perbelanjaan Bekalan saja telah dikurangkan sebanyak 6.46%. Walau bagaimanapun beberapa tambahan telah tidak dapat dielakkan seperti pembayaran balik hutang dan sumbangan negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun.

Anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan kepada jabatan-jabatan negeri boleh didapati dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan 1987. Dari segi pecahan peruntukan mengikut perkhidmatan peruntukan terbesar sebanyak \$11.8 juta disediakan untuk perkhidmatan prasarana dan kemudahan awam. Perkhidmatan ekonomi diperuntukkan sebanyak \$11.3 juta, perkhidmatan sosial dan agama sebanyak \$8.8 juta dan perkhidmatan pentadbiran sebanyak \$8.7 juta.

Beberapa program penting dalam peruntukan yang besar dicadangkan di bawah perkhidmatan berkaitan. Sejumlah \$3.8 juta disediakan di bawah perkhidmatan prasarana dan kemudahan awam untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya negeri dan bangunan-bangunan Kerajaan yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Bagi perkhidmatan ekonomi, sejumlah \$520,000 diperuntukkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan parit dan talair bagi menentukan sistem saliran yang berkesan untuk kawasan-kawasan pertanian. Sebanyak \$1.4 juta lagi merupakan peruntukan tambahan untuk disumbangkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri.

Di dalam usaha Kerajaan memperkuatkan lagi peranan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan perkhidmatan sosial yang lebih luas dan kemudahan prasarana yang lebih baik sejumlah \$1.6 juta disediakan. Bagi meningkatkan kemudahan rujukan dan bahan-bahan bacaan kepada orang ramai, sejumlah \$350,000 diperuntukkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri. Sebanyak \$200,000 lagi adalah disediakan untuk perbelanjaan pengurusan Lembaga Muzium Negeri Melaka.

Bagi menggerakkan kegiatan-kegiatan pertubuhan sosial di dalam perkembangan sukan, belia dan aktiviti masyarakat, sejumlah \$388,340 diperuntukkan di bawah Jabatan Ketua Menteri sebagai sumbangan kepada pertubuhan-pertuhuhan berkaitan.

Untuk pembangunan rohaniah dan menentukan kegiatan agama terus diperluaskan, sejumlah \$3.3 juta diperuntukkan. Dari jumlah itu sebanyak \$1.5 juta adalah untuk membiayai pembinaan Masjid Negeri yang dijangka siap pembinaannya pada tahun hadapan. Sejumlah \$1.2 juta diperuntukkan kepada Lembaga Pendidikan Islam untuk melicinkan lagi pengurusan dan memantapkan lagi sistem pelajaran agama di negeri ini. Sebanyak \$425,000 disediakan untuk bayaran elauan pegawai syarak dan sebanyak \$190,000 lagi untuk perbelanjaan program penghayatan masjid-masjid.

Selaras dengan slogan Tradisi Membela Rakyat, Kerajaan memperuntukkan sejumlah \$631,130 kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat khusus untuk membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat miskin di negeri ini.

Di bawah perkhidmatan pentadbiran, perbelanjaan besar ialah untuk bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah sebanyak \$13.1 juta. Sebanyak \$1.8 juta pula disediakan untuk bayaran-bayaran ganjaran dan pencen kepada bekas Ahli-Ahli Dewan Undangan.

Bagi mengukuhkan jentera pentadbiran di peringkat daerah, Kerajaan terus memperuntukkan sebanyak \$773,000 untuk bayaran elauan kepada pegawai-pegawai JKKK yang menjalankan fungsi-fungsi pentadbiran di peringkat kampung dan mukim.

Untuk mempertingkatkan pengurusan di Jabatan Ketua Menteri, sebanyak \$365,000 dipertuntukkan untuk pembelian alat-alat komputer dan perabot-perabot yang perlu.

Di bawah Anggaran Pembangunan 1987 berjumlah \$49.6 juta, dicadangkan untuk sektor industri sebanyak \$14.0 juta atau 28.2%, sektor pelancongan \$3.2 juta atau 6.5%, sektor luar bandar \$21.0 juta atau 42.4%, prasarana dan kemudahan awam \$10.3 juta atau 20.9% dan untuk perbelanjaan luar

jangka sebanyak \$1.0 juta atau 2.0%.

Anggaran Pembangunan secara keseluruhan telah berkurangan memandangkan bahawa pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan telah juga dikurangkan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri masih berkeupayaan untuk terus menyumbang terhadap perbelanjaan pembangunan daripada sumber-sumbernya sendiri dengan penekanan kepada sektor luar bandar untuk memperkuatkan lagi struktur sosioekonomi di kampung-kampung.

### Sektor Industri

Pembangunan sektor perindustrian sentiasa diberikan perhatian dan galakan oleh Kerajaan kerana sektor ini dapat memainkan peranan penting menggerakkan perkembangan ekonomi. Kerajaan mempunyai matlamat untuk memperluaskan lagi kawasan-kawasan perusahaan untuk pelaburan-pelabur dan untuk 1987 sejumlah \$12.0 juta diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, untuk memajukan kawasan seluas 600 ekar lagi di Durian Tunggal.

Pada masa ini terdapat seluas 839.2 ekar di kesemua kawasan perusahaan dan sebanyak 14,151 pekerjaan telah dapat diwujudkan.

Penyediaan kawasan-kawasan perusahaan yang lebih luas adalah bertujuan menarik pelaburan ke dalam negeri, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan penyertaan rakyat di bidang perindustrian. Selaras dengan itu Kerajaan Negeri berusaha menyediakan iklim pelaburan yang lebih baik seperti kemudahan prasarana, pembinaan kilang-kilang kecil dan mempercepatkan urusan-urusan pelaburan.

Bagi membiayai pembinaan Komplek Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka untuk tujuan menyediakan ruang pejabat dan perniagaan yang lebih banyak, sebanyak \$2.0 juta diperuntukkan sebagai pinjaman.

### Sektor Pelancongan

Sektor pelancongan akan terus diberi dorongan untuk di-

majukan dan akan merupakan satu-satunya penggerak kepada pembangunan negeri. Matlamat Kerajaan Negeri untuk sektor ini ialah menjadikan Melaka sebagai destinasi 'pelancongan yang penting dan terkenal di rantau timur.

Kemudahan-kemudahan seperti pusat-pusat sejarah, kebudayaan, rekreasi dan sukan telah diadakan dan dengan usaha-usaha promosi dijangka pelawat-pelawat akan mengunjungi Melaka dengan lebih ramai. Sehingga ini Kerajaan Negeri dan agensi-agensinya telah pun melaburkan sebanyak \$23.3 juta di sektor ini. Dengan meningkatnya pembangunan sektor pelancongan, kesan gandaan seperti perkembangan kegiatan perhotelan, makanan, pengangkutan dan perusahaan kraftangan akan dapat dinikmati oleh penduduk negeri ini. Saya juga suka mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada sektor swasta atas sokongan pelaburan yang begitu tinggi di dalam kegiatan pelancongan di Melaka.

Untuk tahun 1987 sejumlah \$3.25 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan sebanyak \$1.5 juta disediakan untuk projek cahaya dan bunyi yang akan menggambarkan Melaka dalam bentuk sejarahnya. Sebanyak \$0.5 juta disediakan untuk tapak ekspo di Ayer Keroh, \$1.0 juta untuk projek kecantikan dan \$200,000 untuk melengkapkan projek-projek di Zoo Melaka. Untuk menambahkan lagi kemudahan di Hutan Rekreasi Tropika Ayer Keroh sebanyak \$50,000 disediakan. Peruntukan-peruntukan ini akan dapat melengkapkan lagi kemudahan-kemudahan pelancongan yang sedia dimajukan di dalam negeri.

### Sektor Pembangunan Luar Bandar

Peruntukan pembangunan 1987 memberi keutamaan yang tinggi kepada pembangunan sektor luar bandar dengan jumlah peruntukan disediakan sebanyak \$21.0 juta atau 42.4% dari Anggaran Pembangunan Negeri. Langkah-langkah akan diteruskan untuk memperbaiki lagi taraf sosioekonomi rakyat desa. Program-program untuk memodenkan sektor ini akan dipergiatkan untuk memperkuatkan daya pengeluaran. Dengan demikian perancangan yang teliti dan perlaksanaan yang

meluas akan dijalankan di kalangan Jabatan Pertanian dan agensi-agensi pertanian di peringkat negeri seperti FELCRA, FAMA, RISDA dengan memberi penekanan khusus untuk menggerakkan kembali pembangunan di sektor pertanian. Sasaran penting di sektor ini ialah untuk mewujudkan satu masyarakat tani yang berkeupayaan untuk menambahkan pendapatan kebun mereka. Untuk Jabatan Pertanian Negeri saja sebanyak \$382,800 diperuntukkan bagi projek memesatkan tanaman buah-buahan, mengadakan ladang bimbingan dan kerja-kerja di pusat pertanian.

Sebagai sokongan kepada tujuan di atas, kemudahan saliran akan dipertingkatkan supaya dapat menyediakan bekalan air dan saliran yang mencukupi. Dengan itu sejumlah \$0.8 juta dipertuntukkan di bawah projek-projek parit dan talair. Untuk mengatasi banjir dari memusnahkan tanaman pertanian, \$560,000 disediakan untuk projek penggalian dan pembesaran sungai-sungai.

Di bawah rancangan pembiakan ternakan Jabatan Haiwan Negeri, rancangan akan diaturkan bagi menentukan pemeliharaan ternakan secara lebih ekonomi dan dapat menghasilkan pulangan yang lebih tinggi. Pemeliharaan binatang ternakan secara sistem *feed lot* akan dilaksanakan dan diberi keutamaan di samping tugas-tugas biasa jabatan dari segi pengawasan dan kawalan penyakit ternakan. Peruntukan sebanyak \$215,000 diadakan untuk rancangan-rancangan pembangunan ternakan ini.

Bagi memperluaskan kemudahan dan mempercepatkan pemasaran keluaran-keluaran pertanian, Kerajaan mempertuntukkan sejumlah \$5.4 juta untuk pembinaan jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung dan pembalikan jambatan-jambatan kecil yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri dan Pejabat Kemajuan Negeri.

Pembinaan rumah awam kos rendah juga dirancangkan perlaksanaannya bagi memenuhi keperluan yang kian bertambah di kalangan penduduk berpendapatan rendah dan peruntukan sebanyak \$7.6 juta disediakan.

Bagi menambahkan lagi kemudahan untuk penduduk luar

bandar, Kerajaan menyediakan sejumlah \$3.1 juta untuk projek-projek perkhidmatan masyarakat seperti pembaikan balairaya, bilik bacaan dan tempat-tempat beribadah.

Walaupun sejumlah \$21.0 juta disediakan untuk sektor luar bandar, secara lokasi keseluruhannya sebanyak \$33.0 juta atau 66.5% adalah ditumpukan untuk sektor ini di dalam Anggaran Pembangunan 1987.

### **Prasarana dan Kemudahan Awam**

Untuk projek-projek prasarana dan kemudahan awam sejumlah \$10.3 juta diperuntukkan. Dari jumlah itu sebanyak \$2.0 juta disediakan untuk kerja-kerja pembesaran dan pembinaan jambatan dalam kawasan bandar iaitu di Jalan Kilang dengan Jalan Taming Sari yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Adalah diharap dengan perlaksanakan projek ini masalah kesesakan lalulintas dalam bandar Melaka akan dapat dikurangkan. Sebanyak \$431,000 disediakan untuk membeli jentera-jentera berat bagi tujuan memperkuatkhan dan membaiki lagi kemudahan perkhidmatan jalanraya yang sedia ada. Sejumlah \$656,000 pula adalah untuk kerja-kerja pembesaran dan pemberian pejabat serta pembaikan kecil rumah-rumah kakitangan rendah kerajaan.

Bagi memperkuatkan lagi usaha kerajaan untuk memperkemaskan jentera pentadbiran dari segi penyediaan ruang pejabat yang sempurna, sebanyak \$1.8 juta disediakan untuk pembinaan Pejabat Tanah dan Daerah Alor Gajah dan sambungan pembinaan beberapa Kompleks Penghulu di peringkat mukim.

Sebagai usaha Kerajaan memenuhi tanggungjawab sosial di segi penyediaan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di bandar, sebanyak \$4.2 juta diperuntukkan bagi pembinaan rumah kos rendah. Sebanyak \$1.0 lagi diperuntukkan bagi memperbaiki jalan-jalan di kawasan perumahan.

### **Penutup**

Kerajaan Negeri berharap kemajuan pembangunan akan dapat diteruskan dengan sumber-sumber pembiayaan negeri di

## PENGGERAK

samping pinjaman dan pemberian-pemberian yang didapati dari Kerajaan Persekutuan.

Dengan Belanjawan seimbang yang diamlakan sekarang iaitu mengatur perbelanjaan mengikut keupayaan kewangan negeri, memberi penekanan perbelanjaan terhadap meninggikan prestasi pentadbiran serta projek-projek yang memberikan kesan maksimum terhadap pembangunan sosioekonomi negeri, kita yakin negeri Melaka akan terus menikmati pembangunan yang pesat. Dengan itu juga diharap usaha-usaha untuk memenuhi matlamat ke arah pencapaian Dasar Ekonomi Baru boleh terus digerakkan dan dicapai.

Di pihak rakyat saya suka menyeru supaya dapat menjadi lebih produktif dan gigih untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi mereka terutama masyarakat luar bandar yang banyak bergantung pada pertanian sebagai sumber pendapatan. Mereka haruslah menyokong program-program pembangunan Kerajaan dengan turut terlibat secara lebih aktif seperti membangunkan semula tanah-tanah terbiar serta menggunakan alat-alat dan pendekatan lebih moden yang disyorkan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam memajukan tanaman dan ternakan.

Bagi kakitangan Kerajaan yang menyumbangkan peranan penting menggerakkan jentera Kerajaan untuk melaksanakan program-program pembangunan yang dirancang, diharap dapat mempertingkatkan prestasi dan terus berusaha untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan mereka. Dengan cara ini kita akan terus dapat menggerakkan kegiatan sosioekonomi dalam negeri dengan berkesan dan dapat membanteras arus kemelesetan ekonomi yang dihadapi.

Dengan harapan dan aspirasi yang dinyatakan Belanjawan sebanyak \$105.3 juta hendaklah dianggapkan sebagai pelaburan untuk 1987 yang dijangka akan dapat memberi pulangan yang tinggi kepada rakyat negeri ini.

## Tahap Prestasi Pembangunan Perlu Dikekal

Rancangan Malaysia Kelima akan memasuki tahun ketiga dalam tempoh lima tahunnya. Sungguhpun keadaan ekonomi negara telah mula pulih, semua pihak perlu terus berusaha dengan gigih untuk mencapai pembangunan ekonomi yang lebih tinggi.

Sekiranya kita tidak dapat melipatgandakan azam dan usaha, kita akan terus menghadapi pertumbuhan ekonomi yang perlahan, lebih-lebih lagi memandangkan perkembangan ekonomi antara bangsar tidak begitu menggalakkan. Usaha-usaha ke arah mengukuhkan pemulihan ekonomi akan terus diberi perhatian utama oleh Kerajaan.

Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, diramalkan pertumbuhan ekonomi negeri ialah pada kadar 3.4 peratus iaitu lebih rendah berbanding dengan 3.8 peratus bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat meskipun Keluaran Dalam Negeri Kasar dan pendapatan per kapita sebanyak \$1,706 juta dan \$3,273 juta telah meningkat berbanding dengan \$1,362 juta dan \$2,765 juta dalam tempoh sebelumnya.

Adalah dijangkakan pertumbuhan ekonomi akan meningkat dari 1.2 peratus pada tahun 1986 kepada 2 peratus pada tahun 1987 seperti yang dinyatakan di dalam Belanjawan Negara.

Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya program-program pembangunan dirancang dan dilaksanakan dengan rapi bagi memastikan ia benar-benar dapat memberi sumbangan kepada pemulihan ekonomi.

Projek-projek pembangunan yang dapat memberi kesan dan

manfaat sosioekonomi yang maksimum akan terus diberi keutamaan selaras dengan objektif membasmi kemiskinan khususnya di kawasan luar bandar.

Sebagai menyahut saranan Menteri Kewangan Malaysia dalam ucapan Belanjawan beliau, Kerajaan Negeri akan memberi perhatian terhadap pelaksanaan projek-projek yang dapat memberi kesan sampingan yang berlipat ganda ke atas ekonomi negara terutama sekali dalam aktiviti pembinaan yang mempunyai potensi yang besar bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Penekanan juga akan diberi terhadap pertumbuhan industri kecil, di samping menambah peluang-peluang perniagaan dengan kemudahan-kemudahan asas seperti pinjaman, ruang niaga serta juga latihan.

Dalam menghadapi suasana keadaan ekonomi sekarang, Kerajaan Negeri perlu mengukuhkan lagi kedudukan ke-wangannya. Atas kesedaran ini, langkah utama yang perlu diambil ialah dengan mengekal dan seterusnya meningkatkan hasil daripada sumber-sumber kewangan yang sedia ada, di samping berusaha untuk mengenalpasti punca-punca yang baru.

Dasar untuk mengawal pertumbuhan perbelanjaan mengurus akan diteruskan supaya lebih dapat disalurkan kepada perbelanjaan pembangunan.

Projek-projek pembangunan akan dinilai dari segi kekesaan sosioekonomi sebelum dilaksanakan dengan penekanan diberi kepada peningkatan ekonomi negeri.

Peruntukan perbelanjaan akan terus diadakan kepada Jabatan-jabatan serta agensi-agensi Kerajaan Negeri supaya mereka dapat melaksanakan program-program dengan berkesan.

Adalah diharapkan tahap prestasi pembangunan negeri akan dapat dikekalkan dengan sokongan pentadbiran yang cekap dan berkesan dari Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Sejak 1981 — 1986, jumlah kutipan hasil negeri daripada berbagai sumber telah dapat ditingkatkan dari \$32.9 juta kepada

\$64.0 juta. Purata tumbuhan hasil ialah pada kadar 19.4 peratus setahun. Sementara itu peningkatan perbelanjaan mengurus negeri ialah dari \$41.2 juta kepada \$48.9 juta iaitu kadar pertumbuhan yang rendah sebanyak 6.7 peratus.

Dari segi prestasi perbelanjaan Jabatan-jabatan negeri bagi tempoh yang dimaksudkan, peratus pencapaian Belanja Mengurus ialah pada kadar purata 87.1 dan untuk pembangunan ialah pada kadar 83.0.

Berdasarkan kepada keupayaan kewangan negeri dan prestasi pencapaian Jabatan-jabatan, strategi Belanjawan untuk 1988 ditentukan seperti berikut:

- (i) Pemeliharaan Sumber-sumber kewangan negeri.
- (ii) Mempergiatkan lagi pembangunan sosioekonomi negeri bagi menambah peluang-peluang pekerjaan.
- (iii) Memperkuuhkan jentera pentadbiran Kerajaan.

#### **Pemeliharaan Sumber-sumber Kewangan Negeri**

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai sumber-sumber asli yang kurang, Melaka akan terus bergantung kepada sumber-sumber hasil yang sedia ada.

Di antara punca utama ialah cukai tanah, premium tanah, sewa Rumah Kos Rendah, pulangan pelaburan, bayaran balik pinjaman, bayaran perkhidmatan serta pemberian Kerajaan Persekutuan.

Dalam usaha untuk menambah punca hasil, Kerajaan Negeri akan meneroka satu bidang baru yang belum pernah diceburi hingga kini iaitu pelaburan di dalam Syarikat-syarikat perniagaan.

Aktiviti ini adalah merupakan satu usaha jangka panjang. Dijangkakan perolehan dari bidang pelaburan ini akan dapat membantu menambah hasil negeri.

Penggunaan sistem komputer di Pejabat-pejabat Tanah telah dapat mengukuhkan lagi prestasi pengurusan dengan kutipan hasil termasuk tunggakan cukai tanah dapat dipertingkatkan.

Kawalan rapi ke atas perbelanjaan mengurus terutama perbelanjaan elauan lebih masa, tuntutan perjalanan, perhubungan, bekalan bahan-bahan, dan pemilikan harta

modal akan terus dilakukan selaras dengan dasar perjimatan Kerajaan.

Dengan terlaksananya langkah-langkah di atas, dianggarkan jumlah kutipan hasil daripada pelbagai punca akan meningkat dari \$57.1 juta pada tahun 1987 kepada \$70.9 juta pada tahun 1988, iaitu kenaikan sebanyak 24.2 peratus.

### **Mempergiatkan Pembangunan Sosioekonomi**

Selaras dengan objektif untuk membasmi kemiskinan, Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kepada pembangunan di kawasan luar bandar, di mana kemiskinan masih ketara. Sejumlah \$17.5 juta atau 34.2 peratus daripada peruntukan pembangunan disediakan untuk kawasan luar bandar.

Usaha-usaha untuk meningkatkan sumbangan sektor pertanian dalam ekonomi negeri akan diteruskan. Program-program yang diatur mempunyai matlamat untuk meninggikan pengeluaran petani dari pekebun kecil melalui pemindahan teknologi dan penyelidikan yang mendalam.

Usaha akan ditingkatkan untuk melahirkan usahawan-usahawan pertanian melalui program latihan di kalangan belia tani bertujuan memupuk kesedaran mereka supaya menerima pertanian sebagai satu bidang perusahaan yang menguntungkan dan boleh diusahakan secara komersial.

Bagi memastikan kejayaan projek-projek pertanian, berbagai-bagai projek kemudahan saliran akan dilaksanakan.

Penternak-penternak akan diberi galakan untuk mewujudkan unit-unit pengeluaran bertaraf komersial dan sepenuh masa diikuti dengan pertambahan bilangan ternakan yang bermutu tinggi.

Usaha-usaha pengembangan dengan memberi keutamaan kepada perkhidmatan kepakaran dalam semua bidang penternakan akan ditingkatkan.

Projek-projek prasarana dan kemudahan awam seperti jalan raya dan jambatan yang dapat membantu meningkatkan daya pengeluaran hasil tani penduduk luar bandar akan juga dilaksanakan.

Peruntukan juga disediakan untuk pembinaan projek-projek

Rumah Awam Kos Rendah terutama di kawasan luar bandar bertujuan untuk memenuhi keperluan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah.

Berbagai program akan dilaksanakan bagi melengkapkan pembangunan dalam sektor pelancongan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Melaka sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka di negara kita.

Tidak ketinggalan juga, golongan miskin dan yang kurang bernalasib baik tetap mendapat perhatian Kerajaan melalui program-program latihan kemahiran, galakan, pemulihian dan bantuan-bantuan yang dipertanggungjawabkan kepada jabatan-jabatan serta Badan-badan Kebajikan untuk melaksanakannya bagi menjamin kesejahteraan hidup mereka.

Saya penuh yakin dengan terlaksananya program-program di atas, lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Dengan kadar pengangguran yang kian meningkat, usaha-usaha ini akan dapat mengurangkan masalah yang dihadapi.

Projek penggerak utama yang akan mula dilaksanakan di Negeri Melaka pada 1988 ialah Kilang Penapis Minyak Petronas di Tanjung Kling.

Pelaksanakan projek ini ialah puncak usaha Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengasaskan satu lagi projek besar di Negeri Melaka yang akan memerlukan pelaburan kira-kira \$1,000 juta serta menghasilkan pekerjaan pembinaan sebanyak 2,800 dan pekerjaan tetap sebanyak 250.

### **Memperkuuhkan Jentera Pentadbiran Kerajaan**

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memperkuuhkan jentera pentadbirannya. Pertambahan peruntukan Belanjan Mengurus sebanyak \$14.5 juta atau 26 peratus dari anggaran 1987 membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk mencapai objektif di atas.

Berbagai program latihan dianjurkan untuk kakitangan awam bagi meningkatkan pengetahuan kerja dan kemahiran. Di samping kursus-kursus yang dianjurkan oleh INTAN,

program-program seperti Fail Meja, Kumpulan Meningkat Mutu Kerja dan Pengukuran Produktiviti telah dilaksanakan.

Memandangkan betapa perlu dan pentingnya aspek kecekapan sistem pentadbiran bagi menjamin kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah pusat membina semangat di Graha Patriotika Tanjung Kling, di mana latihan intensif di segi mental dan fizikal diberi penekanan utama.

Di antara objektif utama kursus yang dianjurkan ialah untuk memupuk semangat ingin bekerja dan berbakti kepada negara serta juga meningkatkan disiplin dan dedikasi terhadap tugas dan tanggungjawab masing-masing berdasarkan kepada konsep Bersih, Cekap dan Amanah.

Tindakan mewajibkan wakil-wakil rakyat serta juga kakitangan awam semua peringkat mengikuti kursus yang dianjurkan di Graha Patriotika merupakan langkah yang paling baik bagi menjamin penglibatan semua pihak di dalam proses membangunkan Negeri Melaka.

### **Belanjawan 1988**

Saya ingin mencadangkan sejumlah \$121.5 juta diperuntukkan bagi Belanjawan 1988 untuk kegunaan perbelanjaan-perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$760.2 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$51.3 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Dari jumlah Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$70.2 juta, peruntukan untuk Emolumen ialah sebanyak \$19.7 juta atau 28.1 peratus, Perkhidmatan dan Bekalan \$11.7 juta atau 16.8 peratus, Pemilikan Harta Modal \$5.7 juta atau 8.1 peratus, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap \$32.7 juta atau 46.6 peratus dan lain-lain Perbelanjaan \$0.3 juta atau 0.5 peratus.

Pertambahan peruntukan yang ketara ialah di bawah Pemilikan Harta Modal di mana buat julung kalinya Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak \$5 juta sebagai modal pelaburan dalam Syarikat-syarikat perniagaan dan perolehan dari pelaburan ini merupakan punca hasil yang baru.

Manakala pertambahan di bawah Pemberian dan Kenaan

Bayaran Tetap adalah untuk membayar balik pinjaman-pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.

Anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan kepada jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dapat dilihat dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan 1988. Pecahan peruntukan mengikut perkhidmatan ialah \$37.8 juta untuk perkhidmatan pentadbiran, \$19.7 juta perkhidmatan prasarana dan kemudahan awam, \$7.3 juta untuk perkhidmatan ekonomi dan \$5.4 juta untuk perkhidmatan sosial dan agama.

Di bawah perkhidmatan pentadbiran, peruntukan yang besar disediakan untuk bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah \$20.2 juta, manakala \$1.3 juta disediakan untuk bayaran-bayaran ganjaran dan pencen kepada bekas Ahli-ahli Dewan Undangan.

Sebagai usaha mengukuhkan jentera pentadbiran di peringkat daerah, peruntukan sebanyak \$728,520 disediakan untuk bayaran elauan kepada ahli-ahli J.K.K.K. yang menjalankan fungsi-fungsi pentadbiran di peringkat kampung dan Mukim.

Peruntukan sebanyak \$348,000 disediakan di bawah Jabatan Ketua Menteri untuk pembelian dan penyelenggaraan alat-alat komputer.

Di bawah perkhidmatan prasarana dan kemudahan awam, sebanyak \$4.3 juta disediakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri dan bangunan-bangunan Kerajaan yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pejabat-pejabat Daerah. Sebanyak \$2.0 juta disediakan untuk Kumpulan Wang Pusingan projek Rumah Awam Kos Rendah dan \$930,000 untuk lain-lain Kumpulan Wang.

Di antara program-program di bawah perkhidmatan ekonomi ialah kerja-kerja penyelenggaraan parit dan talair yang disediakan dengan peruntukan sebanyak \$912,000, pinjaman kepada Badan-badan Berkanun sebanyak \$400,000 dan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil sebanyak \$200,000.

Di bawah perkhidmatan sosial dan agama, peruntukan sebanyak \$1.9 juta disediakan untuk Pihak Berkuasa Tempatan bagi meningkatkan perkhidmatan sosial kepada rakyat, \$400,000 diperuntukkan kepada Perbadanan Perpustakaan

## PENGGERAK

Awam Negeri bagi melengkapkan bahan-bahan bacaan dan rujukan, manakala \$200,000 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan Lembaga Muzium Negeri Melaka.

Di samping itu, sejumlah \$305,000 diperuntukkan di bawah Jabatan Ketua Menteri sebagai sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan yang bertanggungjawab di dalam perkembangan sukan, kegiatan-kegiatan belia dan lain-lain aktiviti masyarakat.

Selaras dengan slogan tradisi membela rakyat, Kerajaan memperuntukkan sejumlah \$665,000 kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat khusus untuk membantu rakyat miskin dan yang kurang bernasib dengan berbagai program pemulihan.

Dalam menghadapi zaman yang kian mencabar, berbagai program pembangunan rohaniah akan dilaksanakan demi untuk menegakkan syiar Islam. Peruntukan sebanyak \$2.6 juta disediakan untuk tujuan ini. Dari jumlah tersebut, sebanyak \$250,000 lagi disediakan untuk menampung perbelanjaan pembinaan Masjid Negeri, \$500,000 untuk bayaran elaun pegawai syarak, \$293,000 untuk program penghayatan masjid-masjid dan \$40,000 untuk program dakwah. Baki sebanyak \$1.5 juta lagi dipertuntukan kepada Lembaga Pendidikan Islam untuk melincinkan urusan pentadbiran dan menampung perbelanjaan pengurusan.

Dengan Belanja Mengurus yang dicadangkan sebanyak \$70,210,880 berbanding dengan Anggaran Hasil sebanyak \$70,954,920 kedudukan Belanjawan menunjukkan kelebihan sebanyak \$744,040.

Di bawah Anggaran Pembangunan 1988 yang menyediakan peruntukan berjumlah \$51.3 juta, sebanyak \$37 juta atau 72.2 peratus disediakan untuk Prasarana dan Kemudahan Awam, \$8.6 juta atau 16.8 peratus untuk sektor pelancongan, \$2.6 juta atau 5.1 peratus untuk Sektor Pertanian, \$2 juta atau 3.9 peratus untuk Sektor Industri dan Perniagaan dan \$1 juta atau 2 peratus untuk perbelanjaan Luar Jangka.

Dari jumlah anggaran \$51,307,650 yang disediakan untuk perlaksanakan projek-projek pembangunan dalam tahun 1988 itu, sebanyak \$20,664,000 ialah dari sumber negeri sebanyak

\$29,513,650 dari pinjaman Persekutuan dan \$1,130,000 imbuhan balik oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan pembangunan ini bertambah sebanyak \$1.69 juta atau 3.4 peratus dari peruntukan 1987.

### Prasarana dan Kemudahan Awam

Untuk projek-projek prasarana dan kemudahan awam, jumlah \$37 juta diperuntukkan. Dari jumlah itu, sebanyak \$1.2 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja pembaikan dan ubahsuai bangunan-bangunan Kerajaan termasuk menghawadingin, membeli jentera dan kenderaan.

Sebanyak \$250,000 pula disediakan untuk membiayai baki bayaran projek pembinaan Jambatan Jalan Kling ke Jalan Taming Sari. Di samping itu, peruntukan sebanyak \$5.5 juta disediakan untuk projek-projek membaiki dan menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar, jalan-jalan negeri dan jambatan.

Sebagai memenuhi keperluan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah, peruntukan sebanyak \$5.9 juta disediakan untuk projek-projek Rumah Awam Kos Rendah di Ujong Pasir, Peringgit IV, Cheng II, Semujuk, Bukit Rambai II, Pulau Sebang III, Kesang dan lain-lain projek-projek kecil.

Selain daripada itu, peruntukan sebanyak \$2.0 juta disediakan di bawah Kumputer Wang Pusingan Projek Perumahan Awam Kos Rendah untuk melaksanakan beberapa projek baru termasuk projek-projek penswastaan yang telah tergendala.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap masalah kemudahan pentadbiran yang dihadapi di peringkat negeri dan daerah. Sebagai langkah menyediakan kemudahan berkenaan, peruntukan sebanyak \$18.9 juta disediakan.

Kompleks baru Dewan Undangan Negeri memerlukan \$15.0 juta, \$1.2 juta untuk Kompleks Penghulu, \$1.0 juta untuk Bangunan-bangunan Pejabat Daerah Alor Gajah dan Jasin dan \$500,000 untuk pusat latihan bagi kakitangan awam di Graha Patriotika Tanjung Kling. Peruntukan sebanyak \$1.0 juta lagi disediakan untuk projek-projek menaikkan taraf

jalan dan bakinya untuk menampung kos kajian projek.

Peruntukan sebanyak \$4.9 juta disediakan untuk projek-projek yang dapat memberi kemudahan kepada masyarakat. Peruntukan sebanyak \$4.0 juta disediakan untuk pembelian bekalan serta peralatan tertentu untuk kegunaan masyarakat tempatan di masjid, surau, balai raya serta perpustakaan kecil, projek menaikkan taraf jalan serta membaiki dan menggantikan jambatan-jambatan kecil. Sebanyak \$990,000 disediakan untuk projek-projek membaiki balai raya bilik bacaan dan tempat-tempat beribadah.

Sebanyak \$42,000 pula diperuntukkan untuk membaiki kemudahan-kemudahan di Pusat Latihan Pertanian Sungai Udang.

Dalam usaha meningkatkan mutu sukan, Kerajaan Negeri akan membina sebuah Kompleks Sukan yang dijangka menelan belanja sebanyak \$4 juta. Untuk tujuan ini, satu Kumpulan Wang Amanah Kompleks Sukan Negeri akan diwujudkan bagi menyalurkan sumbangan-sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri dan orang ramai.

Di samping sumbangan permulaan sebanyak \$500,000 Kerajaan Negeri akan memberi sumbangan tambahan sebanyak \$250,000 pada tahun hadapan. Projek ini dijangka mula dilaksanakan pada awal tahun 1988.

Walaupun negara menghadapi masalah kelembapan ekonomi pada masa kini, diharapkan peruntukan sebanyak \$37 juta yang disediakan untuk sektor ini akan dapat mengekal di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru.

### Sektor Pelancongan

Untuk tahun 1988, Kerajaan akan memperuntukkan sejumlah \$8.6 juta untuk melengkapkan lagi kemudahan-kemudahan dalam sektor pelancongan. Usaha-usaha masih terus dijalankan untuk menjadikan Melaka sebagai destinasi pelancongan dengan membaik pulih tinggalan sejarah, menambah pusat-pusat rekreatif, kebudayaan dan sukan serta menjadikan Melaka juga sebagai pusat konvensyen. Dengan memajukan

sektor ini, ia dapat menghasilkan kesan penggandaan yang berpengaruh terhadap perkembangan kegiatan-kegiatan industri perhotelan, makanan, kraftangan dan pengangkutan.

Dari jumlah \$8.6 juta di atas, sebanyak \$5.0 juta adalah untuk projek cahaya dan bunyi, \$850,000 untuk projek pemulihian bangunan 'Stadthuys', \$420,000 untuk projek jeti di Pulau Besar dan \$100,000 lagi untuk pembangunan Dusun Buah-buahan. Peruntukan selebihnya ialah untuk promosi pelancongan.

Di samping peruntukan tersebut, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka sebagai agensi pelaksana utama dalam sektor ini akan menyumbangkan sebanyak \$6.9 juta untuk projek-projek kemajuan pelancongan. Sebanyak \$5.0 juta diperuntukkan untuk pembangunan Pulau Besar, \$1.0 juta untuk Taman Mini ASEAN, \$0.5 juta untuk menambah chalet di Tanjong Bidara Beach Resort dan \$0.4 juta untuk kerja-kerja pengindahan, pemberian tambahan di Taman Mini Malaysia, Pusat Pelancongan, Tanjong Bidara Beach Resort dan tempat-tempat bersejarah.

### Sektor Pertanian

Jumlah peruntukan yang disediakan bagi sektor pertanian ialah \$2.6 juta. Walaupun peranan sektor pertanian dalam pembangunan Negeri Melaka semakin berkurangan tetapi strategi dan program yang tersusun adalah penting dalam usaha mengurangkan masalah kemiskinan di luar bandar.

Aspek perubahan sikap akan terus diberi penekanan supaya petani-petani dapat menerima teknologi baru pertanian dan memaksimumkan penggunaan tanah menerusi usaha pelbagai tanaman. Program latihan di kalangan belia untuk melahirkan usahawan-usahawan pertanian akan dilaksanakan. Sejumlah \$372,290 diperuntukkan untuk maksud ini.

Sebahagian besar pelaksanaan projek-projek di sektor pertanian bergantung kepada projek-projek kemudahan saliran. Untuk tujuan ini peruntukan sebanyak \$1.7 juta akan disediakan bagi memastikan petani-petani dapat menjayakan projek pertanian masing-masing dengan lebih produktif dan

menguntungkan.

Galakan akan terus diberi kepada penternak-penternak supaya membesarlu perusahaan mereka sama ada secara persendirian atau secara berkelompok. Pencegahan dan penghapusan penyakit akan ditingkatkan melalui program kesihatan berkumpulan. Peruntukan sebanyak \$270,000 disediakan untuk tujuan ini.

Peruntukan sebanyak \$121,810 disediakan untuk rancangan kemajuan tanah negeri di bawah pengawasan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Sebanyak \$119,520 pula diperuntukkan di bawah Jabatan Hutan untuk aktiviti-aktiviti perhutanan. Manakala peruntukan sebanyak \$100,000 disediakan untuk rancangan pembangunan sosioekonomi nelayan.

Program di sektor pertanian ini juga disokong oleh peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak \$2.2 juta yang disalurkan melalui Jabatan Parit dan Talair, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

### Sektor Perindustrian dan Perniagaan

Di dalam usaha meneruskan pembangunan sosioekonomi, peranan sektor perindustrian akan dipertingkatkan lagi supaya dapat menyediakan peluang pekerjaan dan penyertaan dalam bidang tersebut oleh rakyat di samping memiliki kekayaan negeri ini.

Kerajaan akan menentukan iklim pelaburan yang baik seperti penyediaan tapak-tapak kawasan industri beserta kemudahan prasarana, tenaga kerja, pembinaan kilang-kilang dan mempercepatkan urusan-urusan pelaburan di peringkat negeri.

Bagi tahun 1988, sejumlah \$2.0 juta akan diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri untuk pembinaan projek Kompleks Pejabat dan ruang niaga PKNM di Jalan Hang Tuah. Pelaksanaan projek ini telah tergendala sejak 1986 dan dijangka dapat diteruskan semula pada tahun 1988.

Bagi mengukuhkan sektor perniagaan, Kerajaan Negeri akan melancarkan Kumpulan Wang Pinjaman Usahawan/Peniaga

Kecil dengan peruntukan sebanyak \$200,000.

Peruntukan ini akan dikeluarkan dalam bentuk pinjaman kepada usahawan/peniaga kecil terutama di kalangan Bumiputera untuk dijadikan sebagai modal permulaan atau untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Kerajaan Negeri berharap agar mereka yang terlibat akan berusaha dengan gigih untuk mencapai tahap kejayaan yang lebih tinggi di bawah program ini.

Sungguhpun kesan kelembapan ekonomi masih dirasai, Kerajaan Negeri akan terus menggembangkan tenaga serta melipatgandakan daya usaha di dalam menghadapi cabaran demi untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat negeri Melaka. Belanjawan yang baru sahaja dibentangkan sebentar tadi mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk terus menggerakkan jentera pembangunan negeri supaya dapat menghasilkan kemajuan yang lebih tinggi.

Dengan mengamalkan Belanjawan seimbang, iaitu mengatur perbelanjaan mengikut keupayaan kewangan negeri bolehlah Kerajaan Negeri menghadapi tahun-tahun yang akan datang dengan kedudukan kewangan yang sentiasa teguh. Perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan akan dapat dijalankan dengan teratur dengan sokongan daripada jentera pentadbiran yang cekap.

Langkah-langkah yang praktikal dan berkesan akan terus diamalkan dalam usaha Kerajaan memperkuatkkan kedudukan kewangan negeri. Pengurusan terhadap sumber-sumber hasil yang sedia ada akan diperkemaskan bagi menjamin perolehan yang maksimum.

Penelitian terhadap sumber-sumber baru yang boleh mendatangkan hasil yang baik akan dijalankan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, segala perbelanjaan akan diawasi dan dinilai dengan rapi untuk memastikan kekesanan dan faedah yang dapat dinikmati oleh rakyat keseluruhannya.

Kerajaan Negeri berharap kemajuan pembangunan akan dapat diteruskan dengan sumber-sumber pembiayaan negeri serta pinjaman dan pemberian-pemberian dari Kerajaan

Persekutuan.

Peruntukan-peruntukan pembangunan akan disediakan bagi membolehkan projek-projek yang dapat memberi kesan maksimum terhadap pembangunan sosioekonomi negeri dilaksanakan.

Dengan pertambahan peruntukan untuk Belanja Pembangunan diharapkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan bagi membendung kadar pengangguran yang kian meningkat.

Kerajaan Negeri akan terus berusaha ke arah mewujudkan satu sistem pentadbiran awam yang cekap dan peka terhadap isu-isu atau perubahan semasa.

Latihan-latihan yang diberi bukan sahaja bertujuan untuk menambah kemahiran tetapi juga melahirkan golongan kakitangan awam yang sentiasa menyumbangkan khidmat bakti dengan jujur, tekun dan penuh tanggungjawab.

Saya berdoa ke hadrat Allah S.W.T. agar Belanjawan sebanyak \$121.5 juta bagi tahun 1988 dapat diurus dan dibelanjakan dengan sebaik yang mungkin bagi menjamin pulangan yang tinggi kepada rakyat negeri ini.

Sebagai mengakhiri ucapan, suka saya mengambil kesempatan di sini merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kakitangan Kerajaan, ahli-ahli Jawatan-kuasa Kemajuan Kampung, pegawai-pegawai syarak dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat yang telah bersama-sama menggerakkan jentera sosial dan pembangunan untuk kepentingan negeri Melaka. Tidak lupa juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pasukan keselamatan yang dapat mengekalkan keamanan bagi menjamin suasana kemajuan yang berterusan. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih saya kepada sektor swasta yang telah menunjukkan sikap positif dan telah memberi sokongan untuk terus memajukan negeri ini.

Akhir sekali, suka saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan di atas sumbangan kewangan yang berterusan, istimewanya dengan pembinaan Kilang Penapis Minyak Petronas di Tanjong Kling pada tahun hadapan.

## Dasar Perjuangan Ke Akar Umbi

**S**ESIAPA yang datang ke Melaka pasti dapat melihat dan merasakan kepesatan pembangunan negeri Melaka. Di sektor perusahaan pelancongan umpamanya, Kerajaan Melaka telah berjaya mengeksplotasi tempat-tempat bersejarah, sumber-sumber alam semula jadi dan aneka kebudayaan serta kesenian penduduknya. Dan untuk mengetahui dengan lebih jelas tentang perarian dan rancangan Kerajaan Barisan Nasional Negeri Melaka di dalam usaha membangunkan negeri Melaka yang bersejarah itu, ikutilah rakaman eksklusif YAB Datuk Seri Rahim Tamby Chik selaku Ketua Menteri Melaka merangkap Ketua Perhubungan UMNO dan Pengurus Barisan Nasional Negeri Melaka.

**Dasar Perjuangan:** Dasar perjuangan saya amat mudah sekali: 'Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung'. Saya pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen dan Timbalan peringkat negeri. Sama ada berkhidmat dengan Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, pada pendapat saya, sumbangan kita terhadap agama, bangsa dan tanahair adalah sama sahaja. Yang berbeza hanyalah pletformnya sahaja. Kalau pada peringkat Kerajaan Pusat, pemimpin-pemimpin kita sentiasa menggubal dasar-dasar negara di dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan lain-lain, saya berpendapat pada peringkat negeri pula tugas utama Kerajaan Negeri ialah untuk mencari jalan bagaimanakah cita-cita dan matlamat dasar negara kita dapat dilaksanakan secara berkesan hingga ke akar-akar umbi. Jelaslah di sini bahawa dari segi

sumbangsan terhadap negara, tidak ada beza, sama ada seseorang itu berkhidmat di peringkat negeri ataupun pusat.

Bagaimanapun saya bersyukur di atas kepercayaan yang diberikan oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional terhadap saya untuk meneruskan tugas saya sebagai Ketua Kerajaan Negeri Melaka agar segala rancangan dan matlamat untuk mengubahkan keadaan negeri Melaka kepada tahap yang lebih maju dan progresif lagi dapat dicapai.

Pendekatan yang saya gunakan bagi mentadbir negeri Melaka ini secara berkesan: Pertama ialah mencapai kemantapan politik. Kedua ialah keberkesanan pentadbiran. Dari segi kemantapan politik adalah perlu kerajaan yang memerintah mendapat sokongan yang padu daripada rakyat jelata khususnya UMNO dan Barisan Nasional. Untuk mencapai kemantapan politik ini kita mengambil beberapa langkah supaya konsep parti yang mendukung kerajaan benar-benar menjadi kenyataan. Langkah itu ialah:

**Pertama:** hampir kesemua ketua-ketua cawangan UMNO menjadi Pengurus JKKK. Ini bererti pejuang-pejuang parti pada peringkat bawahan merupakan juga sayap-sayap kerajaan pada peringkat akar umbi.

**Kedua:** Datuk-datuk Penghulu dan setengah-setengah pegawai kerajaan yang penting seperti Pegawai Penerangan Luar, Pegawai Kemas, Pegawai Pertanian dan lain-lain diberi tugas mengikut sempadan Dewan Undangan Negeri. Dulu mereka diberi tugas mengikut sempadan mukim. Sekarang mengikut sempadan pilihanraya. Langkah ini diambil bagi membantu Wakil Rakyat di dalam satu-satu kawasan pilihanraya.

**Ketiga:** kita tubuhkan JAPRUN — Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Kawasan Dewan Undangan Negeri yang mana Pengerusinya terdiri daripada Yang Berhormat atau Wakil Rakyat di kawasan yang berkenaan. Manakala Setiausaha terdiri dari Datuk Penghulu dan AJKnya terdiri daripada semua Pengurus JKKK di dalam kawasan DUN berkenaan bersama dengan pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di dalam kawasan pilihanraya itu. Jawatankuasa ini bertanggung-

jawab untuk menyelesaikan masalah-masalah pembangunan dan berbagai-bagai masalah lain lagi di kawasan yang berkenaan. Jawatankuasa ini juga merancang pembangunan bagi masa akan datang di kawasan mereka masing-masing. Keseluruhan tindakan ini akan dapat menyepakukan politik dan pentadbiran.

Pendekatan yang kedua ialah **keberkesanan pentadbiran kerajaan**. Pendekatan ini memberi penekanan kepada konsep Bersih, Cekap dan Amanah di dalam semua aspek jentera pentadbiran awam di peringkat negeri ini. Selain daripada itu kita juga mengadakan Jawatankuasa-jawatankuasa Petugas Khas (Task Force Committees) di samping Exco dan Majlis Tindakan Negeri.

Kewujudan Jawatankuasa-jawatankuasa Petugas Khas ini adalah khusus untuk satu-satu pentadbiran. Umpamanya Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan Perindustrian; Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan Pelancongan; Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan Luarbandar dan lain-lain lagi.

Pengembangan dan pengadunan tenaga ahli-ahli politik dan ketua-ketua jabatan membolehkan kita menyelesaikan segala masalah dengan begitu berkesan sekali. Selain itu diadakan sistem Hotline (panggilan terus) dengan beberapa jabatan penting bagi mengawasi prestasi jabatan-jabatan ini setiap masa.

Dengan adanya pendekatan seperti ini, saya percaya kita boleh menjalankan usaha-usaha untuk membangunkan negeri ini dengan cara yang paling berkesan. Jadi pendekatan dalam menjalankan tugas-tugas saya sebagai pemegang teraju utama di dalam Kerajaan Negeri Melaka ialah **keberkesanan pentadbiran dan kemantapan (kestabilan) politik**.

**Perjuangan Konsep Bersih, Cekap dan Amanah:** Saya berpendapat keadaannya lebih baik daripada dulu, walaupun masih banyak lagi ruang yang perlu dibaiki bagi meningkatkan lagi pelaksanaan konsep-konsep tersebut. BCA harus dinilai dari segi prestasi dan daya pengeluaran perkhidmatan awam kita. Pada saya nilainya telah meningkat sedikit sebanyak

kerana amalan konsep-konsep tadi.

Bagi membolehkan konsep-konsep ini terus berjalan dengan berkesan, ia bergantung kepada kejujuran dan keberanian pihak berkuasa kita untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya ke atas mereka yang menyeleweng dari konsep-konsep tersebut. Oleh itu sekiranya kita dapat pertahankan-nya dari segi perlaksanaannya, maka pengalaman konsep-konsep Bersih, Cekap dan Amanah tadi akan menjadi satu penghayatan yang abadi di dalam jentera perkhidmatan awam kita.

**Komunikasi dan Perpaduan:** Selain berkomunikasi melalui sistem komunikasi biasa seperti melalui mesyuarat-mesyuarat; forum-forum dan majlis-majlis taklimat dengan Ahli-ahli Exco, Pegawai-pegawai Kerajaan, Jawatankuasa-jawatankuasa Petugas dan lain-lain lagi, kita juga berkomunikasi dengan rakyat melalui lawatan-lawatan yang sentiasa dibuat dari semasa ke semasa oleh rombongan Kerajaan Negeri, ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai Kerajaan ke kawasan-kawasan bandar dan luar bandar untuk menemui rakyat secara langsung.

Saya lebih suka membuat perancangan pembangunan negeri bukan semata-mata berdasarkan pendapat pegawai-pegawai di dalam bilik mesyuarat, tetapi juga dengan mengadakan pertemuan dan perbincangan secara langsung — secara hati ke hati dengan rakyat dengan mengambil kira perasaan dan kepekaan mereka dan memahami segala hasrat dan keadaan sebenar yang mereka alami.

Dengan adanya komunikasi dengan ahli-ahli politik, pegawai-pegawai kerajaan serta hubungan terus dengan rakyat jelata seperti yang saya sebutkan tadi, maka saya percaya konsep kerajaan berjiwa rakyat yang tidak mempunyai lompong komunikasi akan menjadi satu sistem yang paling berkesan bagi menjayakan konsep tradisi membela rakyat sebagaimana yang sedang diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang.

Mengenai perpaduan di dalam UMNO Melaka sekarang, saya percaya keadaan perpaduannya sekarang adalah kukuh

dan mantap. Ini terbukti daripada kejayaan kita dalam pilihanraya yang lalu. Rakyat memberi sokongan yang padu kepada kerajaan BN dan UMNO adalah teras di dalam Kerajaan BN di Melaka.

Masalah-masalah kecil seperti perselisihan pendapat, tidak bersetuju dengan setengah-setengah dasar kerajaan adalah memang lumrah dalam mana-mana arena politik. Oleh itu perkara seperti ini adalah satu perkara biasa yang wujud dalam mana-mana sistem demokrasi bebas. Jadi pada keseluruhannya saya percaya kemantapan politik dan kematangan berpolitik orang-orang Melaka semakin meningkat dari semasa ke semasa.

**Tuntukan Parti Komponen:** Tiap-tiap parti komponen BN atau mana-mana parti siasah akan sentiasa berjuang bagi kepentingan mereka atau bagi memperjuangkan hak-hak mereka. Oleh yang demikian, dari segi semangat dan kepentingan BN, kita akan menimbang segala permohonan dan permintaan mereka. Jika munasabah, kita akan menunaikan-nya setakat yang sesuai dengan perjuangan BN.

Menyentuh perlantikan Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Melaka, asas pertimbangan yang utama ialah quota komponan BN terpaksalah dipastikan terlebih dulu. Kedua, ialah kebolehan dan keupayaan mereka yang dilantik itu mestilah mampu menyumbangkan ke arah kemantapan politik dan juga kekesanan pentadbiran kerajaan. Andaiakata mereka mempunyai sifat-sifat ini, maka siapa sahaja layak menjadi Ahli Exco. Selepas itu, Ahli-ahli Exco yang dilantik itu akan diperhatikan prestasi mereka dari semasa ke semasa. Bagi mereka yang tidak dapat menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang diharap-harapkan oleh kerajaan dan BN, kemungkinan besar mereka akan digantikan.

**Industri Pelancongan:** Peranan Kerajaan Melaka dalam membangunkan industri pelancongan ini mempunyai dua matlamat penting. Pertama, untuk membangunkan ekonomi Melaka menerusi penambahan jumlah pelancong-pelancong yang datang ke Melaka. Dengan kedatangan mereka itu, mereka berbelanja dan ini dengan sendirinya mendatangkan

pula rezeki kepada pendudukan negeri Melaka.

Kedua, untuk memperkenalkan persejarahan Melaka yang merupakan satu warisan negara (national heritage) yang penting bagi membentuk nasionalisme dan patriotisme di kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda.

Bagi mencapai tujuan yang pertama tadi, Melaka agak unik sebab kita mempunyai banyak monumen-monumen sejarah berbanding dengan negeri-negeri lain. Malah peninggalan sejarah Melaka merupakan satu manifestasi kronologi sejarah negara Malaysia. Contohnya kita ada replika Istana Sultan Melaka menggambarkan 100 tahun kegemilangan pentadbiran Melayu di negara ini pada waktu mana masyarakat Malaysia telah pun menjadi majmuk apabila pedagang-pedagang dari Arab, Farsi, India, Cina dan Kepulauan Melayu yang lain datang bermiaga dan menjadi rakyat Melaka.

Di sinilah tercetusnya perpaduan nilai-nilai kebudayaan, bahasa dan lain-lain yang menyebabkan masyarakat Melaka menjadi satu-satu masyarakat yang kosmopolitan sifatnya.

Saya telah mengenalpasti projek pelancongan ini sebagai satu-satunya projek yang mempunyai potensi yang baik bagi Melaka sejak dua tiga tahun yang lalu. Saya berhasrat untuk meningkatkan lagi usaha membangunkan pelancongan ini sehingga Melaka menjadi destinasi pelancongan yang utama bukan sahaja di negara kita tetapi juga di rantau ini.

Penubuhan projek-projek rekreasi yang banyak, kewujudan Taman Mini Malaysia, rancangan untuk mengadakan Kampung Kebudayaan Mini Asean dan berbagai-bagai projek lain lagi adalah di antara langkah berani ke arah pencapaian matlamat yang disebutkan tadi. Insya-Allah sekiranya ini berjaya, bidang pelancongan akan merupakan satu bidang yang akan memajukan negeri Melaka dengan pesatnya di mana konsep pembangunan pelancongan yang berdasarkan kepada *Cultural Tourism* (pelancongan yang berdasarkan ciri-ciri kebudayaan) dan bukannya yang berdasarkan *Sexual Tourism* (pelancongan yang berdasarkan ciri-ciri kepuasan seks) akan benar-benar menjadi kenyataan.

Kebanyakan projek pelancongan tidak mendatangkan hasil

kepada kerajaan secara langsung. Kebanyakan hasilnya pergi kepada kerajaan pusat di dalam pelbagai cukai yang berkenaan. Tetapi secara tidak langsung rakyat Melaka terutama para pengusaha hotel, kedai-kedai makan, pengusaha-pengusaha bas dan teksi, pekedai-pekedai dan lain-lain berpeluang mendapat rezeki yang banyak daripada perbelanjaan para pelancong itu. Oleh yang demikian kerajaan Melaka tetap sanggup berkorban demi kepentingan rakyat dan negara pada keseluruhannya.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mendapat kerjasama yang maksimum dari semua pihak yang terlibat dalam menjayakan industri ini. Penyertaan semua pihak di dalam rancangan-rancangan anjuran kerajaan melalui majlis-majlis forum dan perbincangan seperti yang sering dianjurkan oleh Jawatankuasa Penasihat Kemajuan Pelancongan Melaka memanglah dialu-alukan. Di dalam majlis-majlis perbincangan tersebut kedua-dua pihak — kerajaan dan swasta — sama-sama turut membincangkan berbagai-bagai masalah berkaitan dengan pelancongan termasuklah masalah bagaimana hendak meningkatkan lagi kerjasama kedua-dua pihak bagi memajukan lagi industri pelancongan di negeri Melaka.

Dalam usaha menarik para pelancong datang melancong ke Melaka, ada tiga aspek yang kami tonjolkan:

**Pertama:** aspek sejarahan yang terdiri dari peninggalan-peninggalan sejarah seperti istana, memorial, Kota Portugis, Kota Belanda, Makam Hang Tuah, Makam Hang Jebat dan lain-lain.

**Kedua:** aspek yang bersifat kebudayaan seperti Muzium Budaya, Taman Mini Malaysia, Gelanggang Duyung, Taman Mini Asean dan lain-lain lagi.

**Ketiga:** aspek riadah. Pantai yang cantik, pulau-pulau yang berkenaan, taman haiwan, hutan rekreasi dan lain-lain.

Sesudah kita berjaya mengadakan ke tiga-tiga aspek pelancongan yang tersebut itu, barulah lain-lain kelengkapan yang perlu dilengkapkan lagi seperti yang saudara maksudkan tadi akan kami adakan. Ini termasuklah mengadakan tempat-tempat menjual makanan, kebersihan pantai, sistem infra-

struktur yang baik, pengangkutan yang murah, selesa dan sebagainya. Kesemua ini, jika dapat disepadukan secara berkesan sudah pasti akan memberi suatu sumbangan yang besar ke arah memajukan lagi pembangunan pelancongan di negeri Melaka.

**Sektor Pertanian:** Berhubung dengan bidang pertanian pula, kerajaan mempunyai dua strategi penting bagi memajukan sektor pertanian. Pertama meningkatkan hasil keluaran. Kedua meningkatkan daya pengeluaran.

Usaha untuk memperbanyak hasil keluaran pertanian memanglah sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa. Ini termasuklah usaha pemulihian semula tanah-tanah terbiar di negeri Melaka ini. Dengan adanya ajensi-ajensi Kerajaan Persekutuan seperti Felcra, Felda dan ajensi-ajensi kerajaan Negeri seperti pejabat pertanian, projek bersepadau dan Syarikat Pembangunan Pertanian Melaka, maka usaha meningkatkan hasil keluaran telah dapat dijalankan dengan sistematik. Lebih banyak tanah-tanah terbiar sama ada tanah-tanah milik kerajaan ataupun milik orang ramai, akan dimajukan dengan lebih pesat lagi.

Bagi meningkatkan daya pengeluaran pula kita akan tingkatkan kemahiran para petani kita — supaya mereka menjadi petani-petani moden yang dapat menerima idea-idea baru di dalam bidang pertanian. Kita akan bekalkan benih yang lebih baik dan teknologi yang lebih baik di samping memperkenalkan pelbagai tanaman baru.

Di samping tanaman-tanaman tradisional kita seperti getah, kelapa sawit, kita akan memperkenalkan tanaman-tanaman baru secara besar-besaran seperti asparagas, koko, pisang mas, pelbagai sayuran, ternakan air tawar, pembelaan lembu, memelihara lebah madu dan lain-lain yang kesemua ini kita yakin akan meningkatkan produktiviti atau daya pengeluaran di dalam sektor pertanian. Kesemua rancangan ini sedang berjalan lancar sekarang.

Dengan adanya dua strategi tadi — peningkatan di dalam pengeluaran dan di dalam daya pengeluaran — saya percaya sektor pertanian akan dapat memberikan satu masa depan

yang lebih cerah bagi kaum petani kita.

Mengenai hasil pengeluaran pertanian, kita mempunyai dua strategi. Pertama menghasilkan untuk keperluan rakyat kita semata-mata. Strategi kedua menghasilkan untuk diekspotkan ke luar negeri bagi setengah-setengah hasil pertanian yang diusahakan secara komersial.

Saya rasa gembira kerana pada masa ini Melaka adalah satu-satunya negeri yang paling banyak sekali mengekspot ayam di Malaysia. Kita juga ingin menjadi pengeluar dan pengekspor utama bagi hasil-hasil pertanian yang lain pada masa-masa akan datang. Dengan perancangan yang teliti, Insya-Allah kita boleh menambahkan lagi hasil pertanian kita untuk dieksportkan ke luar negeri sekiranya ada permintaan. Dan pada masa ini kita telah pun mengenalpasti kawasan tanah seluas 8,000 hektar yang boleh dimajukan untuk kegunaan pertanian pada masa akan datang.

Saya berpendapat pada keseluruhannya pengangguran di Melaka tidaklah berapa serius khususnya di sektor perkilangan. Walaupun ada pembuangan pekerja tidak berapa lama dulu, tetapi ada juga di antara kilang-kilang itu yang telah mengambil semula pekerja-pekerja yang pernah diberhentikan itu.

Di dalam sektor pembinaan, pengangguran agak tinggi. Ini adalah disebabkan pasaran harta tanah sejak akhir-akhir ini agak lembab dan kegiatan pembinaan rumah semakin berkurangan. Bagaimanapun Kerajaan Negeri akan meningkatkan usaha di dalam sektor pembinaan. Ini sesuai dengan hasrat Kerajaan Persekutuan yang hendak menambahkan pembinaan rumah-rumah kos rendah sebanyak 80,000 unit setahun mulai tahun ini hingga tahun 1988. Dengan adanya usaha-usaha baru yang dijalankan oleh pihak kerajaan negeri dan pusat ini, adalah diharapkan pengangguran di sektor pembinaan akan dapat dikurangkan.

Begitu juga di dalam sektor pelancongan. Industri pelancongan dijangka terus meningkat. Hotel-hotel baru terus dibina dan dibuka dari semasa ke semasa. Permintaan kepada pekerja-pekerja di sektor ini akan terus bertambah dan ini akan mengurangkan pengangguran di sektor pelancongan ini.

## PENGGERAK

Dalam sektor pertanian pula pengangguran yang wujud di dalam sektor ini ada banyak jenis dan tidak ketara. Banyak orang bekerja separuh masa di dalam sektor ini. Bagaimanapun bidang pertanian mempunyai potensi untuk berkembang dengan adanya strategi peningkatan hasil pengeluaran dan daya pengeluaran yang saya sebutkan tadi. Ini bermakna peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan di sektor ini baik sebagai tenaga pekerja maupun sebagai pengusaha di dalam apa jua kegiatan pertanian yang mempunyai masa depan yang cerah itu.

Di sektor awam pula walaupun banyak pekerjaan dibekukan, ada juga pekerja-pekerja yang diambil oleh pihak kerajaan. Malah kerajaan Melaka sekarang telah pun mengambil lebih 100 orang siswazah untuk berkhidmat di berbagai jabatan kerajaan di negeri Melaka. Langkah kerajaan ini tentulah sedikit sebanyak telah dapat mengatasi masalah pengangguran di kalangan para siswazah kita hari ini.

Selain itu, masalah pengangguran juga ada kaitan dengan sikap. Menurut satu laporan, tidak ramai belia-belia yang memohon untuk bekerja di ladang-ladang. Mereka lebih suka untuk mencari pekerjaan di bandar-bandar terutama di firma-firma dan di jabatan-jabatan kerajaan. Untuk mengurangkan masalah pengangguran di kalangan belia kita, perubahan sikap di kalangan mereka adalah suatu perkara yang perlu. Mereka tidak harus terlalu memilih kerja oleh kerana tidak semua peluang bekerja terdapat di bandar-bandar atau di jabatan-jabatan kerajaan.

**Perumahan:** Adalah menjadi hasrat kerajaan Melaka agar setiap rakyatnya memiliki rumah sendiri baik yang tinggal di bandar maupun di luar bandar. Kalau pada masa dahulu kerajaan mempunyai kemampuan kewangan untuk membina berbagai-bagai jenis rumah tetapi disebabkan kemerosotan ekonomi maka keupayaan kerajaan telah berkurang. Dengan demikian pihak kerajaan terpaksa bergantung kepada pihak swasta untuk sama-sama turut membina rumah-rumah yang diperlukan oleh rakyat terutama rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Yang menjadi dilema ini ialah pihak swasta pula bertindak berdasarkan motivasi keuntungan. Bagaimanapun dengan adanya usaha-usaha kerajaan Pusat melalui Bank Negara dengan menyediakan kewangan yang cukup dan melonggarkan syarat-syarat pinjaman bank bagi membeli rumah-rumah kos rendah di kalangan rakyat, maka sebahagian besar daripada masalah pembinaan dan pembelian rumah oleh rakyat yang masih belum memiliki rumah sendiri itu, Insya-Allah, akan dapat diatasi.

Kerajaan Melaka akan membina 2,000 hingga 3,000 unit rumah kos rendah setahun. Ini tidak termasuk jumlah yang akan dibina oleh pihak swasta. Keupayaan pihak swasta pula bergantung pada sumber-sumber mereka sendiri. Saya rasa sasaran yang saya sebutkan tadi iaitu antara 2,000 hingga 3,000 unit setahun adalah munasabah dan boleh kita capai.

**Keagamaan:** Selain daripada pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah, langkah-langkah yang diambil untuk meninggikan syiar Islam di Melaka ialah:

*Pertama:* Menambahkan bilangan Sekolah-sekolah Lembaga Pendidikan Islam di negeri ini yang khusus memberi pengetahuan agama tambahan kepada seluruh anak-anak Islam di Melaka. Sehingga ini sekolah-sekolah LPI ini sudah pun berjumlah lebih 100 buah dengan jumlah pelajar seramai lebih 11,000 orang dan jumlah guru-gurunya seramai lebih 400 orang. Kerajaan negeri Melaka berhasrat untuk membesarkan lagi institusi sekolah LPI ini dengan adanya cadangan-cadangan kerajaan Persekutuan menerusi Lembaga Penyelaras Pendidikan Islam Se-Malaysia [LEPAI] yang penubuhannya direstukan oleh Majlis Raja-raja Melayu untuk membantu dari segi kewangan dan latihan kepada sekolah-sekolah agama di seluruh negeri di Malaysia. Rancangan kita untuk membesarkan lagi sekolah-sekolah LPI ini akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan pada masa-masa akan datang.

*Kedua:* Pembentukan kelas-kelas agama bagi orang-orang dewasa di masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah akan dipertingkatkan lagi supaya guru-guru agama yang kita bayar elau tadi akan dapat memperkuatkan aqidah dan

kefahaman mengenai Islam di kalangan orang-orang Islam yang sudah dewasa di seluruh negeri Melaka termasuk di solok-solok dan di desa-desa.

**Ketiga:** Menjadikan masjid-masjid di melaka sebagai kelas-kelas Al-Quran dan Fardhu Ain bagi anak-anak Islam yang berumur antara 6 hingga 9 tahun. Guru-guru agama di masjid-masjid berkenaan akan dilantik sebagai guru-guru Al-Quran dan Fardhu Ain untuk memberi pelajaran asas agama Islam kepada anak-anak yang belajar di masjid-masjid berkenaan. Dengan ini kita dapat menerapkan ajaran-ajaran Islam pada peringkat usia yang lebih awal kepada anak-anak Islam kita. Ketiga-tiga langkah ini adalah antara beberapa langkah yang kita laksanakan bagi mengembangkan syiar Islam di negeri Melaka.

**Penyalahgunaan Dadah:** Saya percaya penyalahgunaan dadah dan keruntuhan akhlak merupakan masalah generasi zaman sekarang. Tetapi pada masa yang sama dua faktor penting harus mendapat perhatian dari kita semua bagi membaiki keadaan ini.

**Pertama:** Sistem pelajaran atau pendidikan kita harus boleh menegakkan disiplin dan menerapkan nilai-nilai moral secara lebih berkesan.

**Kedua:** Ibu bapa di rumah perlu memainkan peranan yang lebih berkesan lagi dalam membentuk disiplin dan nilai-nilai moral yang baik di kalangan anak-anak mereka. Inilah dua faktor penting yang merupakan asas bagi penggempuran secara berkesan terhadap penyalahgunaan dadah dan keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda kita sekarang dan akan datang.

**Perindustrian:** Ada dua jenis kawasan kilang di Melaka. Satu kawasan kilang terletak di bawah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Melaka. Satu lagi kawasan kilang kecil yang dibina sendiri oleh kerajaan negeri untuk pengusaha-pengusaha kecil menjalankan perniagaan mereka di situ.

Melaka menerima semua jenis industri kecuali yang tidak sesuai dengan alam sekitar di negeri ini. Kita beri keutamaan kepada kilang-kilang yang berasaskan bahan-bahan pertanian

di negara ini. Kita menawarkan juga kawasan-kawasan perdagangan bebas untuk kilang-kilang yang ingin mengeksportkan seratus peratus hasil pengeluaran mereka.

Kawasan-kawasan kilang kecil pula banyak ditumpukan kepada pelabur-pelabur Bumiputerá. Setakat ini kita dapat galakan beberapa pengusaha tempatan menggunakan kilang-kilang yang dibina oleh kerajaan. Mereka boleh membeli atau menyewanya dengan kadar yang murah. Sebuah kilang dikenakan sewa hanya \$300.00 sahaja sebulan. Jika ingin membelinya harganya cuma antara \$70,000.00 hingga \$80,000.00 sahaja — lengkap dengan semua kemudahan.

Inilah antara usaha-usaha gigih yang dilakukan oleh Kerajaan Melaka dalam menggerakkan kegiatan ekonomi negeri Melaka. Selain itu, pihak kerajaan juga cuba menggalakkan mana-mana perusahaan kampung yang maju dengan memberi bantuan lanjut di samping untuk memujuk mereka supaya berpindah ke kilang-kilang kecil yang disediakan oleh kerajaan tadi.

Menyentuh pelabur asing, ada yang menjalankan perniagaan seratus peratus secara bersendirian. Pengusaha-pengusaha asing ini menjalankan perniagaan mereka di kawasan perdagangan bebas. Di samping itu ada pula yang menjalankan perniagaan mereka secara usahasama dengan pelabur-pelabur tempatan.

**Prestasi Pelajaran dan Disiplin:** Adalah menjadi dasar kita membantu kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan prestasi pelajaran di kalangan pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar Bumiputera di semua peringkat. Untuk tujuan ini Yayasan Melaka ditubuhkan yang antara lain bertujuan untuk memberi berbagai-bagai jenis biasiswa dan pinjaman dan lain-lain bentuk bantuan kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan. Di samping itu kita juga mengadakan seminar, konvensyen, kajian-kajian profesional bagi meningkatkan prestasi pendidikan anak-anak Melaka dengan lebih berkesan.

Berkaitan dengan disiplin pelajar, saya berpendapat guru-guru sekolah haruslah diberi kuasa yang lebih untuk mendisiplinkan kanak-kanak sebab saya percaya punca terbitnya

masalah disiplin ini ialah daripada pendidikan di sekolah dan daripada didikan ibu bapa di rumah. Lantaran itu kerajaan Pusat harus mengambil inisiatif ke arah matlamat ini. Kerajaan negeri pula boleh membantu guru-guru dan ibu bapa dengan memberi pendidikan agama dan akhlak kepada kanak-kanak sekolah melalui kelas-kelas agama di luar sekolah dan melalui kegiatan-kegiatan PIBG.


**Pelindung Warisan Kebudayaan:** Melaka merasai dirinya sebagai pelindung warisan kebudayaan Malaysia. Sebabnya ialah dari Melakalah proses integrasi kebudayaan pelbagai kaum di negara ini dapat diwujudkan. Proses integrasi kebudayaan selama beratus-ratus tahun ini kita abadikan dengan membina sebuah muzium yang di dalamnya terdapat replika Istana Kesultanan Melayu Melaka sebagai warisan kepada rakyat Melaka dan Malaysia. Adalah menjadi harapan rakyat Melaka agar replika Istana Kesultanan Melaka ini dapat dijadikan satu warisan negara atau *national heritage*.

**Pembangkang:** Kehadiran Pembangkang di dalam Dewan Undangan Negeri Melaka sebanyak tiga kerusi itu tidak langsung menggugat kestabilan kerajaan BN negeri Melaka. Terus terang saya katakan bahawa kita sedikit pun tidak gentar untuk menghadapi DAP kerana kita tahu sejarah perjuangan mereka dan prestasi mereka di dalam Dewan Undangan Negeri Melaka pada masa-masa yang lalu. Mereka hanya pandai bermain sentimen perkauman sahaja. Oleh itu pada masa-masa akan datang kita akan memastikan dengan tegas bahawa permainan sentimen perkauman ini yang diperjudikan oleh DAP itu akan dapat disekat.

Kita akan tunjukkan kejujuran kita dalam melaksanakan dasar-dasar negara untuk tujuan perpaduan kaum yang sebenar dalam membina masa depan Malaysia yang kukuh untuk semua kaum. Dengan keikhlasan dan kejujuran ini sahajalah kita berpendapat pengundi-pengundi tidak akan ter-tipu lagi dengan tipu muslihat DAP.

## **Ekonomi**

JAZAH Kepujian dalam jurusan Ekonomi Gunaan (Applied Economics) yang diperolehnya daripada Universiti Malaya pada awal tahun 70-an, bukan sekadar menjadi hiasan dinding. Tetapi beliau dapat menghiasi dirinya dengan kecermelangan tanggungjawabnya sebagai *practisioner*. Ilmu yang ditimba daripada universiti dan pengalamannya sebagai Ketua Pentadbir negeri telah mencetuskan suara yang kritis. Antara yang pernah diucapkannya, "Pengalaman beberapa buah bank yang besar yang terpaksa menanggung kerugian kerana terlalu mementingkan *the big-timers* dan *the big-spenders* harus dijadikan teladan.



## Jadikan Bank Dahan Bergantung Peniaga Kecil Dan Petani

Kepada saya kesediaan bank untuk mengembangkan sayapnya ke negeri ini mempunyai makna yang besar terutamanya dalam melambangkan keyakinannya terhadap potensi dan kekuuhan keadaan ekonomi negeri ini pada keseluruhannya.

Keyakinan ini sudah tentu diasaskan kepada kepesatan pembangunan negeri ini yang kini begitu jelas kelihatan. Kepesatan kegiatan ekonomi di negeri ini di kesemua sektor telah menarik minat sektor bank dan kewangan untuk turut melibatkan diri dalam bersama-sama membangunkan negeri ini menerusi pinjaman kemudahan kewangan kepada mereka yang memerlukan. Seperti yang diterangkan oleh Tun Tan Siew Sin sebentar tadi, kini terdapat 25 buah bank perdagangan dan 13 syarikat kewangan di negeri ini. Perkembangan ini adalah merancakkan pertumbuhan ekonomi di negeri ini ke tahap yang lebih membanggakan.

Kerajaan negeri Melaka mengalu-alukan kesediaan pihak bank dan sektor kewangan untuk membuka seberapa banyak cawangan di negeri ini. Kehadiran bank-bank perdagangan di negeri ini akan memudahkan lagi rakyat di negeri ini untuk mendapatkan kemudahan pinjaman untuk digunakan bagi membantu perniagaan atau urusan kewangan mereka. Ini tentunya akan memberikan kesan kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini dan membantu usaha-usaha kerajaan memberikan keselesaan hidup kepada rakyatnya.

Apa yang diharapkan, pihak bank dan syarikat kewangan

hendaklah menunaikan tanggungjawabnya dengan penuh keinsafan di mana, selain menitikberatkan soal-soal keuntungan, mereka juga seboleh-bolehnya harus membantu 'Peniaga-peniaga atau petani-petani kecil' (Small-timers) dalam memajukan perniagaan mereka. Bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan tidak harus memilih bulu dan memandang rendah kebolehan peniaga-peniaga kecil ini untuk membayar kembali pinjaman mereka. Pengalaman beberapa buah bank yang besar yang terpaksa menanggung kerugian kerana terlalu mementingkan 'The big-timers and the big-spenders' harus dijadikan teladan.

Sebagaimana yang kita maklum, keadaan ekonomi negara masih lagi agak lembab kerana kemelesetan ekonomi dunia yang di luar dari kawalan kita. Bagaimanapun, keadaan ini harus dijadikan cabaran kepada kita semua di mana kita kini harus dapat mencari jalan keluar supaya kesan yang dicetuskan oleh kemelesetan ekonomi ini tidak begitu buruk dan menggugat struktur ekonomi negara.

Dalam hubungan ini, pihak bank juga mempunyai perannya di mana mereka tidak bertindak dan bersikap terlalu berhati-hati sehingga orang ramai terutamanya mereka yang mempunyai kepentingan perniagaan sukar mendapatkan pinjaman dan kemudahan kewangan. Sekiranya ini terjadi, maka sukarlah peniaga-peniaga berkenaan untuk memajukan perniagaan mereka dan akan kuranglah wang tunai dalam pasaran ekonomi kita. Akibatnya, pertumbuhan ekonomi kita akan menjadi lembab dan kehidupan rakyat akan menjadi agak susah.

Kerajaan negeri Melaka menyedari akan perkara ini dan untuk merancakkan pertumbuhan ekonominya, kita tidak mempunyai jalan lain kecuali berusaha menarik kemasukan modal asing menerusi beberapa cara. Selain berusaha menarik pelaburan asing menerusi insentif-insentif pelaburan yang difikirkan positif dan wajar, kerajaan negeri juga berharap melakukannya menerusi sektor pelancongan.

Kerajaan negeri berhasrat untuk menarik masuk kira-kira 400,000 pelancong ke negeri ini setahun apabila keadaan

ekonomi dunia pulih. Kita menganggarkan pelancong-pelancong ini akan membelanjakan kira-kira \$65 juta yang sudah tentu akan menyemarakkan pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Saya berkeyakinan bahawa pengusaha-pengusaha pelancongan dan mereka yang mempunyai kaitan dengan industri pelancongan seperti pengusaha pengangkutan, perhotelan, makanan, kraftangan dan lain-lain mempunyai potensi untuk berkembang sekiranya dibantu oleh sektor-sektor kewangan di negeri ini. Oleh itu, saya berharap sektor bank akan turut memberikan keutamaan kepada pengusaha-pengusaha ini di samping peminjam-peminjam tradisi mereka.

Selain daripada sektor pelancongan dan perindustrian, kerajaan negeri juga merancang untuk memusatkan pertumbuhan ekonomi negeri ini menerusi sektor perumahan dan pertanian. Di sektor perumahan, kerajaan negeri merancang membina kira-kira 3,000 unit rumah murah setahun. Ini tidak termasuk rumah-rumah harga sederhana dan mahal yang dibina sama ada oleh agensi-agensi kerajaan ataupun swasta.

Seperti yang kita ketahui, tidak semua rakyat khususnya mereka yang berminat membeli rumah mempunyai kemudahan pinjaman perumahan sama ada daripada kerajaan ataupun tempat mereka bekerja. Dalam hubungan ini, tentunya mereka mengharapkan bank perdagangan sebagai dahan tempat bergantung untuk mendapatkan pinjaman. Saya berharap bank-bank perdagangan tidak akan menghampaskan permohonan orang-orang seperti ini. Kesediaan bank untuk membantu pembeli-pembeli rumah akan mendatangkan kesan kepada program pembangunan negeri ini menerusi sektor perumahan. Selain daripada membantu orang-orang yang tidak berumah membeli rumah, kesediaan pihak bank memberikan pinjaman akan membantu banyak pihak termasuk pihak pemaju, kontraktor, pekerja dan lain-lain lagi.

Di bidang pertanian, usaha-usaha kini sedang dilakukan bagi memoden dan meningkatkan lagi produktiviti mereka. Selain tanaman-tanaman tradisi, kerajaan negeri juga sedang menggalakkan petani-petani di negeri ini mengusahakan tanaman-

tanaman komersial seperti asparagus, pisang emas, ternakan lembu secara *feedlod* dan lain-lain lagi.

Walaupun sektor ini menerima keutamaan kerajaan, namun bantuan sektor kewangan komersial masih lagi diperlukan. Saya bersyukur apabila difahamkan bahawa perusahaan menanam asparagus di negeri ini telah dapat dilakukan dengan bantuan Pacific Bank Bhd. ini.

Kepada orang ramai, saya berharap mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mendapatkan kemudahan dari pihak bank supaya perusahaan mereka sama ada di bidang perniagaan, pelancongan, perumahan dan pertanian dapat dilakukan secara licin dan berkesan.

Sesungguhnya saya berbesar hati apabila mendengar jaminan dari Tun Tan Siew Sin bahawa pihaknya bersedia menjadi rakan kerajaan dalam bersama-sama membangunkan negeri ini. Pihak kerajaan akan berusaha sedaya upaya menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri ini supaya kesan positifnya akan turut dirasai oleh sektor bank perdagangan dan kewangan di negeri ini.

Secara langsung, kerajaan negeri juga turut membantu perniagaan bank-bank perdagangan yang disenaraikan oleh perbadanan di negeri ini. Untuk makluman tuan/puan, kerajaan negeri mempunyai simpanan tetap berjumlah lebih \$100 juta di beberapa buah bank perdagangan yang telah diperakukan.

Saya yakin jumlah simpanan ini akan bertambah sekiranya tempoh pembangunan negeri ini bertambah pesat dan selaras dengan keperluan pembangunan. Sebelum itu, marilah sama-sama kita berazam untuk bekerja dengan lebih kuat dan produktif supaya matlamat kita membangunkan negeri ini ke tahap yang lebih membanggakan dapat dicapai.

## Tingkatkan Produktiviti Ke Tahap Paling Maksimum

**S**ebagaimana yang kita sedia maklum, negara kita sedang mengalami keadaan pertumbuhan ekonomi yang lembab dan menghadapi kesan buruk seperti pertambahan hutang negara, kejatuhan hasil negara dan lain-lain. Oleh itu untuk mencapai kadar perkembangan ekonomi yang berterusan di dalam suasana yang mencabar ini, agensi-agensi kerajaan termasuk di negeri Melaka perlulah meningkatkan produktiviti masing-masing ke tahap yang paling maksimum dalam semua jenis dan peringkat pekerjaan. Hanya dengan cara ini sahaja lah dapat kita pastikan perkhidmatan yang paling berkesan kepada rakyat dengan kos yang paling minimum.

Keberkesanannya perkhidmatan yang didorong oleh peningkatan produktiviti kakitangan awam akan turut menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam proses pembangunan negeri Melaka dan negara pada keseluruhannya. Pengukuran produktiviti adalah merupakan usaha untuk mengesan *output* berbanding dengan *input* yang digunakan bagi mengeluarkan tiap-tiap jenis hasil. Apabila *output* dan *input* diberikan nilai (*quantified*), satu pengukuran produktiviti telah dapat diusahakan.

Untuk memastikan bengkel pengukuran produktiviti ini berkesan dan tidak sia-sia, usaha pengukuran produktiviti ini hendaklah diterapkan sebagai amalan biasa (*institutionalisation*) dalam sistem pengurusan yang sedia ada. Dengan demikian, secara tidak langsung, kita akan dapat meninggikan

kadar pertumbuhan ekonomi dan menyusun semula struktur dan ketidakseimbangan ekonomi dalam negara.

Untuk mencapai matlamat peningkatan daya pengeluaran, ia bukanlah melibatkan proses yang senang dan mengambil masa yang pendek. Pencapaiannya memerlukan daya usaha yang gigih dan menyeluruh bukan sahaja dari segi menggubalkan dasar tertentu tetapi juga mendapatkan kerjasama daripada semua golongan di dalam negeri. Oleh itu peningkatan daya pengeluaran hendaklah dianggap sebagai satu pendekatan atau falsafah dalam pengurusan dan nilai kerja, yang tidak boleh diketepikan. Perkara-perkara yang harus ditumpukan melalui dasar ini ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negeri dan jabatan atau agensi di mana pekerja bekerja, keutamaan kepada kumpulan dan tidak pada diri sendiri, tekanan kepada mutu kerja yang tinggi, peningkatan kecekapan dan pengurangan perbezaan sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang adalah di antara ciri-ciri penting ke arah peningkatan produktiviti.

Sebagai sebuah negeri yang membangun yang juga tidak terlepas dari kemelesetan ekonomi, nilai-nilai dan etika kerja di atas perlulah diamalkan kerana ia dapat membantu menjayakan usaha-usaha pembangunan yang sedang dijalankan. Adalah menjadi harapan saya, selepas bengkel pengukuran produktiviti ini semua peserta akan dapat memahami dengan baik program pengukuran produktiviti bagi perkhidmatan awam. Di samping itu peserta-peserta juga diharapkan dapat memahami falsafah di sebalik pengukuran produktiviti. Selepas menghadiri bengkel ini para peserta harus dapat merancang dan merangka pelan tindakan dan strategi bagi melaksanakan program pengukuran produktiviti.

Objektif utama di sebalik bengkel pengukuran produktiviti ini ialah untuk meninggikan prestasi pengurusan dan pembangunan di negeri ini serta mewujudkan golongan masyarakat negeri Melaka yang mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang positif untuk meninggikan kemajuan negara. Ia hanya akan berjaya melalui satu program yang sistematik dan sikap positif

penerimanya. Selaku Ketua Kerajaan negeri ini, saya benar-benar berharap agar tekad untuk mempertingkatkan produktiviti di kalangan perkhidmatan menjadi pegangan dan akidah yang tidak boleh dikompromi oleh setiap kakitangan awam.

Jadi dengan adanya bengkel pengukuran produktiviti ini maka diharapkan para pegawai yang terlibat akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin. Pengukuran produktiviti ini bukanlah satu usaha yang rumit dijalankan. Beberapa agensi perintis telah pun menunjukkan kejayaan yang cemerlang dalam melaksanakan sistem ini.

Saya berpendapat cabaran utama yang akan dihadapi dalam usaha menjayakan program ini, pertama ialah *commitment* daripada pegawai atasan. *Commitment* dalam ertikata yang sebenarnya ialah penglibatan secara penuh dan serius dalam melaksanakan pengukuran produktiviti ini. Kita sedia maklum bahawa ketua-ketua jabatan sentiasa sibuk dengan urusan yang melibatkan jabatan masing-masing, akan tetapi untuk pengukuran produktiviti ini, ia tidak memerlukan sepenuh masa untuk melaksanakannya. Seharusnya pengukuran produktiviti ini janganlah dianggapkan sebagai satu bebanan baru kepada tuan-tuan dan puan-puan. Yang kedua ialah kemahiran dalam menjalankan pengukuran. Perkara ini dapat diatasi jika kita meletakkan minat yang tinggi sepanjang perjalanan bengkel ini.

Jika terdapat sebarang keraguan ataupun kekeliruan, sebaik-baiknya rujuklah kepada mereka yang berkenaan yang sememangnya dikhaskan untuk membantu tuan-tuan dan puan-puan sekalian.


Ketiga adalah strategi perlaksanaan yang berkesan. Saya yakin ilmu yang didapati sepanjang bengkel ini akan dapat membantu ke arah perlaksanaan pengukuran produktiviti yang berkesan.

Daripada apa yang saya nyatakan tadi, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan akan dapat melaksanakan impian kerajaan Melaka untuk menyaksikan satu perkembangan baru dalam perkhidmatan awam di mana pihak-pihak luar tidak lagi akan mencemuh prestasi kakitangan kerajaan.



## Pelancongan

KATA orang tua-tua dulu, 'jauh perjalanan, luas pemandangan dan banyak pengalaman.' Bagi Datuk Seri Abdul Rahim yang pernah mengepalai beberapa rombongan perdagangan dari Melaka melawat negara asing, bukan sahaja pengalaman yang diperolehinya hatta beliau berjaya pula menarik pelabur ke negeri pimpinannya. Dan usahanya tidak sekadar terhenti untuk menarik pelabur sahaja, kini tercetus pula idea untuk menjadikan Melaka sebagai destinasi pelancongan. Katanya, "Kita perlukan aliran wang bagi membolehkan ekonomi kita tumbuh dan berkembang. Jadi dengan adanya projek-projek pelancongan yang kita buat maka dengan ini telah menambahkan pelancong-pelancong yang datang ke Melaka dan mereka berbelanja dan ini menjadi punca rezeki kepada rakyat sekalian."



## Industri Pelancongan Alirkan Wang Kepada Negara

KERAJAAN Negeri sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi membolehkan Melaka menjadi destinasi pelancongan terkemuka. Datuk Seri Abdul Rahim percaya, usaha yang baik ini boleh dicapai. Lalu beliau menerangkan pelaksanaan projek dan program yang boleh menjadikan Melaka sebagai destinasi pelancongan melalui wawancara dengan Ehwal Semasa RTM. Berikut rakamannya.

**Program Industri Pelancongan:** Saya suka menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Melaka sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai dari segi pelaksanaan projek, program dan sebagainya bagi membolehkan Melaka menjadi destinasi pelancongan yang terkemuka bukan sahaja negara kita tetapi di rantau ini. Kita rasa Melaka boleh menjadi destinasi pelancongan yang hebat di rantau ini kerana ia mempunyai unsur-unsur yang agak unik untuk ditawarkan kepada pelancong-pelancong dari negara kita dan luar Malaysia.

Kita akan menjadikan unsur-unsur kebudayaan dan sejarah yang ada di Melaka sebagai strategi utama memunculkan Melaka sebagai destinasi pelancongan yang penting. Ia bukan sahaja merupakan penarikan pelancong dari dalam negeri tetapi juga luar negeri. Di samping itu kita rasa bahawa dengan menunjukkan peninggalan sejarah di Melaka dapat melahirkan satu suasana di mana kita rasa dengan peninggalan sejarah dapat menyumbang kepada kecintaan rakyat kepada negara ini dengan mengetahui kronologi sejarah di Melaka.

Ini dapat digambarkan dengan peninggalan sejarah kita yang juga menampakkan satu sejarah yang menyeluruh dari zaman kesultanan Melaka, zaman Portugis, zaman Belanda, zaman Inggeris dan zaman kita memperjuangkan untuk mencapai kemerdekaan. Kesemua ini perlu bukan sahaja diketahui tetapi dihayati oleh generasi Malaysia kerana saya percaya penghayatan seperti ini dapat melahirkan kecintaan dan kesayangan (*sense of commitment*) ataupun nasionalisme pada negara kita. Jadi kedua-dua ini boleh ditawarkan oleh Melaka untuk sektor pelancongan dan negara keseluruhannya.

**Konvensyen:** Konvensyen Sejarah Kebangsaan yang kita rancangkan dalam bulan April ini ialah untuk membolehkan Melaka diiktiraf secara rasmi sebagai Negeri Sejarah Malaysia. Walaupun ramai rakyat Malaysia sekarang mengakui Melaka ialah sebuah negeri bersejarah tetapi adalah perlu pengiktirafan rasmi diberi kepada kedudukan persejarahan di Negeri Melaka ini.

Jadi dengan adanya taraf rasmi Negeri Bersejarah Malaysia ini, maka segala himpunan sejarah yang ada di Melaka ini akan menjadi milik negara, satu warisan negara yang menjadi kebanggaan semua rakyat Malaysia dari Sabah hingga ke Perlis.

Seperti yang saya sebutkan tadi dengan adanya kebanggaan seperti ini akan melahirkan apa yang kita katakan bahawa kita mempunyai akar umbi sejarah (*historical roots*) yang akan melahirkan pula kebanggaan kita yang dianggap penting bagi melahirkan satu bangsa yang bermaruah.

Jadi melalui pengiktirafan Melaka Negeri Bersejarah bagi rakyat Malaysia keseluruhannya, saya percaya cita-cita untuk melahirkan maruah negara kita yang lebih mantap dan unggul dapat dicapai dari semasa ke semasa.

**Menarik Pelancong:** Kita mempunyai tujuan untuk menarik lebih ramai pelancong sehingga ke nisbah jumlah pelancong ke Negeri Melaka sekurang-kurangnya sama juga dengan jumlah penduduk Negeri Melaka yang kini berjumlah 500,000 atau setengah juta orang.

Kita telah dapat menarik pada tahun 1986 lebih daripada

300,000 orang pelancong ke Melaka. Ini boleh ditingkatkan lagi melalui langkah-langkah yang kita buat untuk memajukan sektor pelancongan ini. Kehadiran pelancong-pelancong ini perlu kerana dengan adanya mereka, pengaliran wang akan berlaku dan industri-industri yang bergantung kepada pelancongan seperti industri rakyat, industri penginapan, industri pengangkutan, industri makanan, industri minuman, industri kraftangan dan industri lain yang mempunyai kaitan akan mendapat faedah dari pengaliran wang yang berkenaan.

Jadi dengan perkataan lain, peningkatan jumlah pelancong dan pengaliran wang itu sudah pasti akan meningkatkan pendapatan per kapita rakyat yang kemudian akan menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka pada keseluruhannya.

**Aliran Wang:** Kita perlukan aliran wang bagi membolehkan ekonomi kita tumbuh dan berkembang. Jadi dengan adanya projek-projek pelancongan yang kita buat maka dengan ini telah menambahkan pelancong-pelancong yang datang ke Melaka dan mereka berbelanja dan ini menjadi punca rezeki kepada rakyat sekalian.

Kerajaan Negeri sendiri memang tidak mempunyai pendapatan daripada sektor pelancongan sebab kejayaan sektor pelancongan hasilnya sama ada pergi kepada Kerajaan Pusat ataupun kepada rakyat sendiri. Bagi hotel-hotel yang maju misalnya cukai syarikat (**corporate tax**) pergi kepada Kerajaan Persekutuan dan sebagainya. Begitu juga pelancong-pelancong yang berbelanja, mereka berbelanja terus kepada orang yang terlibat di dalam perniagaan yang berkaitan dengan pelancongan ini.

Dalam perkataan lain, dengan kedatangan pelancong-pelancong ini Kerajaan seolah-olah memberi dan menambahkan rezeki kepada orang ramai sedangkan Kerajaan Negeri tidak mendapat apa-apa tetapi kita bersedia untuk berbelanja dengan banyak kerana kita faham dan tahu bahawa pengaliran wang ini akan terus pergi kepada rakyat dan Kerajaan Persekutuan.

Misalnya disebut Taman Mini Malaysia, mengikut statistik

yang ada kita dapat pada hujung-hujung minggu pelawat-pelawat dari dalam dan luar negeri kadang-kadang melebihi 15,000 orang. Kalau kita tinjau kita dapat banyak gerai-gerai minuman, makanan dan kraftangan tumbuh dengan begitu subur. Begitu juga di tapak-tapak persejarahan yang lain seperti di Memorial Kemerdekaan, di Istana Kesultanan Melaka, di Muzium Sejarah, di tempat-tempat rekreasi dan di tepi-tepi pantai cukup banyak gerai-gerai sehingga seolah-olah kita tidak dapat menampung pertumbuhan peniaga dan penjaja-penjaja kecil itu.

Ini bererti segala hasil yang kita kehendaki, iaitu rakyat mengambil segala peluang daripada perkembangan pelancongan telah menjadi satu realiti. Kita ingin menggalakkan lagi minat peniaga-peniaga ini dan juga menambahkan lagi serta memperbaiki kemudahan mereka, membantu apa yang terdaya supaya wang yang mengalir iaitu hasil daripada pertambahan pelancong akan terus menjadi rezeki mereka.

Apa yang saya tengok dengan jelas telah pun berlaku dengan begitu berkesan sekali. Jadi pada akhir tahun apabila kita mengira Keluaran Negara Kasar (KNK) hari ini sudah pasti akan diambil pertimbangan walaupun dalam belanjawan Kerajaan hasil yang nyata tidak dapat diberitahu.

**Sumbangan:** Segala percukaian sektor penginapan atau perniagaan, kebanyakannya diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dan bukan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri cuma mengeluarkan lesen untuk penjaja dan bangunan-bangunan untuk perniagaan dan tidak lebih daripada itu. Selain daripada itu sekiranya perniagaan itu mendapat keuntungan maka pendapatan percukaian pergi ke Kerajaan Persekutuan.

Itulah sumbangan Kerajaan Negeri Melaka terhadap Kerajaan Persekutuan. Perkara-perkara yang lain yang dibelanjakan oleh pelancong dalam bentuk yang terus sama ada membeli makanan, minuman, pakaian, hasil rotan, hasil buluh yang dijual di tempat-tempat yang disediakan untuk penjaja-penjaja terus menjadi pendapatan rakyat dan Kerajaan Negeri tidak mendapat apa-apa.

Oleh yang demikian, oleh sebab kita yakin kita membantu

Kerajaan Persekutuan dan kita membantu rakyat meningkatkan lagi pendapatan, Kerajaan Negeri tidak mempunyai halangan untuk membelanjakan wang yang begitu banyak untuk rakyat meningkatkan pendapatan dan dalam masa yang sama kita membantu meningkatkan pendapatan Kerajaan Persekutuan.

**Kerjasama:** Saya berharap Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi yang berada di bawahnya yang terlibat dalam pelancongan supaya dapat memberi kerjasama yang lebih walaupun sekarang ada kerjasama yang diberikan. Kita berharap promosi Melaka sebagai pusat pelancongan dapat ditingkatkan lagi melalui publisiti apabila agensi-agensi Persekutuan ini 'menjual' Melaka di seluruh dunia untuk tujuan ini.

Saya percaya dengan adanya kedutaan-kedutaan kita di luar negeri, pesuruhjaya ekonomi, MAS, Perbadanan Pelancongan Malaysia yang mempunyai pejabat-pejabat di seluruh dunia tidak ada sebabnya kita tidak dapat meningkatkan dengan berkesan promosi kita di luar negeri. Cuma kerjasama yang berkesan yang perlu untuk memungkinkan kekesanannya.

**Kementerian khusus:** Saya telah mencadangkan Kementerian Pelancongan ini diwujudkan di Malaysia. Ini amat perlu bagi menyatakan rasa pertimbangan kita bahawa pelancongan merupakan sektor yang perlu di negara ini pada masa ini dan masa-masa akan datang.

Sektor-sektor lain di negara kita amat penting tetapi sebagaimana kita ketahui bahawa apabila sektor-sektor lain ini dikembangkan, kita mengeluarkan barang-barang utama dan kita terpaksa bertanding di pasaran antarabangsa. Kalau barang-barang kita ini laku barulah kita dapat tukaran wang asing *foreign exchange*.

Jadi begitu kuat dan hebat kita bekerja pad hal pembangunan dalam sektor pelancongan akan membawa tukaran wang asing terus kepada negara dan rakyat. Oleh itu sekiranya ada perhatian lebih daripada Kerajaan Persekutuan kepada sektor pelancongan saya suka mengulangi saranan saya agar Kementerian Pelancongan yang khusus diwujudkan bagi

## PENGERAK

negara kita di mana semua aspek pelancongan ini dikaji semula, ditingkatkan langkah-langkah serta kekesaran dan seharusnya mempunyai sasaran di mana jumlah pelancong yang datang ke Malaysia sekurang-kurangnya sama dengan rakyat Malaysia iaitu seramai lima belas juta orang. Sekarang kita cuma ada 3.2 juta pelancong dan ini cukup jauh daripada apa yang harus kita lakukan. Oleh itu satu kementerian perlu untuk pembangunan sektor pelancongan di negara kita.

## Projek Cahaya Dan Bunyi Tarik Pelancong

Hari ini bolehlah kita anggap sebagai satu lagi tarikh yang bersejarah bagi negeri ini kerana hari ini akan termeterailah perjanjian pelaksanaan projek Cahaya dan Bunyi atau *light and sound* yang telah begitu lama kita nantikan.

Kejayaan kita melaksanakan projek ini merupakan kejayaan semua pihak sama ada di pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, syarikat pelaksanaan mahupun di pihak rakyat.

Tanpa perancangan dan *vision* Kerajaan Negeri, tanpa sokongan Kerajaan Persekutuan dan tanpa kesungguhan pihak syarikat dalam menjanjikan gerak kerja terbaik, sudah tentu projek ini tidak akan dapat dirancang. Tidak kurang pentingnya juga ialah sokongan rakyat terhadap pelaksanaan projek ini di mana tanpa sokongan mereka tidak mungkin projek ini dapat dilaksanakan.

Projek Cahaya dan Bunyi atau *Light and Sound* ini merupakan satu lagi usaha gigih Kerajaan Negeri membangunkan negeri ini khususnya dan negara ini amnya menerusi sektor pelancongan. Menerusi projek ini, Kerajaan meyakini jumlah pelancongan yang datang ke negeri ini akan datang dipertingkatkan dengan lebih menggalakkan lagi.

Ini adalah kerana projek ini akan menawarkan kelainan dan kepuasan kepada para penontonnya. Menerusi persembahan Cahaya dan Bunyi ini, para penonton akan dibawa menghayati susur-galur persejarahan negara yang berasaskan kepada sejarah negeri ini dari zaman kegemilangan Kesultanan Melayu

Melaka kepada Zaman Penjajahan Portugis, Belanda, Inggeris sehingga pada zaman Malaysia moden sekarang ini, babak demi babak mengikut kronologinya.

Projek ini, satu-satu seumpamanya yang pernah dilaksanakan di rantau ASEAN adalah sumbangan Kerajaan Negeri kepada pengekalan sejarah ketamadunan bangsa dan negara. Setiap peristiwa penting sejarah akan dirakamkan secara jelas untuk dipersembahkan kepada para penonton. Menerusnya rakyat dan para pelancong akan dibawa mengenali sejarah negeri dan negara ini dengan lebih dekat lagi.

Projek Cahaya dan Bunyi ini adalah suatu khazanah sejarah yang besar di mana setiap penonton dalam waktu yang sebegini singkat akan mengenali, memahami dan mungkin juga menghayati sejarah negara ini.

Secara langsung atau tidak, mahu tidak mahu para penonton yang berfikiran waras akan sedar bahawa cita-cita Kerajaan membina sebuah negara Malaysia yang bersatupadu, maju dan bermaruah sebenarnya adalah bermula dari sejarah negara yang sebahagian besarnya bermula di Negeri Melaka yang bersejarah ini.

Melaka *where it all began*, atau Melaka tempat segalanya bermula bukanlah merupakan suatu slogan kosong semata-mata. Persembahan projek cahaya dan bunyi ini akan membuktikan bahawa slogan ini tidak kosong.

Kita akan dibawa menonton bagaimana sejarah pembinaan negara yang berakar umbikan negeri ini bermula; bagaimana Melaka membesar menjadi sebuah empayar; bagaimana Melaka kecundang kepada tangan penjajah dan bagaimana Melaka dijadikan asas kepada pembinaan semula negara Malaysia yang merdeka.

Projek ini sudah tentu akan membantu usaha-usaha Kerajaan menanamkan sikap dan semangat patriotisme dan nasionalisme di kalangan rakyat negara ini. Dengan kata lain, projek ini akan menanamkan dan mempertebalkan *sense of belonging* atau semangat cintakan negara ini di kalangan rakyat.

Tanpa pemahaman terhadap sejarah negara, sudah tentu

rakyat tidak akan begitu memahami hasrat Kerajaan yang sebenar, cita-cita Kerajaan menerusi penggubalan dasar-dasar penting negara dalam membina sebuah negara Malaysia baru yang lebih berjaya.

Projek Cahaya dan Bunyi ini yang telah terbukti mampu menarik jutaan pelancong ke negara-pesegara yang telah pun melaksanakannya termasuk di Mesir setiap tahun, dilihamkan kerana di Melaka ini sahajalah terdapatnya sebuah tempat yang terdapatnya monumen sejarah dari zaman mula negara ini terbina sehingga ke zaman ini.

Keunikan ini tidak terdapat di tempat-tempat lain. Seluruh kompleks sejarah di Bukit St. Paul dan di kawasan sekitarnya pernah menyaksikan urutan sejarah penting negara. Di kaki bukit itu telah dibina replika Istana Kesultanan Melaka yang telah dijadikan sebagai Muzium Budaya. Istana ini tentunya melambangkan sejarah Kesultanan Melayu Melaka.

Tidak jauh darinya masih tersergam gagah cebisan kota A Famosa, lambang era penjajahan Portugis. Di sebelah hadapan bukit terdapat Stadthuys untuk melambangkan era pemerintahan Belanda manakala 'The Bastion House' yang terletak berhampiran merupakan tinggalan penjajah Inggeris.

Untuk melengkapkan urutan sejarah pembinaan negara ini, terdapat pula bangunan lama yang telah dijadikan sebagai Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Negara.

Amatlah malang, sekiranya tempat yang mengandungi monumen-monumen sejarah seperti ini yang letaknya begitu strategik berhadapan dengan Padang Pahlawan yang turut merakamkan sejarah perjuangan negara itu dibiarkan begitu sahaja.

Menyedari akan hakikat inilah maka Kerajaan Negeri di bawah pimpinan saya dengan sokongan rakyat dan Kerajaan Persekutuan telah merancang menghidupkan kembali sejarah negara dengan lebih nyata menerusi projek Cahaya dan Bunyi ini.

Projek ini tidak akan menjadi sebuah projek prestij atau *a white elephant project* kerana manfaat kepada proses pembangunan dan pembinaan negeri ini khususnya dan negara ini

amnya adalah terlalu amat banyak.

Selain daripada dapat merakamkan susur-galur sejarah negara dalam bentuk yang amat menarik, projek ini juga diyakini mampu melipatgandakan kemasukan pelancong ke negeri ini khususnya dan negara ini amnya.

Dengan adanya projek ini kita mengharapkan kemasukan kira-kira 2 juta pelancong ke negeri ini setiap tahun. Kita juga meyakini bahawa dengan wujudnya projek ini, para pelancong akan tinggal lebih lama lagi di negeri ini.

Kalau sebelum ini sebahagian besar daripada lebih 900,000 pelancong yang datang ke sini merupakan pelawat harian (day trippers), selepas wujudnya projek ini jangka waktu mereka berada di negeri ini mungkin akan menjadi lebih lama, sekurang-kurangnya dua hari kerana mereka terpaksa bermalam di negeri ini bagi menyaksikan persembahan projek berharga kira-kira \$6.3 juta ini.

Sekiranya setiap pelancong membelanjakan kira-kira \$250,000 paras paling minimum untuk melancong ke negeri ini, ini bermakna ringgit pelancongan yang akan mengalir masuk ke negeri ini adalah kira-kira \$500 juta setiap tahun.

Ini merupakan pendapatan yang paling lumayan kepada rakyat negeri ini yang kita yakini mampu menggerakkan kegiatan ekonomi negeri ini dengan lebih memberangsangkan lagi.

Kemasukan ringgit pelancong ini secara langsung tidak menguntungkan Kerajaan Negeri; mungkin Kerajaan Persekutuan menerusi pelbagai jenis kutipan cukai termasuk cukai hiburan.

Bagaimanapun, hasil daripada industri pelancongan ini akan dirasai secara terus oleh rakyat negeri ini khususnya yang melibatkan diri dalam perniagaan yang mempunyai hubungan dengan industri pelancongan. Ini termasuklah mereka yang menjalankan perniagaan perhotelan, makanan, pengangkutan, kraftangan, waimah penarik-penarik beca dan pengusaha kereta lembu itu sendiri.

Dengan kata lain, impian kita melihat rakyat negeri ini bangun dan maju di bidang perniagaan dan perusahaan

semakin hampir. Kerajaan Negeri yang telah pun menjadikan sektor pelancongan ini sebagai sektor kedua terpenting dari segi strategi pembangunan akan meneruskan usaha menambah tarikan pelancongan di negeri ini.

Selepas ini, kita akan membangunkan pula Pulau Besar untuk dijadikan sebagai Pusat Peranginan Pulau yang terkemuka di negara ini. Proses pemilihan kontraktor telah pun dilakukan dan sekiranya tiada aral melintang projek ini dijangka dapat dimulakan pertengahan bulan depan.

Selain daripada projek ini, kawasan pelancongan di Air Keroh yang terletak begitu strategik kerana begitu dekat dengan lebuhraya yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura akan dimajukan lagi. Buat ketika ini Kerajaan akan melaksanakan projek Taman Mini ASEAN untuk menggambarkan semangat perpaduan di kalangan negara-negara di rantau ini.

Di projek ini juga merupakan pemanjangan konsep projek Taman Mini Malaysia dan Kerajaan Negeri merancang membina dua buah rumah tradisional setiap negara ahli pertubuhan negara-negara ASEAN. Rumah-rumah ini pula akan dilengkapkan dengan aspek penting kebudayaan setiap negara berkenaan.

Jelas kepada kita bahawa projek-projek pelancongan di negeri ini bukan sahaja akan mendatangkan kesan kepada rakyat di negeri sahaja tetapi juga kepada negara dan masyarakat antarabangsa itu sendiri.

Itulah agaknya, projek-projek yang kita rancangkan ini sentiasa menerima sokongan dan kerjasama dari Kerajaan Persekutuan. Sebagai contoh, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah pun memberikan persetujuannya untuk membawa kesemua Ketua Negara Anggota Pertubuhan Komanwel untuk melawat dan khususnya menyaksikan persesembahan cahaya dan bunyi ini sempena persidangan kemuncak pertubuhan itu di Kuala Lumpur tahun depan.

Saya yakin pucuk pimpinan negara menyedari akan pentingnya peranan Melaka dalam proses pembinaan negara

#### PENGERAK

ini dan dalam hubungan ini projek ini boleh menyumbang dalam memberikan kefahaman kepada ketua-ketua negara berkenaan akan sejarah negara ini.

Kefahaman ini sebanyak sedikit akan membantu mereka memahami masalah dan aspirasi negara termasuk yang mempunyai hubungkait dengan dasar luar negara.

## Budaya Dan Seni

DI UNIVERSITI, beliau tidak sahaja bergumul dengan buku di samping terpaksa menghadiri kuliah-kuliah, tetapi Datuk Seri Abdul Rahim turut bergerak di dalam Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya. Tentu sekali beliau tidak hanya berjinak-jinak dengan kegiatan bahasa bahkan juga cuba menghayati budaya bangsanya. Jadi, tidak peliklah jika beliau begitu mengambil berat tentang pembangunan budaya dan seni di Melaka, sampaikan beliau dapat mengungkapkan, "Sebuah negara yang maju pun pasti menghadapi kehancuran jika budaya bangsanya diabaikan."



## Himpun Warisan Bangsa

Kelahiran muzium sastera ini di Melaka sesungguhnya memang amat wajar dan tepat sekali lebih-lebih lagi apabila sejarah menunjukkan bahawa Melaka merupakan pusat perkembangan teragung dunia Melayu sama ada di bidang siasah, pusat penyebaran Agama Islam di Nusantara, ekonomi mahupun kebudayaan dan kesusasteraan.

Keagungan, kegemilangan dan kecemerlangan empire Melayu Melaka di dalam semua bidang kehidupan ini yang menyebabkan setiap bangsa berebut-rebut untuk menaklukinya jelas dapat disingkap menerusi khazanah persuratannya sama ada secara lisan atau tulisan yang masih terdapat atau tersimpan di negeri ini juga di merata tempat seluruh dunia.

Menyedari akan pentingnya, peranan bidang kesusasteraan dalam mengabadikan sejarah mahupun proses pembentukan satu-satu umat inilah, maka kerajaan negeri di bawah pimpinan saya telah mengambil langkah-langkah wajar bagi mengasaskan kewujudan Muzium Sastera ini.

Saya yakin, kita semua telah dapat mempertahankan sifat-sifat kemelayuan kita dalam konteks negara kita yang berbilang keturunan ini menerusi proses persejarahan kita. Tidak dapat tidak tentunya, kebudayaan yang kita amalkan sekarang ini adalah merupakan hasil daripada proses persejarahan ini, di mana kita mengandunkan ciri-ciri kebudayaan kita dengan unsur-unsur kebudayaan asing yang difikirkan baik dan mampu menjadikan bangsa kita, bangsa Malaysia, sebagai satu bangsa yang maju, bermaruah dan beridentiti.

Dalam hubungan ini adalah sungguh-sungguh menyediakan

sekiranya terdapat rakyat yang tidak mahu menghargai peranan sejarah dalam memberikan makna kepada kehidupan mereka. Adalah jelas mereka yang cuba membelakang dan memperkecilkan sejarah merupakan orang-orang yang kehilangan pangkal dan punca, yang saya yakin akan terumbang-ambing tanpa tujuan dan dalam kontek negara kita Malaysia, mereka lebih merupakan liabiliti dan punca tidak kestabilan. Sejarah boleh menginsafkan kita tentang asal-usul kita, keperibadian kita, citarasa dan maruah bangsa yang kesemua ini merupakan asas tonggak ketahanan negara. Pendek kata faktur-faktur sejarah sama ada yang terkandung dalam buku-buku sejarah yang sempat dipelihara atau yang disampaikan dari mulut ke mulut boleh digunakan sebagai landasan untuk kita bertindak dalam usaha membentuk bangsa dan negara kita yang lebih dibangga terutamanya dalam memastikan bahawa segala kesilapan dan kelemahan masa silam dapat dielakkan dan dijadikan sempadan.

Bagaimanapun, apabila kita meneliti kepada sejarah bukanlah pula bermakna kita melangkah ke belakang sehingga kita asyik dan khayal dibuai dengan kejayaan masa silam. Sesungguhnya keadaan ini pun telah menjadi wabak di setengah-setengah pihak. Bukan itu yang kita mahu kerana apa yang kita perlukan ialah untuk melihat ke belakang sebelum membuat perkiraan untuk melangkah ke depan, untuk memastikan kejayaan yang sebenar dicapai agar sasaran yang dituju dapat dicapai tanpa keraguan.

Dalam hubungan inilah, saya sungguh-sungguh berharap agar tidak ada orang yang akan menyifatkan usaha kita ini sebagai suatu perhiasan tanpa makna. Saya juga berharap kewujudan muzium ini akan dapat menyematkan perasaan sayangkan bangsa dan negara seperti yang terdapat dalam karya-karya yang dipamerkan di Muzium sastera ini di kalangan rakyat negeri ini khususnya dan negara ini pada keseluruhannya.

Saya difahamkan bahawa Muzium Sastera ini merupakan Muzium yang 'sulung' yang julung-julung kali pernah diwujudkan di negara ini mahupun di rantau dunia Melayu ini.

Jadi, memandangkan Melaka cuba menerokai pengwujudan Muzium Sastera ini, sudah tentu terdapat beberapa kekurangan dan kelemahan. Bagaimanapun, saya yakin bahawa Muzium ini akan dapat dilengkapkan seberapa yang boleh dari semasa ke semasa selaras dengan hasrat kerajaan negeri menjadikan Muzium Sastera ini sebagai Gedung Persuratan dan Pusat Kajian di bidang kesusasteraan yang ulung di alam Melayu.

Untuk tujuan ini, saya ingin mengambil peluang untuk meminta kerjasama daripada semua pihak untuk menyumbangkan sesuatu bagi melengkapkan Muzium Sastera ini. Kerjasama sepenuhnya ini penting kerana saya yakin tentu terdapat bahan-bahan bersejarah yang mungkin tersimpan di rumah-rumah individu rakyat sama ada di negeri Melaka ini ataupun di tempat-tempat lain. Di sini bagi pihak berkuasa Muzium, saya ingin memberi jaminan bahawa setiap bahan yang dihadiahkan di Muzium ini akan dipelihara dan diabadikan dengan baik dan bermakna lagi untuk rujukan dan tatapan generasi kita akan datang.

Sebagai peringkat permulaan, pihak kerajaan negeri telah menjayakan tema Muzium Sastera yang mempunyai hubungan kait dengan negeri Melaka. Namun begitu, tema-tema lain yang ada kaitan dengan Melaka juga adalah ditinjau dari sudut warisan sastera nasional.

Sebenarnya, antara karya-karya yang berlatar-belakangkan atau berasal dari Melaka ini telah mendapat perhatian oleh sarjana-sarjana dari dalam dan luar negeri terutamanya dari Eropah.

Di peringkat ini, antara bahan-bahan yang kita tonjolkan di sini adalah tentang sejarah Melayu, hukum kanun Melaka, hikayat Hang Tuah, karya-karya Munshi Abdullah dan lain-lain lagi.

Pada peringkat kedua, pihak kerajaan negeri akan berusaha mengabadikan karya-karya dan tokoh-tokoh sastera di peringkat kebangsaan. Tokoh-tokoh seperti Zaaba, Cikgu Harun Amirun rashid, Ishak Haji Muhammad serta karya-karya seperti Taufat Al-Nafis, Hikayat Johor, Hikayat Pahang, Hikayat Kelantan akan turut diabadikan di Muzium ini.

Di peringkat terakhir, kami akan cuba mengumpulkan karya-karya lain termasuk dari kalangan karyawan-karyawan mutakhir tanahair khususnya dan dunia Melayu amnya.

Selain berusaha mengabadi warisan sastera negeri ini, kerajaan negeri juga berhasrat menjadikan kehadiran Muzium Sastera ini sebagai salah satu tarikan kepada Pelancong dan Penyelidik dari dalam dan luar negeri sejarah dengan penekanan yang kita sedang berikan kepada bidang pelancongan yang diharapkan akan membantu meningkatkan daya pendapatan negeri ini.

Untuk makluman tuan-tuan, kelahiran Muzium Sastera ini hanyalah merupakan langkah awal kita untuk menjadikan kompleks Muzium Sejarah di atas Bukit St. Paul ini sebagai Komplek Sejarah yang lengkap dan menarik untuk itu kita merancang menu buahkan beberapa mini Muzium lain termasuklah Muzium Islam dan tentera.

Untuk memastikan Bangunan Merah yang bersejarah ini berserta khazanah yang tersimpan di dalamnya tidak mudah dimamah masa, kerajaan negeri telah pun memutuskan untuk meneruskan kerja-kerja membaik pulih dan memelihara bangunan Stadhuis ini.

Saya berharap pihak-pihak lain termasuk pihak swasta akan turut menyumbangkan sesuatu termasuk membayai kerja-kerja penyelidikan yang dilakukan semata-mata untuk memperkayakan koleksi Muzium kita ini. Kita harus sedar bahawa kehebatan Muzium negeri ini akan menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke sini yang tentunya akan turut menyumbang ke arah perniagaan mereka.

## Kualiti Kehidupan Kemanusiaan Dan Kehormatan

Masalah dan permasalahan yang dihadapi oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar kebudayaan kebangsaan bukan lagi merupakan satu perkara baru kepada kita semua. Saya kira di peringkat ini, terutamanya selepas tiga hari saudara-saudara sekalian berkursus saudara-saudara sudah tentu telah memahami akan perkara kebudayaan kebangsaan.

Saya yakin dalam tempoh saudara-saudara berkursus sejak tiga hari yang lalu, saudara-saudara tentunya telah didedahkan kepada segala perkara yang mempunyai hubungan kait dengan dasar kebudayaan kebangsaan, tentang betapa pentingnya dasar ini dalam proses pembinaan sebuah negara yang maju dan berdaulat, tentang masalah dan persoalan mengenainya, tentang perlaksanaannya dan tentang penerimaan rakyat terhadapnya.

Saya kira, saya tidak akan bercakap panjang lebar mengenainya kerana seperti pemimpin-pemimpin lain, kepada saya perkara ini terutamanya mengenai persoalan dasar kebudayaan kebangsaan tidak lagi harus timbul. Dasar ini telah diterima oleh rakyat sejak mula-mula sekali ia diilhamkan oleh Kongress Kebudayaan Melayu pertama di Melaka pada akhir tahun 1957. Kongress ini, satu usaha anjuran gerakan rakyat merupakan satu pernyataan dari perjuangan dan hasrat rakyat menegakkan bangsa dan negara yang berdaulat.

Di kongress itu, para peserta dengan sebulat suara telah

menyetujui bahawa pencanaian satu kebudayaan kebangsaan itu penting untuk dijadikan teras dalam membina negara ini. Ekoran daripada ini, satu lagi kongress yang serupa telah diadakan dalam tahun 1971 di mana kongress telah menggariskan tiga ciri atau prinsip utama bagi pengubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini. Ini termasuklah:-

- Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini.
- Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.
- Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Secara sepantas lalu, ketiga-tiga prinsip ini memang logik dijadikan sebagai asas kepada pembentukan Kebudayaan Nasional kita terutama apabila ditinjau dari sudut sejarah, Geografi dan keadaan Sosio politik negara ini.

Seperti yang telah saya sebutkan, saya tidaklah berminat untuk mengupas mengenai unsur-unsur Dasar Kebudayaan Nasional kita kerana di peringkat ini, sudah sewajarnyalah kita mengetahui mengenainya. Sekiranya di peringkat ini kita masih lagi tidak faham mengenainya selepas sebegitu lama ia diperbahaskan, saya takut dasar ini akan mengambil masa yang terlalu panjang untuk berjaya mencapai matlamatnya ataupun mungkin gagal mencapai matlamatnya sama sekali. Sekiranya perkara ini berlaku, cita-cita murni kita untuk mengukuhkan perpaduan, memupuk dan memelihara keperibadian bangsa dan memperkaya serta mempertinggikan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi menerusi pembentukan kebudayaan nasional, akan tinggal cita-cita sahaja.

Di peringkat ini, yang paling penting kita berikan perhatian ialah tentang melaksanakan dasar yang telah diterima ini. Kita tidak harus terus berlembut dalam hal ini kerana telah terbukti bahawa kelembutan kita dalam soal ini sering disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak mahu dasar ini berjaya kerana sesuatu sebab.

Kini pun, selepas kira-kira 20 tahun dasar ini diilhamkan, masih lagi terdengar suara-suara sumbang yang mempersoalkan tentang dasar ini, waimah dari rakan-rakan kita dari salah sebuah parti komponen Barisan Nasional sendiri.

Mereka masih lagi sangsi dengan keikhlasan kerajaan dalam membentuk dasar ini. Ada pula yang sehingga sanggup menuduh kerajaan dengan bermacam-macam tuduhan dan tohmah semata-mata untuk menjadi juara. Setengah-setengah daripada mereka yang memperjuangkan 'Cultural Pluralism' mengecap kerajaan sebagai cuba memaksa rakyat negara ini untuk mengamalkan kebudayaan kebangsaan dengan menyekat perkembangan dan pertumbuhan kebudayaan kaum-kaum minoriti negara ini. Kepada mereka soal pembentukan satu kebudayaan kebangsaan ini harus dibiarkan kepada proses alam atau proses evolusi. Proses Assimilasi seperti ini (Natural Assimilation) menurut mereka lebih bermakna dan diterima.

Kepada saya, orang-orang seperti inilah yang telah melambatkan proses pembentukan satu kebudayaan kebangsaan negara. Sebenarnya, merekalah pengacau kepada usaha-usaha kita untuk mencanaikan kebudayaan kebangsaan menerusi proses Assimilasi semula jadi. Sikap dan penentangan mereka terhadap pembentukan kebudayaan kebangsaan ini sudah tentu sebanyak sedikit akan meracuni pemikiran dan pegangan hidup rakyat negara sehingga mereka merasai seolah-olah mereka dipaksa. Kerajaan dalam usaha menerapkan nilai-nilai kebudayaan nasional ini telah menggunakan segala wadah yang ada sama ada menerusi dasar pelajaran kebangsaan, dasar bahasa kebangsaan dan dasar komunikasi negara semata-mata untuk menjayakan Dasar Integrasi Nasional yang lebih besar. Inilah matlamat kita dan matlamat murni ini jugalah yang akan kita pertahankan demi kesejahteraan negara ini pada keseluruhannya.

Saya tidak nampak kenapa dasar ini tidak boleh dilaksanakan dengan berjaya sekiranya semua pihak bersedia menerima dengan fikiran yang terbuka.

Kewujudan kaum 'Peranakan China dan India' ataupun

keturunan orang-orang Portugis di Melaka yang mengamalkan banyak ciri-ciri kehidupan bangsa Malaysia membuktikan hakikat ini. Selain daripada tidak beragama Islam, kaum-kaum ini telah mengamalkan dengan mudah unsur-unsur kebudayaan kebangsaan sejak turun-temurun lagi, sama ada dari segi bahasa, pakaian, makanan mahupun di segi kesenian.

Kepada saya, kelambatan pencapaian matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah disebabkan oleh keengganinan setengah-setengah pihak untuk memperakulkan hakikat ini. Orang-orang seperti inilah yang harus kita tentang dengan menyedarkan masyarakat umum bahawa golongan seperti ini adalah golongan pengacau yang tidak bertanggungjawab dan antinasional. Masyarakat umum harus berupaya diajak untuk menginsafi impian nasional yang lebih besar dan murni dan menjauahkan diri mereka dari dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif yang memainkan sentimen perkauman sempit.

Dalam hubungan inilah peranan saudara-saudara sebagai pemimpin-pemimpin belia begitu penting di mana saudara-saudara harus sanggup mendaulatkan kebudayaan yang telah diterima sebagai kebudayaan kebangsaan dengan bersungguh-sungguh. Kita tidak harus takut-takut atau teragak-agak dalam soal ini kerana sekiranya bukan kita yang melakukannya, orang lain sudah tentu jauh sekali.

Generasi muda harus sedar bahawa kepada mereka kalah negara menggantungkan harapan kerana cara hidup mereka lebih terdedah kepada aspirasi nasional di mana sikap mereka masih boleh diarahkan kepada pencapaian matlamat dasar-dasar kerajaan. Sekiranya, unsur-unsur pengaruh negatif yang cuba menggagalkan dasar kebudayaan nasional ini dapat dielakkan dari meracuni fikiran generasi muda ini, saya yakin dan percaya usaha kita untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang berbahagia menerusi pembentukan satu kebudayaan nasional ini dapat dilaksanakan dalam jangka waktu yang agak cepat.

Sekiranya, kita benar-benar ikhlas dalam mencapai matlamat murni ini, saya rasa setiap pihak termasuk media

massa harus cuba memberhentikan perbahasan-perbahasan mengenai dasar kebudayaan kebangsaan ini. Kalaupun ingin dibahaskan, perbahasan-perbahasan mengenai perkara ini biarlah berpusat kepada usaha-usaha untuk mempercepatkan pencapaian matlamatnya dan bukan untuk menggagalkannya.

Dengan cara ini, masyarakat umum terutamanya di kalangan generasi muda hanya akan didedahkan kepada unsur-unsur positif yang terdapat di dalam kebudayaan nasional yang cuba diwujudkan.

Perkara ini walaupun di segi prinsipnya agak bertentangan dengan kebebasan hak bersuara rakyat negara ini sejajar dengan dasar terbuka (Demokrasi) kerajaan, kepada saya ia merupakan syarat penting (*prerequisite*) terhadap pencapaian matlamat dasar kebudayaan kebangsaan.

Seperti yang telah saya sebutkan, salah satu daripada matlamat perlaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan ialah untuk memperkaya dan mempertinggikan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian rakyatnya yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi negara.

Untuk mencapai matlamat ini, ia memerlukan bukan sahaja pengalaman prinsip-prinsip utama kebudayaan nasional yang telah diperakukan, tetapi juga penghayatan nilai-nilai hidup positif yang lain.

Dalam hubungan ini, saranan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad untuk mewujudkan era baru iaitu 'Era Bekerja' di kalangan rakyat negara ini harus diberikan perhatian oleh semua pihak.

Rakyat harus sanggup 'membudayakan' diri mereka selaras dengan saranan ini di mana di samping sanggup bekerja keras, mereka juga harus berupaya menghayati nilai-nilai hidup yang positif seperti mengamalkan konsep bersih, cekap dan amanah, kepimpinan melalui teladan dan penghayatan nilai-nilai Islam.

Dalam usaha ke arah ini, rakyat harus cuba menjauhkan diri dari terlalu memikirkan tentang soal-soal remeh-temeh termasuk membenamkan semangat perkauman sempit bagi membolehkan mereka memusatkan usaha terhadap memajukan diri sendiri, masyarakat dan negara pada keseluruhannya.

Sekiranya perkara ini dapat dilakukan, hasrat kerajaan untuk mewujudkan sebuah Masyarakat Malaysia yang berkualiti selaras dengan matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan bukanlah sesuatu yang mustahil. Kewujudan masyarakat seperti ini pula akan merupakan 'Aset' kerajaan yang paling berharga dalam 'Membeli' kebahagiaan untuk setiap rakyatnya dan seterusnya meletakkan martabat negara ini di tempat yang tinggi yang belum pernah terfikir oleh kita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, inginlah saya mengingatkan saudara-saudara sekalian, bahawa hasrat dan impian kerajaan untuk mencapai matlamat dasar kebudayaan kebangsaan ini bukanlah satu kemustahilan. Dalam hubungan ini, kita semua harus sedar akan kejayaan kerajaan dalam menyatupadukan rakyat berbilang keturunan di negara ini sehingga sarjana-sarjana sains politik barat menyifatkan negara ini sebagai *The practitioner of the impossible* atau pengamal sesuatu yang mustahil.

Sekiranya kita amati, konsep kebudayaan nasional ini telah pun berjaya kita amalkan menerusi sistem kerajaan yang ada di mana kerajaan barisan nasional telah berjaya menggabungkan sebahagian besar parti-parti yang mewakili kaum terbesar negara ini di dalam satu parti dengan UMNO sebagai terasnya dengan satu tujuan iaitu untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatupadu, maju, aman, makmur, bahagia dan bermaruah.

## Penulis Perlu Berfikir Positif

Peranan penulis dan sasterawan amat penting bagi sebuah negeri yang sedang membangun seperti negeri Melaka. Kita dapat bahawa mana-mana negara ataupun negeri yang ingin membangun kalau tidak mempunyai satu syarat yang penting iaitu pembangunan manusia atau perubahan sikap yang dikehendaki oleh pembangunan tersebut.

Sekiranya kita mempunyai pembangunan fizikal yang banyak, pembangunan yang berbagai-bagai tetapi pada masa yang sama ia tidak diiring atau dilengkapkan dengan pembangunan mental, pembangunan sikap, perubahan sikap positif yang dikehendaki, maka kita akhirnya akan kerugian. Kita akan mengetahui bahawa pembangunan fizikal semata-mata tidak membawa kenikmatan, kepuasan, kebahagiaan dan kesejahteraan yang kita kehendaki di dunia dan juga akhirat.

Oleh yang demikian, asas bagi kemajuan kita ialah harus mempunyai perubahan sikap yang kita kehendaki supaya rakyat yang ada di dalam negara atau negeri ini dapat bertindak sesuai dengan perubahan-perubahan yang kita kehendaki.

Saya bersyukur kehadrat Allah kerana persatuan-persatuan penulis, sasterawan dan mereka yang berminat dalam bidang ini telah sedikit sebanyak memainkan peranan dan sumbangan yang penting dari segi membawa aliran perubahan ini.

Kita masih lagi mengharapkan perubahan yang lebih meningkat didatangkan dari semua jurusan pelusuk penghidupan masyarakat kita termasuk daripada masyarakat

penulis ini. Malah kita berpendapat bahawa penulis-penulis termasuk wartawan dan sebagainya yang terlibat dalam bidang komunikasi ini harus menjadi *leaders of positif thinking*, (pimpin ke arah pemikiran positif) kerana perubahan sikap tidak akan dapat dijalankan kecuali jika masyarakat mempunyai nilai-nilai, menghargai nilai-nilai dan menghayati nilai-nilai positif dalam penghidupan mereka.

Mereka mesti memandang sesuatu yang berlaku itu secara positif dan mempunyai cita-cita, hasrat, keinginan dan juga dorongan yang positif ke arah meningkatkan taraf hidup yang lebih baik.

Persatuan penulis dan masyarakat sasterawan boleh memainkan peranan yang dikehendaki ini dengan melahirkan pimpin-pimpin dan anggota masyarakat yang mempunyai pemikiran yang positif melalui penulisan atau hasil karya mereka. Kerajaan berpendapat, kita harus mengubah negeri Melaka dari satu tahap yang tidak maju kepada tahap yang lebih maju, supaya perubahan-perubahan ini membawa kebaikan, membawa kesejahteraan, membawa kebahagiaan, membawa rezeki yang lebih kerana ini adalah merupakan survival kepada penghidupan di negara kita.

Sebuah negara Malaysia yang miskin yang tidak berubah, yang tidak mempunyai sumber-sumber alam yang lebih, yang tidak mempunyai tenaga manusia yang boleh digerakkan kepada kesejahteraan yang lebih meningkat adalah tanda-tanda kehancuran survival kepada negara kita kerana kalau manusia tidak mencapai satu tahap penghidupan yang lebih selesa yang lebih sejahtera, kecendurangannya, tendensinya ialah kita akan mempunyai perasaan negatif yang akhirnya akan merugikan pembangunan rakyat pada keseluruhannya.

Oleh yang demikianlah, maka kita mestilah berusaha untuk membangunkan negeri kita dan negara kita berdasarkan kepada perubahan fizikal dan mental yang kita kehendaki.

Perubahan mental dikehendaki dari semua jurusan dan persatuan penulis, sasterawan dan lain-lain yang terlibat dalam ini boleh memainkan peranan sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Perubahan fizikal pun harus berjalan seiring sebauh; kalau kita tidak akan maju dan jika tidak ada kemajuan bagi Malaysia ia merupakan satu kehancuran bagi kemantapan, ketahanan dan keutuhan dan survival Malaysia.

Dalam usaha kita membangunkan negara kita untuk terus maju ini atau yang sedang bergerak ini memang terdapat banyak 'opportunist-opportunist' yang melihat perkembangan-perkembangan ini tidak memberi keuntungan kepada mereka yang mana mereka fikir bahawa kalau kita menjalankan usaha-usaha membangun ia akan merugikan pihak-pihak yang tertentu dan menjalankan sesuatu itu seolah-olah akan membawa satu kerugian yang besar kepada masyarakat dan negara.

Malangnya mereka yang tidak dapat menghayati, perlunya negara ini dibangunkan dari segi mental dan fizikal tidak mahu mengakui realiti bahawa kita perlu berubah ke tahap yang lebih positif, yang lebih baik supaya dengan yang demikian itu kita akan dapat mencapai cita-cita kesejahteraan penghidupan yang lebih tinggi bagi menjamin survival negara Malaysia kita.

Saya suka mengingatkan bahawa setengah-setengah pihak yang memang sentiasa mempunyai sikap dan nilai-nilai anti'establishment', supaya jangan mentafsirkan anti'establishment' ini kepada sikap anti'development' ataupun antipembangunan.

Sikap antikerajaan atau antipembangunan merupakan sikap yang merugikan pembangunan seluruh negara kita.

## Tanpa Budaya Lenyaplah Bangsa

**U**pacara perasmian Replika Istana Kesultanan Melaka ini kita adakan sedemikian rupa dengan dirasmikan sendiri oleh pemimpin kesayangan kita, Y.A.B. Datuk Seri Utama Perdana Menteri kita, sebagai pernyataan pengiktirafan kita terhadap fungsi dan nilai sejarah budaya kita, terhadap pembentukan sebuah negara bangsa yang benar-benar utuh, beridentiti, maju dan bermaruah.

Pada hari ini kita sedang menempa sejarah dan kita sedang mengukir suatu tugu sejarah moden yang amat gemilang. Hari ini kita sedang menjadi pelaku dan pembentuk kepada perjalanan sejarah masa depan. Hari ini juga kita sedang menyambung kembali benang sutera aliran sejarah bangsa kita, bangsa Melayu, bangsa Malaysia yang bermula di sini kira-kira 600 tahun dulu.

Aliran sejarah yang sambung-bersambung inilah menjadi asas tuntutan kita sebagai anak negara yang jati dan peribumi dalam negara kita sendiri. Aliran sejarah yang tidak pernah putus ini juga yang telah menjadi penentu kepada kedudukan kita yang istimewa dalam negara kita sebagai bangsa yang definitif, bangsa yang memberi takrif kepada bentuk dan identiti rantau sebelah sini. Aliran sejarah kita yang dulu dan masa kini membenarkan kita menamakan wilayah ini sebagai alam Melayu dan Malaysia. Maka Istana Kesultanan Melaka yang akan kita jadikan sebagai muzium budaya negara ini adalah tugu yang menjadi saksi bahawa kita adalah menjadi penentu kepada perjalanan nasib kita di tanahair kita sendiri.

Satu masa nanti anak cucu kita akan menilai betapa pada hari ini kita telah mengembalikan keagungan impian dan kenyataan hidup serta martabat mereka di tanahair sendiri. Dengan berdiri dan terbukanya Istana Kesultanan Melaka ini kita telah menyempurnakan himpunan khazanah kebudayaan kita yang akan menjadi asas perkembangan kebudayaan kebangsaan di Malaysia dan akan menjadi pula cara hidup seluruh bangsa Malaysia (Malaysian nation).

Melaka — adalah kenyataan dan realisasi dari segala visi pembentukan bangsa Malaysia kini dan masa depan. Aliran sejarah dan budaya Melaka telah melahirkan di depan mata kita bagaimana bentuk dan rupa bangsa Malaysia yang patut tumbuh dan berkembang di Malaysia. Berasaskan bangsa dan budaya Melayu sebagai rangka permulaan wujudnya negara Melaka, telah datang hadir dan bermastautin sekalian banyak bangsa dari seluruh dunia sehingga menjadikan Melaka sebagai negara tempat hidup dan mati.

Melaka berbangga menerima segala jenis bangsa dan budaya dan menjadikan mereka sebahagian daripada warganegara Melaka. Mereka yang bermula sebagai orang asing telah merelakan diri mereka untuk menyesuaikan cara hidup menurut ciri-ciri budaya tempatan sambil mengekalkan identiti asasi diri mereka tanpa menjadi Melayu. Demikianlah, telah wujud dan berkembang satu bangsa Melaka yang padu dan teguh atas ciri-ciri budaya Melayu, budaya tempatan yang asli dan sejagat.

Setiap orang dapat beridentifikasi dengan satu sistem kebudayaan yang sama — sistem kebudayaan Melaka sambil setiap kelompok suku bangsa seperti China, Eropah dan nusantara mengekalkan identiti kelompok asasi masing-masing. Proses penyesuaian budaya yang begitu mesra telah membentuk masyarakat Baba, masyarakat Ceti, masyarakat Serani dan masyarakat Melayu. Seluruhnya ini membawa bersama mereka satu himpunan ciri budaya yang sama.

- \* Satu bangsa, Bangsa Melaka.
- \* Satu cara hidup, cara hidup Melaka.
- \* Satu negeri, negeri Melaka.

Namun semua kelompok ini tidak pernah dipaksa atau dipinta menjadi Melayu meskipun dari segi cara hidup semuanya sudah sama atau hampir sama seperti Melayu. Semua kelompok kekal dengan adat istiadat asasi masing-masing dan di atas perbezaan asas itu mereka mengekalkan peribadi serta identiti masing-masing dan membezakan diri dari yang lain sambil berkomunikasi dalam rangka cara hidup yang unik, Melaka.

Model kebudayaan dan bangsa Melaka ini wajib menjadi teladan bagi semua perjuangan kita membentuk bangsa Malaysia. Inilah model terbaik dari segala teladan pembangunan bangsa (nation building) kerana ia wujud di atas kerelaan memadukan diri dengan alam tempatan. Hidup yang telah sesuai dengan alam tempatan ini mencapai pula kemantapan (stability) yang membenarkan setiap orang memperkembang kebolehan membina ekonomi dan kehidupan yang lebih mewah. Tidak hairanlah begitu ramai 'tauke' Melaka yang menjadi kaya raya dan terkenal sebagai pembina ekonomi yang besar dan teguh dalam sejarah Malaysia.

Kita mesti mempertahankan model ini sebagai model bangsa kita supaya masa depan tidak diputarbalikkan ke belakang sehingga sebahagian daripada rakyat kita kembali menjadi 'orang asing' di tanahair mereka sendiri. Apabila orang kembali kepada bentuk asal yang 'asing' maka akan berlaku pula 'pengasingan' atau *alienation*. Dari *alienation* ini akan timbul pula pengelompokan sama sendiri atau 'polarisation'. Proses kembali kepada bentuk asal itu adalah merupakan pelarian diri ke dalam lindungan kumpulan sendiri, dan ini merupakan pula ciri perpecahan dan malapetaka kepada usaha kita membangun satu bangsa.

Model masyarakat Melaka inilah sebenarnya merupakan takrif yang wajar bagi cogan kata 'unity in diversity' — berbeza-beza tapi bersatu. Perpaduan hanya tercapai di atas asas beberapa persamaan ciri minimal: bahasa, cara hidup dan kesetiaan kepada negara. Di luar dari itu, setiap orang atau kumpulan boleh memilih sebarang sistem kepercayaan, ideologi politik, sistem kekeluargaan ataupun pekerjaan bagi

punca rezeki. Segala ini adalah hak asasi setiap orang dan kumpulan. Maka di atas persamaan yang mendasar akan lahir persatuan. Ini telah jelas berlaku dalam perjalanan sejarah Melaka.

Maka perpaduan melalui proses kerelaan menyesuaikan diri inilah merupakan sumbangan teragung sejarah dan budaya Melaka kepada perkembangan sejarah dan budaya Malaysia masakini dan masa depan. Model penyesuaian bangsa dan budaya di Melaka inilah yang harus menjadi teladan kita dalam usaha membentuk bangsa dan budaya Malaysia di mana seluruh alam fikiran dan taat setia kita hanya tertumpu kepada Malaysia dan bukan lagi ke negara asing yang jauh dan tidak bermakna.

Negara kita kini ialah Malaysia. Segala sumber alam dan tradisinya adalah sumber yang menjadi bahan pembangunan dan pembentukan cara hidup masakini, yang moden dan dinamik. Segala tenaga dan fikiran harus digembbleng ke arah membina hidup ala Malaysia, dan bukan mempertahankan ciri-ciri hidup asing, dari negara asing yang sudah tidak relevan dan tidak bermakna lagi bagi kemajuan bangsa kita sendiri dan bagi perkembangan anak-anak kita sebagai bangsa Malaysia.

Segala proses perkembangan dan penyesuaian hidup dan kebudayaan di Melaka dan Malaysia ini akan terhimpun di dalam Istana Kebudayaan Melaka yang sedang kita raikan bersama pembukaannya pada hari ini.

Saya amat berharap bahawa ini akan menjadi sebuah istana yang akan menyimpan ciptaan, kreativiti, rekaan kebudayaan kita bersama di seluruh Malaysia. Muzium ini akan menjadi pernyataan kepada tekad dan hasrat kita membina satu bangsa, bangsa Malaysia: Satu budaya, budaya Malaysia dan satu bahasa, bahasa Malaysia. Saya impikan bahawa istana ini akan menjadi tugu cita-cita kebangsaan kita itu untuk melahirkan bangsa kita, bangsa Malaysia.

Gagasan pembinaan Replika Istana Kesultanan Melaka ini tercetus oleh kesedaran kita terhadap pentingnya dikekalkan nilai-nilai budaya yang telah menyebabkan jatuh bangunnya

negara dan bangsa kita pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka. Pengekalan dan pengabdian nilai-nilai budaya ini akan membolehkan generasi masa kini dan masa depan menganalisis, memahami dan menghayati sejarah lampau bangsa, sebagai landasan untuk kita bergerak dengan lebih berkeyakinan, berpedoman dan lebih terarah.

Kata-kata '*History never repeats itself but only fools do'* atau sejarah tidak pernah mengulang dirinya, tetapi hanya yang bodoh berbuat demikian, yang semakin popular di kalangan pemimin negara, menjelaskan kepada kita akan kepentingan sejarah terhadap penghidupan sehari-hari kita sama ada sebagai individu, ahli masyarakat maupun warganegara.

Di atas desakan-desakan kesedaran inilah maka kerajaan negeri Melaka, selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah negeri yang kaya dengan bahan-bahan sejarahnya, telah berusaha mengeksplorasi segala bahan dan bentuk sejarah yang dijangka berupaya menyumbang ke arah pembentukan sebuah negeri Melaka yang benar-benar berbahagia dan sebuah negara Malaysia yang benar-benar beridentiti.

Kegemilangan istana yang tersergam gagah ini akan menjadi gedung khazanah budaya negara yang terulung, di dalamnya kita abadikan segala warisan budaya bangsa. Malangnya usaha kita yang mulia dan murni, yang tercetus dari rasa kesedaran dan tanggungjawab sebagai pewaris bangsa, dilihat oleh setengah pihak sebagai usaha membazir yang tidak mempunyai apa-apa erti.

Sikap dan ungkapan seperti ini tentunya dilahirkan oleh mereka yang telah lupa akan asal usul diri sendiri, mereka yang hilang nilai-nilai kemanusiaannya dan mereka yang tidak mahu melihat bangsanya bangkit kembali.

Kepada mereka yang seperti ini harus diingatkan, bahawa budaya merupakan tunggang kekuatan sesuatu bangsa. Bangsa yang tidak berbudaya adalah bangsa yang tidak bermaruah. Lemah, tidak berpedoman dan berpegangan dan mudah dihancurkan oleh bangsa-bangsa lain yang kukuh kebudayaannya.

Di sebalik kehalusan seni ukir yang terpahat di kisi-kisi dan tiang seri dan di sebalik keindahan seni bina yang terpapar di segenap ruang istana ini, tersembunyi ketinggian nilai budaya warisan bangsa. Bayangkanlah betapa tekunnya tukang-tukang ukir kita, betapa tingginya daya cipta jurubina Melayu Melaka, kerana tanpa sebarang peralatan dan konsep-konsep pembinaan moden, mereka berupaya mencipta istana sebegini rupa.

Selain juruukir dan jurubina, tentulah istana yang sebegini indah memerlukan pengorbanan seluruh tenaga rakyat Melaka sama ada tua atau muda, lelaki atau wanita, mereka sama-sama membantu tenaga mencurahkan jasa. Sejarah Melayu ada menceritakan yang pekong mengalas kayu, yang pekak memahat taji dan yang buta meniuup api, masing-masing ada fungsinya. Demikianlah tingginya nilai-nilai muafakat dan kerjasama sesama mereka.

Kerana nilai-nilai ini jugalah masyarakat Melaka ketika itu berkembang maju sebagai pusat perdagangan dan ilmuwan yang ulung di rantau ini. Pedagang China, India, Jawa, Arab dan lain-lainnya bertali arus mengunjunginya, sehingga ada antara mereka yang sanggup menjadikan Melaka sebagai negara tercinta, tanpa didesak, bahasa Melayu muncul sebagai *lingua-franca*. Singkeh dan tauke bertukar menjadi Baba dan Nyonya. Malah sehingga maharaja China sanggup menghadiahkan puteri kesayangan sebagai tanda pengiktirafan tamadun Melaka.

Inilah wadah budaya yang hendak kita gilapkan, bajai dan hayati.

Di istana ini jugalah tempat menapaknya kegemilangan tamadun Melayu. Pendita mengembangkan ilmu, tempat rakyat dan raja berguru. Di sinilah tertulisnya sejarah Melayu dan terkanunnya undang-undang Melayu. Jelaslah istana ini merangkumkan segala peradaban dan ketinggian martabat Melayu, yang kemudiannya melimpah ruah ke seluruh pelosok Nusantara.

Oleh itu, usahlah kita terpesona dengan nilai-nilai budaya Samuel Umdong atau terpegun dengan Kibbutz budaya

Yahudi, kerana sejarah membuktikan budaya kita juga tidak kurang dengan nilai-nilai seperti ini.

Apa yang kurang kepada kita ialah kesedaran untuk menghayati dan mengamalkan ciri-ciri warisan budaya ini di dalam kehidupan sehari-hari. Dalam kesibukan kita mengisi erti kemerdekaan, kita seakan lupa terhadap hakikat sejarah budaya bangsa, dengan itulah budaya bagi generasi kedua selepas merdeka hanyalah ungkapan tanpa sebarang makna. Bagi setengah-setengah daripada mereka budaya hanyalah merupakan tarian, nyanyian dan bahan kajian.

Tanggapan seperti ini terbukti telah melemahkan kita, nilai-nilai budaya kerja yang kita warisi seperti kerjasama, muafakat, bergotong royong, saling menghormati dan sayang menyayangi, sudah mula digantikan oleh nilai-nilai buruk. Semakin hari semakin menonjol sikap mementingkan diri sendiri, benci membenci dan khianat mengkhianati sesama sendiri.

Nilai-nilai seperti ini tidak harus dibiarkan menular dan berterusan kerana akhirnya ia akan berupaya meruntuhkan ketahanan negara. Sebuah negara yang maju pun pasti menghadapi kehancuran jika budaya bangsanya diabaikan. Ini adalah kerana ketahanan politik sesuatu bangsa itu bergantung kuat kepada keutuhan budayanya. Budaya mencerminkan bangsa, tanpa budaya lenyaplah bangsa.

Namun begitu, kita masih belum terlambat, kerajaan kita yang sedar dengan bahaya kepupusan budaya bangsa, kini telah mengambil beberapa langkah radikal untuk mengembalikan kegemilangan budaya bangsa dalam konteks masyarakat masa kini. Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru, kesemuanya mengarah kepada pembentukan sebuah bangsa yang bersatu berteraskan kepada kesepaduan dan perpaduan rakyatnya menerusi gagasan satu bangsa, satu budaya.

Bagaimanapun, segala usaha ini memerlukan pengorbanan dan kerjasama dari semua pihak. Kalau setiap dasar induk negara terutamanya Dasar Ekonomi Baru diibaratkan sebagai

pembinaan istana ini, maka setiap pihak mesti dan wajib memainkan peranan masing-masing demi kepentingan bersama di mana mereka harus sanggup mengenepikan kepentingan-kepentingan sempit yang didorong oleh sentimen-sentimen yang kecil sifatnya.

Dalam hubungan ini ingin saya mengingatkan bahawa tanggungjawab menggilap semua budaya bangsa tidak hanya terletak kepada pencinta budaya sahaja. Semua pihak termasuk usahawan yang telah berjaya, wajib memikul tanggungjawab bersama malah mereka lah sepatutnya menjadi penggerak utama, kerana dengan kedudukan mereka, kerja-kerja pem-budayaan lebih mudah terlaksana.

Oleh kerana usahawan dan ahli-ahli perniagaan semakin hari semakin berpengaruh dalam kehidupan masyarakat hari ini, maka sewajarlah mereka mengambilalih tugas yang amat bermakna ini. Anggaplah ini sebagai satu cabaran maruah yang tidak boleh ditukar ganti dengan wang ringgit.

Sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan Replika Istana bersejarah ini ingin saya ingatkan, bahawa di sebalik keindahannya, istana ini juga meninggalkan beberapa peristiwa malang untuk dijadikan pengajaran.

Di Istana Melaka ini jugalah tempat gundek menyebar fitnah, Hang Tuah dituduh bermukah dan putera-putera raja berebut kuasa. Di istana ini jugalah melimpahnya harta sehingga rakyat dan raja menjadi leka. Malah yang paling tragis sekali, di istana inilah juga tempatnya dua sahabat beradu senjata kerana kuasa, sahabat setia bertukar menjadi penderhaka. Maka hilanglah nilai-nilai budaya bangsa, nilai cinta mencintai sesama sebangsa, hormat menghormati antara yang muda kepada yang tua.

Pastilah kekayaan Melaka menyebabkan rakyatnya lupa kepada budaya bangsa dan akibatnya Melaka gagah dan gemilang menjadi lemah dan akhirnya musnah di tangan pen-jajah. Demikianlah betapa besarnya hikmah dan pengajaran yang dapat kita cungkilkan daripada istana bersejarah ini, mudah-mudahan apa yang baik kita jadikan panduan dan yang buruk dijadikan sempadan.

Replika Istana Kesultanan Melaka ini kita dirikan di satu kawasan kompleks sejarah yang paling strategik di negeri ini. Di sebelah belakang masih berdiri gagah Bukit St. Paul yang telah banyak menyaksikan peristiwa bersejarah. Berhadapan dengan Replika Istana ini tersergam Bangunan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan Negara. Di sebelahnya masih berdiri cebisan Kota A Famosa dan di sebalik Bukit St. Paul ini berdiri rumah merah tinggalan penjajah Belanda, Stadhuis yang telah dijadikan Kompleks Muzium Sejarah Melaka.

Dalam pengertian sejarah, kesemua monumen ini melambangkan akan urutan proses pembinaan negara ini sejak zaman penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris hingga ke zaman selepas merdeka.

Kesemua sari peristiwa ini akan kita paparkan secara '*live*' atau terus menerus kepada umum menerusi projek ini kesemua urutan peristiwa ini akan diceritakan kembali dalam bentuk cahaya dan bunyi yang akan membawa kita zaman lampau menurut '*chronology*' sejarah negeri ini.

Ini bermakna setiap pengunjung kompleks sejarah negeri ini bukan sahaja akan mampu mengenali sejarah negeri ini dengan lebih dekat, tetapi juga memahami proses pembinaan negeri ini khususnya dan negara pada keseluruhannya.

Oleh kerana peranan sejarah terlalu penting dalam proses pembinaan negara, di sini saya ingin merayu keapda Kerajaan Persekutuan supaya memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada usaha kita menonjolkan sejarah yang terdapat di negeri ini.

Memandangkan Replika Istana Kesultanan Melaka ini akan merupakan satu-satunya muzium budaya di negara ini, saya ingin mengesyorkan supaya Replika Istana ini diiktiraf sebagai muzium budaya negara dan sekaligus menjadikan sebagai monumen sejarah negara (*National Monument*).

## Memasyarakatkan Filem Tempatan

Saya difahamkan pameran ini dianjurkan sempena pesta filem Malaysia ke-7 yang buat pertama kalinya akan diadakan di bumi Melaka yang bersejarah ini pada 5 dan 6 Disember depan. Selaku ketua kerajaan negeri ini, saya berasa begitu amat berbesar hati dengan kesediaan pihak pengajur khususnya kepada Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia (GAFIM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) memilih Melaka sebagai tuan rumah kepada pameran dan pesta filem yang julung-julung kali pernah diadakan di luar dari Ibu Kota Kuala Lumpur.

Ini merupakan satu penghormatan yang kami kira turut melambangkan keyakinan pihak pengajur terhadap peranan Melaka dalam mencernakan sejarah negara termasuk di bidang kebudayaan dan perfileman. Saya berharap dan berdoa ke hadrat allah S.W.T. agar usaha memasyarakatkan filem tempatan menerusi pengajuran Pameran dan Pesta Filem Nasional di luar Kuala Lumpur khususnya di Negeri Melaka ini akan mendatangkan hasil yang diharap-harapkan. Saya yakin sekiranya terdapat tindakan-tindakan susulan yang lebih konkret khususnya di bidang pembikinan dan pemasaran, filem-filem tempatan juga mampu mengembalikan sejarah kegemilangannya seperti pada tahun-tahun 50-an dahulu khususnya pada zaman seniman agung Allahyarham P. Ramlee.

Pemilihan tempatan pameran ini sesungguhnya begitu amat wajar dan tepat. Bangunan Istana Kesultanan Melayu Melaka

yang telah dibina berdasarkan kepada faktor-faktor sejarah termasuk seperti yang terkandung di dalam sejarah Melayu untuk dijadikan Muzium Budaya ini, melambangkan sejarah keagungan bangsa dan negara.

Bangunan ini mengabdikan penceranaan budaya Malaysia yang berteraskan kepada budaya Melayu. Pengadunan kebudayaan kebangsaan yang sedang cuba kita bina sekarang sesungguhnya bermula di negeri ini di mana pelbagai budaya dari persekitaran Nusantara sehingga ke China, India, Arab dan Eropah telah dapat diintegrasikan dengan agak berjaya sejak zaman kegemilangan empire Melayu Melaka lagi. Proses ini harus diteruskan dan saya meyakini bidang perfileman juga mempunyai peranan yang tidak kurang penting dalam menyumbang ke arah pembentukan sebuah negara yang boleh kita banggakan.

Secara imbas kembali, seperti yang pernah digambarkan menerusi filem-filem Melayu dahulu ataupun menerusi panggung-panggung bangsawan, kita telah dibawa untuk menghayati peranan istana ini. Selain kisah pertikaman antara Hang Tuah dan Hang Jebat dan penerimaan kunjungan pembesar dan pedagang asing di istana ini jugalah tempatnya sultan dan para pembesar negeri menerima hiburan sama ada dalam bentuk nyanyian, tarian, pelipur lara dan sebagainya.

Apa yang ingin saya maksudkan di sini ialah tentang peranan yang telah dan boleh dimainkan oleh bidang perfileman dalam mengabdikan sejarah negara untuk tatapan generasi masa kini dan masa depan di samping cuba memaparkan realiti masyarakat kita yang ada.

Filem sebagai salah satu daripada cabang komunikasi massa mempunyai pengaruh yang amat kuat terhadap pembentukan masyarakat. Pengaruh ini harus digunakan dengan cara yang paling baik dan berkesan supaya cita-cita kita untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, maju dan berbahagia dapat dicapai.

Dalam hubungan ini, para penerbit, produser dan karyawan filem harus bersama-sama memikul tanggungjawab murni ini di mana mereka tidak hanya harus memikirkan tentang

untung dan rugi semata-mata tetapi juga cuba mencetuskan semangat bermasyarakat dan bernegara di kalangan generasi yang ada.

Saya berkeyakinan penuh bahawa soal untung dan rugi ini bukan semata-mata bergantung kepada tema dan mesej yang cuba disampaikan oleh para karyawan filem kita. Apa yang lebih penting ialah kekuatan imiginasi mereka, kreativiti mereka dan kepakaran teknikal mereka sehingga mampu menarik dan memukau penonton. Sekiranya filem mereka menarik dan dipacarkan dengan baik, hasilnya juga sudah tentu akan baik.

Di sinilah cabaran yang harus dihadapi oleh para karyawan filem tempatan. Soal bantuan, walaupun masih di tahap yang boleh dipertikaikan ia telah pun diadakan. Berbagai-bagai skim galakan sama ada menerusi FINAS atau badan-badan lain termasuk menerusi Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun diadakan.

Sebagai contoh, sebagai menyambut keluhan dan rintihan para penerbit filem tempatan di samping cuba menggalakkan mereka menerbitkan filem-filem bermutu, Kerajaan-kerajaan negeri seperti yang saudara/saudari sekalian maklum telah pun melakukan sedikit pengorbanan dengan memansuhkan cukai hiburan sebanyak 25% menerusi penayangan filem tempatan yang menepati syarat-syarat FINAS di pawagam-pawagam di seluruh negara.

Ini telah diputuskan di Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri tidak lama dahulu. Untuk makluman saudara-saudari Kerajaan Melaka sudah pun bersedia untuk melaksanakan skim galakan ini di mana mulai awal tahun hadapan semua kutipan cukai hiburan sebanyak 25% itu akan dikembalikan kepada para penerbit.

Apa yang diharapkan biarlah pengorbanan yang kita lakukan ini berpadan dan mampu menggalakkan para penerbit untuk menerbitkan filem-filem bermutu yang bukan sahaja berupaya mendatangkan keuntungan tetapi juga membantu membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang lebih ideal dan bersatu-padu.

Soal pemasaran merupakan salah satu faktor terpenting yang

akan menentukan sama ada sesebuah filem itu boleh menguntungkan atau tidak. Kaedah pemasaran muthakir seperti kempen-kempen publisiti yang berkesan sebelum dan selepas sesebuah filem itu ditayangkan harus dilakukan. Sikap penerbit-penerbit filem asing khususnya di Hollywood yang tidak takut-takut untuk mendapatkan khidmat perunding pemasaran harus dicontohi. Mereka awal-awal lagi telah mengadakan kajian terhadap selera dan cita rasa penonton tentang apakah yang mereka mahukan daripada sesebuah filem dan sebagainya. Lama sebelum sesebuah filem itu ditayangkan cerita dan publisiti mengenainya telah pun digembargemburkan dan akhirnya ia menjadi buah mulut peminat-peminat filem apatah lagi sekiranya ia mendapat perhatian positif daripada para pengkritik filem yang disegani.

Sekiranya faktor penerbitan dan pemasaran dapat diperbaiki sesuai dengan selera dan keadaan penonton masa kini, masa depan dunia filem Melayu akan kembali cerah.

Kita tidak perlu terlalu mengharapkan untuk menembusi pasaran asing khususnya di Indonesia untuk memasarkan filem-filem tempatan. Penduduk Malaysia yang kini berjumlah kira-kira 14 juta orang ini juga mampu menjadi pasaran yang cukup baik. Bagaimanapun, apa yang berlaku sekarang tidak terdapat terlalu banyak filem tempatan khususnya filem-filem Melayu yang mampu menarik sokongan orang-orang bukan Melayu.

Usaha-usaha harus dilakukan bagi memastikan penerbitan filem-filem tempatan mampu menepati selera masyarakat Malaysia pada keseluruhaninya. Saya percaya, sekiranya filem kita baik dari segala segi, ia akan menerima sokongan bukan sahaja daripada rakyat berbilang bangsa di negara ini, tetapi juga mungkin dari para peminat filem di Indonesia.

Sekiranya filem-filem Melayu ditontoni oleh masyarakat dari berbagai-bagai keturunan, mesej-mesej yang cuba diketengahkan sudah tentu akan mampu membawa kesan yang diharap-harapkan.

Dalam hubungan ini, saya sungguh-sungguh berharap agar setiap penerbit dan karyawan filem akan dapat menyelitkan

nilai-nilai positif bermasyarakat yang cuba diterapkan oleh kerajaan dalam proses pembinaan negara Malaysia yang benar-benar berbahagia dan boleh dibanggakan.

Sebagaimana yang kita semua maklum Negeri Melaka kini sedang cuba mengeksploitasi bidang sejarah dan kebudayaannya sebagai asas pembangunan sektor pelancongan. Kerajaan negeri meyakini bahawa pelancongan berasaskan kepada sejarah dan kebudayaan ini mampu mengembangkan ruang lingkup perekonomian rakyat Melaka ini.

Selain membangun dan memelihara tempat-tempat sejarah, membina pusat-pusat rekreasi dan riadah, kerajaan negeri juga bercadang mengadakan persembahan cahaya dan bunyi atau "*light and sound*" bagi memaparkan pensejarahan negeri ini menurut urutan sejarah dari zaman Kesultanan Melayu Melaka, zaman Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan era kebangkitan bangsa Malaysia dalam mendapatkan kemerdekaan negara. Sekiranya tiada apa aral melintang, projek ini akan dapat kita laksanakan tidak lama lagi.

Selain itu, kegiatan bercorak kebudayaan juga sedang diberikan perhatian yang agak serius di mana kerajaan negeri dengan bantuan agensi Kerajaan Persekutuan sedang berusaha mengetengahkan kemajmukan budaya Melaka yang kita kira merupakan salah satu tarikan pelancongan yang tidak terdapat di negeri-negeri lain.

Dalam hubungan ini, saya juga berharap agar karyawan filem akan dapat menyelitkan unsur-unsur unit yang terdapat di negeri ini dalam karya atau terbitan mereka. Dengan cara ini sekurang-kurangnya, usaha memperkenalkan Melaka kepada masyarakat tempatan dan luar negeri mungkin akan menjadi lebih berkesan.

Selain daripada itu, inginlah saya mengambil peluang ini untuk mengumumkan kesediaan kerajaan negeri untuk menjadi tuan rumah kepada Akademi Seni Negara seperti yang dicita-citakan. Sekiranya tawaran ini mendapat sambutan, Kerajaan Negeri akan menyediakan sekeping tanah seluas kira-kira 10 ekar di Air Keroh berdekatan dengan lebuhraya untuk tujuan ini.

Saya yakin penubuhan akademi seni ini memang sangat-sangat kita perlukan kerana di sinilah nanti dapat ditentukan sama ada kita mampu mengeluarkan gunatenaga termasuk di bidang perfileman yang berkebolehan untuk mengeluarkan produksi-produksi filem yang bermutu.

Seperti yang telah saya jelaskan, usaha-usaha yang lebih jitu harus dilakukan untuk memastikan dunia filem Melayu tidak menghadapi zaman kegelapan, apatahlagi pada zaman ledakan komunikasi sekarang ini apabila video menjadi sumber hiburan yang paling diminati.

## Pendidikan

ANAK seorang guru dan berpeluang pula menapakkan kakinya ke universiti, sudah tentulah di jiwynya tertanam; mahu melihat anak bangsanya turut berjaya dalam bidang pendidikan. Dan kerana ilmu yang diperolehi daripada universiti, ilmu yang berasaskan 'ketepatan perkiraan', maka beliau turut rasa terpukul apabila melihat anak bangsanya tercicir dalam mata pelajaran matematik dan sains. Lalu dengan daya fikir, beliau tidak canggung-canggung mengucapkan, "Kepentingan Sains dan Matematik ... dalam kehidupan sehari-hari adalah begitu penting kerana setiap kejayaan kita pada zaman penuh mencabar ini berasaskan kepada ketepatan perkiraan kita dari peringkat perancangan sehingga ke peringkat perlaksanaan."



## Kuasailah Bidang Sains

Sesungguhnya, saya sangat menyanjung tinggi usaha-usaha positif dan terancang yang dilakukan ke arah menyemarakkan kesedaran untuk meninggikan kualiti pencapaian anak-anak Bumiputera dalam bidang Sains dan Matematiks. Penggabungan ketiga-ketiga tenaga ini iaitu kerajaan negeri, belia dan golongan mahasiswa Bumiputera merupakan sumber yang amat penting dan sumbangan yang amat diperlukan untuk memenuhi kekosongan peluang yang masih terdapat di dalam masyarakat kita. Gerakan-gerakan yang konstruktif ini diharapkan akan dapat mengisi dan membina anak-anak Bumiputera mencapai kejayaan-kejayaan yang lebih baik dalam bidang Matematiks dan Sains.

Pencapaian anak-anak Bumiputera dalam kedua-dua mata pelajaran — Sains dan Matematiks di Sekolah-sekolah masih belum boleh dibanggakan jika dibandingkan dengan kejayaan-kejayaan anak-anak bukan Bumiputera. Perangkaan-perangkaan mengenai pencapaian anak-anak Bumiputera dalam kedua-dua mata pelajaran ini dalam peperiksaan-peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di Peringkat Nasional amat membimbangkan. Peratusan kegagalan yang besar berlaku terus-menerus dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut.

Jika dikaji dari segi kualiti pencapaian anak-anak Bumiputera dalam mata pelajaran Sains dan Matematiks, ia memperlihatkan suatu ketinggalan yang begitu ketara dan membimbangkan.

Dalam hubungan ini, semua golongan masyarakat Bumiputera perlu mempunyai kesedaran terhadap keadaan

ini bagi membolehkan mereka berusaha memperbaikinya. Sekolah perlu mengorak langkah baru dan cukup teratur untuk mengurangkan jurang perbezaan ini. Pengukuhkan kemahiran-kemahiran, minat dan kecenderongan dalam Matematiks dan Sains perlu dipupuk di peringkat atas pembelajaran kanak-kanak Bumiputera sama ada di peringkat tadika, sekolah-sekolah rendah, peringkat sekolah menengah dan juga di peringkat menengah atas.

Unsur-unsur kreatif yang boleh membawa kepada kecenderongan daya cipta, sifat kreativiti, nilai "Solving Problems" dan kesedaran-kesedaran tentang penghidupan masa kini dan masa depan yang bahagia dan berjaya perlu ditanamkan melalui Sains dan Matematiks. Kita tidak mungkin mampu mengubah masyarakat dan bangsa Melayu menjadi bangsa yang progresif dan dinamik jika penerapan unsur-unsur tersebut yang menjadi kekuatan pendidikan tidak dapat ditanam dan dikembangkan di kalangan pelajar-pelajar Bumiputera. Kurikulum, pendekatan pengajaran dan semangat baru kaum guru yang mengajar mata pelajaran ini di sekolah haruslah menuju kepada matlamat tersebut.

Bagaimanapun usaha paling penting harus dilakukan sendiri oleh para pelajar Bumiputera. Pelajar Bumiputera harus merupakan generasi muda yang berjiwa besar, mempunyai semangat kerajinan, kesungguhan mempelajari dan menguasai bidang Sains dan Matematiks untuk membaiki keadaan masyarakat bangsa mereka yang serba kekurangan dalam bidang ini. Sikap yang positif dan semangat 'bersaing dan berlumba perlu diwujudkan pada diri setiap pelajar Bumiputera untuk berjaya dalam bidang Sains dan Matematiks.

Umum telah mengetahui bahawa Sains dan Matematiks merupakan asas penting bagi melahirkan masyarakat yang bersifat intelektual dan berdaya sensitif. Ini disebabkan angka-angka dan pengetahuan saintifik dapat meningkatkan daya taakulan, daya analisis dan 'daya telah' terhadap sesuatu situasi dan perkembangan yang sedang berlaku dan akan berlaku. Oleh sebab itu, masyarakat yang dekat dan memahami kepentingan angka dan idea-idea saintifik lebih berupaya

menguasai maklumat-maklumat, menganalisis maklumat-maklumat tersebut untuk digunakan sebagai strategi, perancangan dan persediaan-persediaan menghadapi sesuatu kemungkinan yang akan berlaku.

Di samping itu kita juga telah memasuki satu era baru menggunakan teknologi moden terutama dalam bidang komputer di mana berbagai-bagai alat rekaan moden yang dapat membantu meninggikan kecekapan pengurusan kerja dan melakukan berbagai-bagai kerja-kerja penganalisaan, pengumpulan maklumat untuk kepentingan perancangan dan sebagainya telah diciptakan. Angka-angka merupakan Bahasa (Language) yang boleh dianalisis dan diterjemahkan kepada maklumat-maklumat untuk pelbagai kegunaan. Perkembangan teknologi moden serupa ini akan menjadi lebih kompleks lagi di mana ia memerlukan kemampuan kita mempelajari dan melengkapkan diri dengan kecekapan-kecekapan baru yang mana asas Matematiks dan Sains (*Sains gunaan* dan *Sains tulen*) amat penting dalam bidang-bidang tertentu.

Kepentingan Sains dan Matematiks seperti yang telah saya sebutkan tadi dalam kehidupan sehari-hari kita adalah begitu penting kerana setiap kejayaan kita pada zaman penuh mencabar ini berasaskan kepada ketepatan perkiraan kita dari peringkat perancangan sehingga ke peringkat perlaksanaan. Di negara-negara yang maju, sehingga percaturan politik, apakah lagi perniagaan, bergantung penuh kepada kepakaran dan keupayaan mereka di bidang Sains dan Matematiks di mana statistik iaitu satu bidang analisis Matematiks merupakan satu keperluan yang tidak boleh diketepikan.

Oleh kerana kesedaraan inilah, maka kerajaan telah mengambil segala langkah yang perlu untuk mewujudkan satu 'Budaya Sains dan Teknologi' di kalangan masyarakat terutamanya di kalangan pelajar-pelajar Bumiputera yang masih jauh ketinggalan di belakang. Kepesatan bidang pembelajaran dan komunikasi massa di negara ini menyebabkan ledakan budaya Sains dan Teknologi ini begitu ketara di mana pasaran teknologi kita kini mula dibanjiri oleh berbagai-bagai jenis alat dan komputer.

## PENGERAK

Bagaimana pun, kesan perkembangan pesat ini masih belum mendatangkan kesan yang memberangsangkan terhadap usaha-usaha membudayakan masyarakat Bumiputera kita di bidang Sains dan Matematiks kerana setakat ini kita hanya mampu menjadi pengguna kepada kemudahan-kemudahan ini berikutan kurangnya tenaga mahir kita di bidang ini.

Kekurangan ini harus dijadikan sebagai cabaran kepada penganjur-penganjur bidang ini sekiranya kita muh mengangkat martabat bangsa kita menjadi bangsa pencipta yang berupaya menghasilkan rekaan-rekaan dan ciptaan-ciptaan yang dapat memberi sumbangan kepada kepentingan masyarakat kita khususnya dan masyarakat sejagat amnya.

Salah satu daripada langkah kerajaan untuk tujuan ini ialah dengan membawa masuk tenaga kepakaran asing yang dipertanggungjawab melaksanakan projek-projek raksasa yang mencabar keupayaan manusia seperti pembinaan projek dayabumi di Kuala Lumpur, pembinaan jambatan Pulau Pinang, perlaksanaan projek-projek lebuhraya utara-selatan dan macam-macam lagi.

## Pendidik Harus Peka

Dunia sentiasa berubah dan tidak ada yang kekal dan statik. Kadangkala perubahan-perubahan itu berlaku terlalu pantas sehingga amat sukar kita mengejarnya. Bukan sahaja cara hidup, *world view* budaya dan sistem nilai berubah, bahkan cara, teknik dan gaya pengurusan juga turut berubah. Justeru itu, sebagai pengurus institusi pendidikan, pengetua-pengetua harus peka dan sensitif terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling kita. Kita juga harus mempunyai *vision* atau pandangan jauh ke hadapan lebih-lebih lagi pelajar-pelajar di bangku sekolah hari ini akan terus hidup pada tahun-tahun 2,000 nanti.

Sesungguhnya profesionalisme mempunyai ciri-ciri penting dan di antara lain ialah himpunan ilmu pengetahuan, latihan, kod etika dan perkembangan serta kemajuan yang berterusan. Sehubungan dengan itu wujudnya pekembangan dan kemajuan organisasi serta kemajuan *research*. Ilmu pengetahuan yang sangat berguna akan terus bertambah.

Dalam konteks inilah pengetua-pengetua sebagai pengurus-pengurus harus bergerak mengikut kehendak dan peredaran zaman. Ilmu dan latihan yang diperolehi 20 tahun dahulu mungkin telah ketinggalan zaman dan tidak berkesan lagi di arena pendidikan pada zaman komputer ini. Mungkin juga ilmu dan kemahiran dahulu kala tidak lagi berkesan dan berkeupayaan untuk menghadapi dekad 80-an dan 90-an yang kian mencabar.

Pada hemat saya, seminar yang diadakan selama dua hari ini amatlah wajar dan sesuai untuk memantapkan lagi pengurusan demi kepentingan pendidikan di tanahair, lebih-

lebih lagi pembentang-pembentang kertas kerja adalah merupakan pakar-pakar di bidang masing-masing. Keksamaan (*democratization*) di bidang pendidikan bukan lagi merupakan fenomena pada hari ini malahan kita sekarang berada dalam satu era memperjuangkan pendidikan yang berkualiti.

Kita tidak akan mencapai objektif tersebut jika sekiranya pengurus-pengurus institusi pendidikan tidak berkualiti dan kurang berkesan. Sesungguhnya peningkatan profesionalisme itu perlu diadakan dari semasa ke semasa, sebagai *platform* penambahan ilmu.

Ilmu yang baru diperolehi itu pula akan merupakan inspirasi dan rangsangan untuk bertindak lebih berkesan lagi. Sebagai profesional, pengetua-pengetua harus berkebolehan menjadi *instructional leader* yang dapat menggerakkan anak buahnya bekerja sebagai satu kumpulan yang mantap ke arah pencapaian matlamat kumpulan dengan kebijaksanaan menggunakan sumber-sumber kewangan dan infrastruktur yang paling minimum.

Impian ini tidak akan menjadi kenyataan jika sekiranya mereka tidak celik mengenai pengkaedahan pengurusan. Mereka seharusnya mengetahui QCC, *management by objectives*, *participative management*, *management by information* dan *situational management*.

Sesungguhnya keberkesanan pengurusan akan dapat dipertingkatkan jika sekiranya pengetua-pengetua mahir membuat analisis, perancangan, *problem solving*, *programming*, *penilaian*, *kawalan*, *organizing*, *staffing*, *leading*, *monitoring* dan penyelarasaran. Ini seharusnya pula diikuti dengan *sistem approach* dan berkebolehan memberi dorongan serta motivasi yang memerangsangkan.

Isu *indiscipline*, *vandalism*, *gangsterism*, pontent sekolah dan dadah merbahaya adalah merupakan fenomena yang amat mencabar kewibawaan dan profesionalisme pengetua-pengetua pada hari ini. Masyarakat ingin melihat bagaimana isu-isu ini dapat diselesaikan secara profesional. Adakah hukuman mendera seperti merotan atau pendekatan kemanusiaan dapat

menyelesaikan gejala-gejala tersebut?

Sehubungan itu, pengetua sebagai pengurus harus menerapkan disiplin sendiri, arah laluan dan menggariskan destinasi yang hendak dituju. Murid-murid sekolah harus diterapkan dengan nilai-nilai Islam. Rajin bekerja, daya tahan, daya siang, cekal, berani serta sikap bangga terhadap sekolah dan patriotik.

Naluri yang inginkan kecemerlangan, gigih dan kental adalah di antara sifat-sifat yang murni lagi terpuji. Sekolah seharusnya menyediakan iklim dan budaya yang menyeronokkan murid-murid selain daripada menjadi pusat profesionalisme.

Satu kertas kerja khas mengenai perpaduan dan integrasi kaum akan dibentangkan oleh Dr. Hussin Ahmad dari Jabatan Perpaduan Negara. Ini adalah salah satu usaha yang baik dan mempunyai objektif yang suci murni ke arah pembentukan warganegara yang bersatu padu, dinamik, progresif selaras dengan matlamat pendidikan untuk melahirkan insan-insan yang soleh, harmonis dan seimbang dunia dan akhirat.

Sesungguhnya perasaan khuatir, bimbang dan ragu akan wujud jika sekiranya murid-murid tidak *committed*, tidak mempunyai *sense of direction, sense of unity, sense of belonging*, taat setia dan bangga terhadap negara. Sekiranya perkara ini terjadi maka masa depan generasi muda amatlah gelap dan *unpredictable*.

Sehubungan dengan itu semua pihak daripada pelbagai keturunan hendaklah bersama-sama menyelesaikan masalah ini yang menjadi *batu penhalang* kepada kesejahteraan negara. Justeru itu amalan toleransi berkaitan agama, budaya, cara berfikir dan cara hidup pelbagai keturunan haruslah dihormati. Sesungguhnya hidup bermuafakat membawa berkat dan hidup berpecah belah mendatangkan mudarat.

Dalam konteks ini, '*aur dengan tebing*' seharusnya dijadikan amalan hidup kerana manusia dan kemanusiaan, masyarakat dan kemasyarakatan, dan hidup dan kehidupan adalah timbal balik, iaitu saling perlu memerlui serta saling bergantung di antara satu sama lain. Jika tebing runtuh, aur

hanyut dan seterusnya tanpa perpaduan kita kehancuran.


Kurikulum yang merupakan bidang pengajian adalah tidak terkecuali daripada mengalami perubahan. Dalam konteks ini kurikulum lama sekolah rendah telah digantikan dengan KBSR dan KBSM pula diperkenalkan untuk memberi nafas baru kepada kurikulum lama sekolah menengah.

Panitia-pantia baru diperkenalkan seperti kewarganegaraan, kemahiran hidup, kemahiran manipulatif, perdagangan dan komputer. Perubahan dan perkembangan ini adalah secara evolusi dan selaras dengan hasrat dan aspirasi negara mengikut kehendak dan peredaran zaman.

Kita haruslah mengikuti perubahan-perubahan ini lebih-lebih lagi pengetua-pengetua sekolah adalah pelaksana yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan. Adalah diharapkan perubahan-perubahan ini tidak dijadikan beban, malahan ia seharusnya dijadikan rangsangan untuk bekerja lebih lagi dan dedikasi lagi.

## Agama

DATUK Seri Dr. Mahathir, pemimpin yang disayangi oleh Datuk Seri Abdul Rahim, melihat kelemahan umat Islam pada zaman ini kerana tidak mengikut ajaran Islam dan menjadikan Islam sebagai *ad-din*. Kritik ini mengalir bagai air pasang ke sanubari Datuk Seri Rahim. Sempena Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1984, maka diucapkannyaalah beberapa kalimat yang telah dicerna dalam kotak fikirnya: "Sekiranya kita leka, kita asyik berpecah sesama sendiri, sekiranya kita meletakkan kepentingan ummah di bawah kepentingan peribadi, sekiranya kita menekankan bahawa nafsu negatif harus mengatasi usaha-usaha positif dan ikhlas dalam meningkatkan syiar Agama dan kedudukan bangsa, nescaya dan sudah pasti umat Islam akan terus menjadi mundur, lemah, diperkotak-katik dan akhirnya akan mengemis ke barat atau timur, ke utara atau selatan untuk penghidupan dan perlindungan."



## Al-Quran Bukan Sekadar Dibaca

**A**lhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah kurnianya kerana dapat kita semua berkumpul pada malam yang mulia ini bagi menyaksikan dan menghayati Musabaqah Al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-26 tahun 1984 bersamaan 1404 hijrah di Stadium Kubu, Melaka.

Sesungguhnya saya bagi pihak kerajaan dan seluruh rakyat Negeri Melaka mengucapkan ribuan terimakasih dan penghargaan kepada kerajaan persekutuan dan Jawatankuasa Pusat Musabaqah kerana telah memilih Melaka menjadi tuan rumah kepada musabaqah peringkat kebangsaan kali ini. Ini sebenarnya suatu penghormatan yang besar kepada kami, negeri dan rakyat Melaka pada keseluruhannya.

Saya juga bagi pihak seluruh ahli jawatankuasa besar musabaqah mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Utama Perdana Menteri kerana kesudian beliau melapangkan masa untuk upacara perasmian Musabaqah Al-Quran kali ke-26 ini.

Rakaman terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat khususnya jawatankuasa besar dan jawatankuasa pusat Musabaqah serta amnya kepada seluruh jabatan-jabatan, organisasi-organisasi, orang perseorangan dan lain-lain termasuk kerajaan negeri atas kerjasama, sokongan dan penglibatan yang ditunjukkan setakat ini. Tanpa kerjasama, sokongan dan penglibatan tersebut agak sukar upacara ini dapat dilaksanakan dengan

sempurna. Moga-moga Allah membalas segala amal kebaikan yang dtaburkan itu.

YAB Datuk Seri Utama dan hadiran/hadirat sekalian, malam ini, kita semua berkumpul beramai-ramai di negeri yang bertuah dan bersejayah ini dengan satu tujuan iaitu untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T. Kita melapangkan masa pada waktu ini bagi membolehkan kita mendengar bacaan-bacaan Al-Quran daripada qari dan qariah dari seluruh negara, dengan harapan untuk mendapat Taufik dan Hidayah daripada Allah S.W.T.

Pendengaran terhadap ayat-ayat suci Al-Quran bukan saja dimaksudkan bagi pendengaran semata-mata di samping penekanan terhadap mutu bacaan tetapi lebih dari itu ialah memahami dan menghayati isi kandungan dan pengajaran yang tersirat di dalamnya sehingga setiap dari kita dapat membentuk dan membina satu penghidupan yang lebih baik, bahagia dan terjamin dalam usaha kita mencari keredhaan Allah S.W.T. di dunia dan di akhirat.

Keagungan, ketahanan dan kegemilangan empayar Islam pada zaman Rasullullah S.A.W. dan para sahabatnya harus menjadi inspirasi, pendorong dan galakan yang kuat kepada seluruh umat Islam masa kini untuk maju ke hadapan. Cita-cita dan hasrat yang murni lagi mencabar ini tidak akan tercapai dan hanya akan menjadi mimpi saja seandainya anggota-anggota masyarakat Islam khususnya di negara ini tidak mengorak langkah, tidak bertindak untuk mengubah untung nasib mereka dan tidak berusaha memperbaikinya, sesuai dengan Firman Allah bermaksud "bahawa sanya Allah tidak mengubah nasib satu-satu kaum sehingga kaum itu sendiri mengubahkannya."

Dalam hubungan inilah, tema Musabaqah kali ini "Berilmu, Berusaha Tuntutan Al-Quran" amat penting bagi setiap anggota masyarakat Islam, penting bukan saja dari segi membina ketahanan ummah tetapi juga sebagai landasan yang utuh dan kukuh dalam menghadapi cabaran-cabaran persaingan dan pertandingan dan ummah-ummah dan agama-agama yang lain di negara majmuk seperti Malaysia ini.

Dapatkah kita mencapai maksud ini dan menjadikan Islam sebagai satu tenaga dan *catalyst* pendorong yang kuat ke arah menjadikan impian kita satu kenyataan yang benar banyak bergantung kepada keazaman semangat dan *commitment* seluruh umat Islam sendiri terhadap cita-cita dan hasrat tersebut.

Sekiranya kita leka, kita asyik berpecah sesama sendiri, sekiranya kita meletakkan kepentingan ummah di bawah kepentingan peribadi, sekiranya kita menekankan bahawa nafsu negatif harus mengatasi usaha-usaha positif dan ikhlas dalam meningkatkan syiar Agama dan kedudukan bangsa, nescaya dan sudah pasti Umat Islam akan terus menjadi mundur, lemah, diperkotak-katik dan akhirnya akan mengemis ke barat atau timur, ke utara atau selatan untuk penghidupan dan perlindungannya.

Oleh itu tugas dan tanggungjawab melengkapi diri dengan berbagai-bagai ilmu, mengamalkannya serta meningkatkan usaha ke arah kelahiran satu umat Islam yang bermaruah, kuat, disegani dan mempunyai ketahanan adalah satu 'jihad' dan perjuangan suci murni lagi mulia yang harus disambut dan diperjuangkan oleh setiap anggota masyarakat Islam yang sayang dan cintakan kepada bangsa dan mempunyai keyakinan, pegangan dan akidah yang kuat kepada Agamanya. Ini sesuai dengan Firman Allah yang bermaksud "Allah mengangkat darjat orang yang beriman dan berilmu pengetahuan itu setinggi darjat kemuliaan."

Selaras dengan era "kebangkitan kesedaran Islam" di seluruh dunia dewasa ini, kerajaan kita melaksanakan proses penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara dan penghidupan rakyat secara beransur-ansur dan bijaksana dengan dua kaedah pendekatan yang munasabah.

- \* Menerapkan dan mengassimilasi nilai-nilai besar lagi Universal Islam yang dapat diterima bukan saja oleh masyarakat Islam tetapi juga oleh masyarakat bukan Islam. Usaha menegakkan nilai-nilai bersih, cekap, amanah, kepimpinan melalui teladan, kewujudan Bank Islam, Universiti, Islam dan lain-lain adalah menuju ke matlamat ini.

- \* Mengubah kefahaman umat Islam sendiri dari segi sikap dan nilai-nilai terhadap hidup yang berasaskan "pemikiran positif".

Ertinya ummat Islam harus memandang hidup dengan lebih terbuka dan bermotivasi, iaitu kalau dulu apa-apa tindakan perbuatan kita yang tidak berkaitan secara langsung dengan Agama maka itu dianggap sebagai bukan Islam malah anti-Islam, tetapi kini sikap dan pandangan seperti itu haruslah ditukar atau diubahsuai. Kita haruslah menganggap sebarang tindakan dan perbuatan yang produktif, berfaedah dalam bidang apa pun asalkan tidak bertentangan dengan Islam sama ada ia bersifat Agama Ekonomi, Pelajaran Kemasyarakatan, Sains dan Teknoloji atau Matematik, pentadbiran dan lain-lain adalah Islamik, bersifat Islam dan tuntutan Islam.

Sesungguhnya inilah tahap yang kita kehendaki bagi benar-benar menjadikan Islam itu sebagai 'Ad Din (cara hidup/the way of life). Inilah juga sebenarnya tahap yang harus dicapai bagi membolehkan umat Islam menjadi umat yang progresif dan berketahtanan, dan inilah juga tahap yang dikehendaki oleh pucuk pimpinan negara kita di bawah YAB Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia agar usaha dan perjuangan melahirkan sebuah masyarakat, ummah dan negara yang bermaruah, disegani lagi dihormati dan kuat akan berjaya dijadikan kenyataan dan realiti.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadhrat Allah S.W.T. agar Majlis Musabaqah Al-Quran peringkat kebangsaan di Melaka ini akan membuka lembaran baru, era baru kepada kita di seluruh negara dalam mendekati dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran yang dibaca nanti. Insya-Allah moga-moga daripada ayat-ayat tersebut, segala peringatan-peringatan dan petunjuk-petunjuk yang tersinar darinya akan terus membara dan menyemarakkan keinginan dan semangat kita dalam mengabdikan diri terhadap keredhaan Allah S.W.T. Ini adalah satu perjuangan yang harus dipikul dan diteruskan oleh generasi kini dan generasi akan datang.

Kerana ini jugalah kerajaan Negeri Melaka kini bukan saja menjalankan penerapan nilai-nilai Islam kepada generasi muda

melalui sistem Sekolah LAPISNYA (*Lembaga Pendidikan Islam Negeri Melaka*) tetapi menubuhkan juga sebuah Maahad Tahfiz Al-Quran agar sentiasa wujud sepanjang zaman dan ketika ahli-ahli hafiz yang sentiasa dapat menghafal dan membaca ayat suci Al-Quran itu dengan cara yang betul dan sempurna. Sesungguhnya ini adalah satu warisan yang amat murni, mulia lagi terpuji.

## Berhijrah Kepada Kemajuan

**S**ambutan Maal Hijrah ini merupakan satu lagi usaha Kerajaan untuk mengajak rakyat khususnya umat Islam di negeri ini kembali menghayati perintah Allah untuk menjadi umat yang benar-benar berjaya di dunia mahupun akhirat.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, umat Islam merupakan semulia-mulia umat di sisi Allah S.W.T. Ini ditegaskan oleh Allah di dalam kitab sucinya, Al-Quran Nurkarim yang bermaksud:

'Kamu wahai umat Mohamad adalah sebaik-baik umat yang ada di muka bumi kerana kamu menyuruh berbuat baik. Melarang perkara buruk dan keji serta kamu beriman kepada Allah.'

Di sini jelas kepada kita bahawa umat Islam sekiranya menghayati dan mengamalkan segala ajaran Allah seperti terkandung dalam Al-Quran, kita mampu menjadi sebaik-baik umat di muka bumi ini.

Malangnya, kegemilangan umat Islam seperti yang dialami pada zaman Khalifah Rashidin dan untuk beberapa waktu selepasnya tidak kekal malah tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa umat Islam pada zaman mutakhir ini semakin terjepit sehingga ada yang sanggup meninggalkan agamanya kerana tekanan kehidupan.

Umat Islam di serata dunia kini lemah di banyak bidang sama ada di segi penguasaan ilmu pengetahuan, ekonomi, kekuatan senjata, siasah mahupun perpaduan sesama sendiri. Kita melihat bagaimana saudara-saudara seagama dengan kita

bercakaran, berperang antara satu sama lain kerana tidak sehaluan di segi akidah. Kita melihat saudara-saudara kita ditindas oleh kuasa-kuasa besar kerana saudara-saudara kita lemah dan kerana kekuatan umat Islam sejagat tidak lagi digeruni.

Kita melihat ada di antara kita yang terpaksa meminta belas ikhsan orang lain semata-mata untuk hidup. Bahkan di negara sendiri, kita masih lagi melihat umat Islam di sini hidup di dalam keadaan yang agak daif.

Sekiranya dikaji akan akar umbi yang menyebabkan umat Islam berkeadaan demikian kita akan menemui jawapannya, iaitu umat Islam kini telah begitu jauh dari ajaran-ajaran Islam yang sebenar.

Oleh itu, bersempena dengan Awal Muharam Tahun Hijrah yang bersejarah ini, marilah kita kembali dan berpegang kepada agama Allah dengan azam yang baru, semangat baru dan roh yang baru. Segala kesilapan dan kelalaian yang telah kita lakukan itu hendaklah dijadikan sebagai ajaran dan pengalaman untuk tidak diulangi dan menjadi pendorong kepada kita untuk berusaha dengan lebih gigih mencapai kecemerlangan hidup dari dunia hingga akhirat.

Hijrah bermakna perubahan sikap bagi mencapai kejayaan dan kemajuan yang lebih bererti dan bermakna, sebagaimana Hijrah Rasulullah dan para sahabatnya ke Madinah telah membawa kejayaan demi kejayaan kepada usaha-usaha baginda menegakkan agama Allah di muka bumi ini.

Umat Islam umat pilihan, umat contoh bagi yang lain. Ini bererti umat Islam ialah umat yang berilmu pengetahuan, beriman dan berakhhlak mulia. Sebagai umat yang terpilih, kita harus merenung kembali akan kecapaian kita selama ini.

Marilah kita mengkaji dan menyoal diri kita, apakah kita umat Islam khasnya di negara ini telah benar-benar menjadi contoh kepada warganegara yang lain. Dengan rendah diri kita perlulah mengaku bahawa kira masih belum lagi dapat melahirkan hakikat tersebut kerana terdapat terlalu banyak kelemahan yang merosakkan yang perlu diatasi.

Kita memang menjunjung kebebasan beragama di negara

ini tetapi kebebasan itu jangan sampai mengharubirukan keadaan masyarakat yang ada kerana terdapatnya usaha-usaha mencemarkan maruah dan kesucian agama Islam.

Untuk meletakkan umat Islam di tempat yang sewajarnya, Kerajaan memerlukan kerjasama dari setiap umat Islam di negara ini. Sempena sambutan Maal Hijrah ini, marilah kita berganding bahu, menyusun barisan untuk kembali kepada ajaran Islam yang suci dan melindungi muda-mudi kita dari terpesong atau dipesongkan oleh musuh-musuh Islam.

Umat Islam mesti sanggup 'Berhijrah' dalam erti kata meninggalkan setiap sikap dan sifat negatif dan seterusnya memperkalkan budaya hidup yang tinggi.

Mulai saat ini, umat Islam harus berazam untuk memastikan bahawa setiap usaha yang dilakukan sama ada di bidang ekonomi dan pengetahuan akan dilakukan secara bersungguh-sungguh sehingga berjaya mencetuskan hasil yang benar-benar cemerlang.

Hanya dengan cara ini sahaja kita mampu bersaing dengan umat-umat lain dan seterusnya menebus maruah agama yang kini agak tertekan. Umat daif, agamanya juga akan menjadi daif dan sekiranya sesuatu umat itu maju, maka agamanya juga dipandang tinggi lagi mulia.

Saya yakin dan percaya, umat Islam bukan sahaja perlu tetapi juga bersedia mengubah sikap, pendirian dan cara hidup sesuai dengan kehendak-kehendak agama Islam. Inilah sahaja jalan yang perlu dan wajib kita lalui demi mengembalikan keagungan Islam dan kemuliaan umatnya.

## Catatan Kaki

1. Ucapan di Dewan Negeri Melaka, 1984 halaman 3.
2. Ucapan ketika menyampaikan taklimat ADUN dan ketua Jabatan, 1986 halaman 12.
3. Dipetik daripada *ERA*, 6 September 1986 halaman 18.
4. Ucapan di majlis perlantikan ahli-ahli Majlis Daerah dan Kerajaan Tempatan Negeri Melaka, 1984 halaman 35.
5. Ucapan sempena Pelancaran Kempen Tanah Adat Melaka halaman 39.
6. Ucapan sewaktu membentangkan Belanjawan Melaka 1987 di Dewan Undangan Negeri Melaka halaman 43.
7. Berucap di Persidangan Belanjawan 1988 halaman 55.
8. Disesuaikan daripada *Berkenalan Dengan Barisan Pemimpin Melaka* karya Lotfi Ismail, 1987 halaman 69.
9. Ucapan ketika merasmikan Pacific Bank Berhad Cawangan Melaka, 1986 halaman 85.
10. Ucapan di Bengkel Pengukuran Produktiviti untuk pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Melaka, 1987 halaman 89.
11. Disesuaikan daripada *Suara Melaka*, halaman 95.
12. Ucapan di Majlis Menandatangani Perjanjian Pelancaran Projek Cahaya dan Bunyi di Hotel Ramada pada 5 Februari, 1988 halaman 101.
13. Ucapan di Majlis Pelancaran Muzium Sastera pada 18 Februari, 1984 halaman 109.
14. Ucapan penutup Kursus Kefahaman Kebudayaan Kebangsaan di Kem Membina Semangat Port Dickson halaman 113.
15. Ucapan pada Malam Aidilfitri Penulis anjuran PENAMA di Dewan MPMT pada 8 Julai, 1984 halaman 119.
16. Ucapan di upacara perasmian Istana Kesultanan Melaka, 1986 halaman 122.

PENGERAK

17. Ucapan di Majlis Perasmian Pameran Anugerah Perfileman '87 di Istana Kesultanan Melayu Melaka pada 8 November, 1987 halaman 131.
18. Ucapan di pelancaran Projek Matematik dan Sains di Dewan MPMT pada 13 Mei 1984 halaman 139.
19. Ucapan di majlis perasmian Seminar Peningkatan Profesionalisme Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Negeri Melaka, 1986 halaman 143.
20. Ucapan di Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1984 halaman 149.
21. Ucapan di majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Melaka halaman 154.



Majlis Pembukaan Rasmi Air Keroh d'Village Melaka pada 15 April 1993



Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik menyampaikan cenderahati kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad di Air Keroh d'Village Melaka.



Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik mengiringi Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad di Air Keroh d'Village Melaka.



Persamian Air Keroh d'Village



Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik semasa menyambut Hari Kebangsaan 1993.



Perasmian Dataran Rakyat Alor Gajah 31.8.92



Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Haji Abdul Rahim, Timbalan Yang Di Pertua MPMBB, Datuk Mohd. Zuhuri Haji Salleh (dua dari kiri) dan Setiausaha Haji Abdullah Md. Dom (kiri sekali) sedang melihat Perdana Menteri membuka skrol yang berisi Watikah Wawasan 2020 yang akan disematkan di atas Tugu Pengisytiharan Melaka Bandaraya Bersejarah. Watikah ini akan dibuka pada 1 Januari 2020.



Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad sedang menghayati serta membaca akhbar rasmi Kerajaan Negeri 'Suara Melaka' dan diperhatikan oleh Tan Sri Haji Abdul Rahim.



Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik sedang menyampaikan anak kunci Komplek Perniagaan Masjid Tanah kepada Pengurus Pernara Jaya Haji Yaakob Bachik.



Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik bersama-sama Datuk Ali Rustam dan Datuk Seri Anwar Ibrahim



Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad sedang berbual-bual dengan Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik dan Datuk Seri Anwar Ibrahim



Perasmian Muzium Belia Malaysia, Banda Hilir



Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Haji Abdul Rahim melambaikan tangan tanda terima kasih sambutan yang diberikan dalam perhimpunan pemimpin bersama takyat di Pusat Ekspo Ayer Keroh.



Malam Sebutir Intan di Bumi Bertuah anugerah TYT.



Anugerah Sebutir Intan  
di Bumi Bertuah,  
23 Ogos 1993 dari  
UMNO Bahagian  
Alor Gajah.



Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik turut bergembira menyaksikan Noor S.M. menyampaikan buku kumpulan puisi 'Percakapan Puisi Untuk Mahathir' kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad, dalam Majlis Makan Malam di Seri Bendahara.



Pelancaran Dasar Belia  
Melaka.



Makan Malam Perdana  
di Seri Bendahara.



Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad meninjau pembangunan Melaka diiringi oleh Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik.



Orang ramai berebut-rebut untuk bersalam dengan Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad membuktikan kasih mereka kepada pemimpin yang benar-benar berjuang untuk rakyat dan negara dalam perhimpunan pemimpin bersama rakyat di Melaka pada tahun 1990



Pemimpin-pemimpin Negara dalam perhimpunan di Negeri Hang Tuah.



Rakyat Melaka menyambut lawatan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad, di Melaka.



Tan Sri Haji Abdul Rahim bin Tamby Chik dan-Datuk Ali Rustam ketika melawat ruang pameran Percetakan Surya di hari perasmian Ekspo Usahawan Bumiputera di Tapak Ekspo, Ayer Keroh, Melaka.



Tan Sri Haji Abdul Rahim bin Tamby Chik mengucapkan sesuatu kepada Tuan Haji Sabdin bin Osman, pengurus Percetakan Surya ketika beliau melawat ruang pameran Percetakan Surya di hari perasmian Ekspo Usahawan Bumiputera di Tapak Ekspo, Ayer Keroh, Melaka.